

DR.14.3.2000

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Selasa, 14 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

1. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah langkah tegas kementerian bagi mengatasi bilangan dan kegiatan pengemis yang kian meningkat terutama di musim perayaan. Sehingga kini, apakah bentuk tindakan yang telah diambil terutama kepada mereka yang mendalangi aktiviti tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengadakan operasi banteras kegiatan pengemis dari masa ke semasa secara tetap mengikut peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977 terutamanya di musim-musim perayaan yang juga melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Imigresen dan Polis melalui operasi-operasi seumpama ini. Kementerian akan mengenal pasti pengemis-pengemis yang memerlukan perlindungan akan dihantar ke Pusat Pemulihan Pengemis, Desa Bina Diri Mersing, Johor untuk menjalani pemulihan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai kuasa untuk menangkap mereka yang mendalangi aktiviti pengemisan.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Daripada penjelasan yang diberikan tadi saya ingin bertanyakan soalan tambahan. Setakat ini berapakah jumlah pengemis yang telah dikenal pasti dan berapa ramaikah di antara mereka terdiri daripada wanita, lelaki dan kanak-kanak dan

adakah mereka ini daripada rakyat tempatan ataupun pendatang asing. Terima kasih.

Tuan S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, pengemis-pengemis yang ditangkap dan dibawa ke mahkamah dan kemudian ditempatkan di Desa Bina Diri Mersing adalah seramai 500 orang. Bangunan itu boleh muatkan seramai 450, lebih daripada kapasiti kerana terlalu banyak yang ditangkap. Sebenarnya yang didaftar adalah 550, 50 orang telah melarikan diri sebab lebih lumayan untuk meminta sedekah. Saya haraplah orang ramai tidak memberi sedekah. Negara kita tidak ada masalah di mana mereka boleh mencari rezeki, tetapi ada orang-orang yang malas, senang mendapat sedekah, tunggu di Jalan Tuanku Abdul Rahman, orang yang pergi sana membeli-belah, ada duit tukar mereka bagi kepada mereka. Ini menjadi satu masalah besar.

Bagi jumlahnya kita tidak tahu, kita tidak asingkan wanita dan lelaki, tetapi yang ditangkap daripada 1996 hingga 1999 adalah seramai 1,889. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai pengemis yang dikawal oleh sindiket. Pekerjaan mereka di tempat-tempat strategi seperti di tempat-tempat ramai pelancong. Ini akan menjejaskan imej negara. Apakah tindakan kementerian akan mengambil untuk membanteras kegiatan ini dan mengapa di Bandaraya Kuala Lumpur sukar membersihkan dari kutu rayau dan pengemis walaupun pihak Jabatan Kebajikan kerap membuat serbuan dan tangkapan, dan apakah ini dilakukan ke atas para pengemis setelah ditangkap walaupun tadi Yang Berhormat kata kementerian tidak ada kuasa untuk menangkap mereka. Terima kasih.

Tuan S. Veerasingam: Tuan Yang di-Pertua, bila kementerian saya ingin mengadakan sesuatu untuk menangkap pengemis-pengemis kita minta bantuan daripada pihak polis. Pihak polis ada kuasa untuk menangkap mereka dan mereka dibawa ke mahkamah di mana mahkamah akan menetapkan mereka perlu dihantar ke sesuatu tempat pemulihan. Kementerian saya juga ada merancang untuk membina satu lagi pusat dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerana satu tidak mencukupi tempat. Yang kedua, jika ada sindiket

yang terlibat, jika ada bukti, bukti ini boleh diberi kepada pihak polis untuk mengambil tindakan. Ini adalah satu perkara yang serius. Ada di setengah negara di mana sindiket-sindiket ini mencolek anak-anak dan kemudian potong tangan atau mengeluarkan mata dan minta mereka minta sedekah daripada orang ramai. Jadi, kita mesti berhati-hati ini tidak berlaku di negara kita. Kalau ada bukti tolong beri kepada pihak polis dan juga boleh beri kepada kementerian saya di mana kita boleh mengambil tindakan. Kita di Jabatan Kebajikan digunakan sebagai satu *one-stop-agency*, dengan izin. Apa masalah berkaitan dengan pengemis atau penderaan, apa sahaja jenis masalah ianya boleh dilaporkan kepada pegawai kebajikan yang ada di daerah itu. Terima kasih.

2. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan projek perumahan yang terbengkalai mengikut negeri setakat 31.12.1999 dan sama ada kerajaan bercadang memulih Tabung Projek Perumahan Terbengkalai.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 157 projek perumahan dikenal pasti sebagai projek terbengkalai, manakala 336 projek telah atau sedang dipulihkan. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan
Perlis	4
Kedah	5
Pulau Pinang	9
Perak	24
Selangor	29
Wilayah Persekutuan	7
Negeri Sembilan	17
Melaka	5
Johor	17
Kelantan	16
Terengganu	11
Pahang	13

Dari baki 157 projek ini perhatian sedang diberi kepada kemungkinan membantu 46 projek lagi. Kebanyakan yang lain sebenarnya adalah tidak sesuai dipulihkan kerana tiada pembeli ataupun pembeli sendiri sudah tidak

berminat lagi dan sebagainya. Kementerian ini sedang mengkaji sama ada perlu ditubuh lagi tabung bagi pemulihan projek perumahan terbengkalai.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan untuk Yang Berhormat Menteri. Di Wangsa Maju pun ada satu kes projek perumahan swasta terbengkalai yang begitu kronik. Ini terlibat pembinaan 5 blok flat berjumlah 1,900 unit dan pemindahan 549 keluarga. Penduduk Kampung Pasir Wardibun yang juga merupa pengundi Wangsa Maju telah pun tandatangi Sales and Purchase Agreement (S&P) dengan izin, pada tahun 1994. Walau bagaimanapun, mereka telah pindah tinggal di rumah panjang sejak 1993 dengan keadaan yang tidak teratur dan kurang sihat. Mereka juga sedang membayar wang ansuran kepada bank tiap-tiap bulan. Sehingga hari ini pemaju masih tidak lagi memberi jaminan atas jangkaan tarikh siap projek ini. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang pihak kerajaan dapat ambil untuk membantu menyelesaikan masalah Kampung Pasir Wardibun ini walaupun ini satu projek swasta?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan untuk kita mengaktif semula Tabung Projek Terbengkalai seperti pernah kita wujudkan dahulu, iaitu yang telah diberhentikan pada tahun 1992. Kementerian saya sedang buat cadangan supaya di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kalau sekiranya kajian itu menunjukkan cara ini adalah berkesan, kita akan cadang kepada kerajaan untuk mengada semula tabung itu.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dari 336 projek perumahan yang sedang dipulihkan adakah ini bermakna pada satu ketika projek-projek ini pun dianggap sebagai projek-projek terbengkalai. Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa di negeri Pulau Pinang, antara projek-projek perumahan yang terbengkalai ini termasuk projek-projek di mana unit perumahan kos rendah ini diperuntukkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang untuk menempat semula mangsa-mangsa pemansuhan Akta Kawalan Sewa. Tetapi oleh kerana projek-projek perumahan ini terbengkalai dan mangsa-mangsa tidak dapat menduduki rumah mereka, sedangkan mereka kini

menghadapi tindakan penghalauan dan kenaikan sewa sehingga 2000%, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri akan ambil untuk membantu memulih projek-projek yang terbengkalai ini dan membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah gagal mengatasi masalah ini. Sekian.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, projek-projek terbengkalai yang saya maksudkan tadi adalah semua projek perumahan yang telah dimajukan dengan lesen pemaju yang dikeluarkan oleh kementerian saya. Jadi, apa-apa projek perumahan yang tidak dikawal oleh Akta Pemaju Perumahan di bawah kementerian saya, misal kata agensi negeri ataupun kerajaan yang lain, maka kerajaan negeri masing-masing akan bertanggungjawab untuk buat sesuatu untuk membantu.

Mengenai Yang Berhormat telah sentuh sedikit tentang Pulau Pinang, saya difahamkan Kerajaan Pulau Pinang memang sedang berusaha untuk mengatasi masalah projek terbengkalai yang dikatakan – bukan terbengkalai, yang telah ditangguh masa siapnya kerana kegawatan ekonomi dan sebagainya. Setakat ini, saya hendak jelaskan sebenarnya pemansuhan Akta Kawalan Sewa itu tidak lagi dapat apa-apa dibuat oleh kementerian saya. Seperti mana telah dipersetujui oleh Majlis Negara/Kerajaan Tempatan pada tahun yang lalu dan pada tahun-tahun yang lepas selepas pemansuhan itu, semua ketua menteri sebagai anggota dalam Majlis Negara yang dipengeusikan oleh Timbalan Perdana Menteri itu telah pun sebulat suara berjanji menyelesaikan sebarang masalah yang akan timbul termasuk negeri Pulau Pinang. Jadi, saya difahamkan negeri Pulau Pinang ada penyelesaiannya, cuma penyelesaian itu tidak diumumkan pada masa ini. Maka kita kena sabar sedikit, tunggu tengok apa akan dapat dikemukakan nanti oleh kerajaan negeri.

3. **Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah pihak kerajaan bercadang menghadkan tempoh perkhidmatan seorang Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri pada masa hadapan kepada dua penggal sahaja.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak ada cadangan untuk mengehendkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Menteri Besar ataupun Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun jawapan itu ringkas tetapi membawa makna yang amat mendalam. Saya ada soalan tambahan. Bagaimana pula Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh pembangkang. Saya dengar dalam manifesto mereka mungkin ada soal ini dibangkitkan. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Soalan ini memang kita tidak nafikan merupakan salah satu manifesto yang kurang cerdas yang diadakan oleh parti pembangkang dalam pilihan raya yang lepas di mana masejnya sudah jelas bahawa parti pembangkang tidak mahu Perdana Menteri, Ketua Menteri menjadi atau memegang jawatan lebih daripada dua penggal, konon nanti takut ada berlaku penyelewengan kuasa dan sebagainya. Inilah manifesto mereka. Tetapi adakah pihak barisan pembangkang sedar bahawa negara akan rugi dan rakyat juga akan rugi jika kita hadkan tempoh memegang jawatan kepada seseorang pemimpin khasnya pimpinan negara yang mempunyai wawasan yang jauh, pemimpin yang bukan sahaja telah terbukti dan teruji pimpinannya di negara kita, malah juga di peringkat antarabangsa, pemimpin yang bukan sahaja telah membuktikan berjaya membangun dan memajukan negara, tetapi juga telah dapat menyelamatkan negara daripada dijajah. Ciri-ciri ini semua telah terbukti dan terdapat kepada diri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari ini.

Jadi, kalau kita terima cadangan manifesto ini, sudah tentu ianya akan merupakan menjadi kerugian kepada negara dan juga kepada rakyat dan PAS hari ini kita lihat Menteri Besarnya sudah lebih dua penggal dah. Jadi, kalau hendak buat, buatlah dekat Kelantan dahulu. [*Tepuk*] Ini bila sampai 'tang' giliran dia, dia kata ini tidak boleh, tunggu pilihan raya yang baru lepas ini,

yang penggal dahulu dia tidak mahu kira. Patutnya kena kiralah, takut nanti lebih dua penggal berlaku penyelewengan di negeri Kelantan.

Inilah Tuan Yang di-Pertua, pembangkang ini bila dia buat satu manifesto, satu janji kepada rakyat, bila dia tidak boleh buat dia hendak tala kepada Kerajaan Pusat. Seperti hudud yang kita lihat dahulu. Dia tidak boleh buat di Kelantan, kerajaan negeri dia telah lulus Enakmen Jenayah Syariah II, Sultan pun sudah sign, tetapi Presiden PAS dalam majalah *Detik* ini [*Menunjukkan sebuah majalah*] Pendang ini dia pun tidak dengar, ini gambar dia di luar. Sudahlah dia salahkan Kerajaan Pusat pula, dia kata Mahathir menghalang hudud dan membuat andaian pula kalau hudud dijalankan di Kelantan mungkin akan berlaku darurat pula di Kelantan.

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, PAS ini memanglah kerja dia, kerja hendak mencari salah Kerajaan Pusat sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan tersebut. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini telah jelas ditolak oleh rakyat kerana hanya 36% sahaja pengundi Melayu yang mengundi BN dalam pilihan raya baru-baru ini. Ahli-ahli UMNO juga tidak dapat ganti beliau sebagai Presiden UMNO kerana arahan Majlis Tertinggi.

Jadi, tidakkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen fikir hanya cara hadkan tempoh perkhidmatan jawatan PM sahaja dapat menyelamatkan keadaan. [*Tepuk*] Lain halnya dengan MB Kelantan yang baru-baru ini mendapat kerusi DUN yang sangat meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, inilah saya telah selalu menyatakan pembangkang ini tidak berapa faham sistem pentadbiran dan juga Perlembagaan negara kita. Yang pertama, bagaimana Yang Berhormat mengatakan bahawa rakyat menolak Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Kerusi kita sudah

bertambah lebih daripada 2/3, lebih daripada yang lepas. *[Tepuk]* Itu yang pertama.

Yang kedua, sistem kita bukan macam sistem di negara-negara lain seperti sistem di Indonesia di mana Presidennya dipilih oleh DPR ataupun oleh Parlimennya. Kita, siapa hendak jadi Perdana Menteri, dia kena menang dahulu di peringkat pilihan raya di kawasan masing-masing.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah berapa 'term' dia menang di kawasan pilihan raya dan dia tidak lari pun daripada Kubang Pasu. *[Tepuk]* Kita hendak tunggu ini dahulu, mengapa yang dahulu kata Haron Din, beria-ia hendak lawan dengan Perdana Menteri, dia tidak berani bertanding pun? *[Tepuk]* Dia tidak berani bertanding! Kalau pun Presiden itu sendiri, mengapa tidak lawan dengan Presiden UMNO, pergi lari dekat Pendang fasal apa?

Jadi, ini menunjukkan bahawa segala tuduhan pembangkang ini adalah tuduhan yang tidak betul dan tidak benar yang boleh mengelirukan rakyat. Jadi, kalau hujah-hujah seperti ini bercakap di kampung tentulah rakyat percaya, tanpa memberikan penjelasan yang lebih jelas.

Jadi, saya harap dan kita harap pembangkang kena lihat diri sendiri dahulu barulah boleh menyalahkan kerajaan. Terima kasih. *[Tepuk]*

4. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan dengan terperinci perbezaan kos pembinaan lebuh raya di antara yang bertol dan yang dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbandingan kos pembinaan bagi projek Lebuhraya Bertol yang dibina oleh LLM dan syarikat konsesi mengikut tempoh masa adalah seperti berikut:-

Tahun

kos kilometer

ke lorong [RM]

1981	-	350,000
1982	-	1.4 juta
1983	-	1.36 juta
1984	-	1.06 juta
1988	-	1.69 juta (ini selepas syarikat konsesi mengambil alih)
1989	-	1.65 juta
1990	-	1.84 juta
1991	-	2.61 juta
1992	-	3.75 juta
1994	-	3.4 juta
1996	-	4.06 juta
1997	-	6.25 juta

Kos perbandingan yang dimaksudkan merupakan kos pembinaan fizikal iaitu lebuhraya tersebut dan tidak merangkumi kos-kos yang lain seperti kos pra pembinaan, kos pengurusan, kos pengambilan balik tanah, kos kewangan dan lain-lain kos sampingan. Daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa kos pembinaan sesuatu projek lebuhraya akan meningkat mengikut tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perbezaan kos pembinaan lebuhraya ini bukanlah sahaja berlaku di antara yang dibina oleh LLM dengan syarikat-syarikat konsesi sahaja, tetapi perbezaan juga berlaku di antara syarikat-syarikat konsesi bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- (i) lokasi jajaran kawasan bandar, luar bandar dan keadaan topografi;
- (ii) keadaan tanah yang bercerun, berpaya dan sebagainya;
- (iii) ciri-ciri lebuhraya ini sendiri seperti bilangan persimpangan bertingkat, bilangan dan panjang jambatan, bilangan dan panjang terowong, bilangan dan jumlah lorong dan tol plaza dan bilangan jenis persimpangan bertingkat, sistem lampu lebuhraya dan jenis pavement;
- (iv) kuantiti kerja-kerja fizikal seperti kerja-kerja tanah, korekan batu, drainage, kerja pengalihan kemudahan sedia ada;

- (v) landskap;
- (vi) masa pembinaan, harga bahan-bahan binaan, kos buruh dan juga jentera akan meningkat dari masa ke semasa; dan
- (vii) bentuk dan jenis kerja sama ada pembinaan baru, keseluruhan, jajaran ataupun menaik taraf jalan yang sedia ada.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Tuan Yang di-Pertua, adakah kos ini termasuk melebarkan jalan di tempat hendak mengutip tol dan jalan itu menyempit semula selepas tol booth, dengan izin. [*Ketawa*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti apa yang telah saya jelaskan tadi, dalam jawapan saya semua perkara-perkara yang telah diminta oleh Ahli Yang Berhormat sudah dimasukkan, tidak ada apa-apa tambahan lagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan bayaran tol di Senai. Kalau ikut kos, ikut perbelanjaan sudah selesai lama dah, jadi, hendak kata leboh raya bukan leboh raya, perjalanan pun sudah dipendekkan dan tidak berapa jauh. Jadi, saya ingin hendak tahu adakah kerajaan bercadang supaya tol di kawasan itu dihapuskan? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mengutip balik lebih kurang RM46 juta, tetapi kerajaan sedang berbelanja beberapa juta ringgit untuk memperbaiki keadaan di jalan itu. Satu persimpangan bertingkat telah dibina berharga lebih dari RM60 juta, satu lagi persimpangan bertingkat akan dibina lebih kurang RM46 juta. Jadi, volume traffic di kawasan itu yang banyak, kesesakan lalu lintas mesti berlaku oleh kerana banyak bandar-bandar dan juga banyak kawasan telah dibangunkan sebagai rancangan perumahan – mempunyai 10,000 rumah, bukan satu ribu atau dua ribu, sebanyak 10,000 rumah telah dilulus, selepas itu mereka tidak ada jalan untuk masuk ke jalan besar.

Jadi, di sana kita kena bina persimpangan bertingkat. Jadi, saya percaya kita teruskan dengan mengutip tol di sana lebih munasabah, tidak payah berhenti sekarang. Kalau diberhentikan, ada juga satu cadangan lagi, kita boleh juga meluaskan jalan sedia ada tetapi kena bayar lebih sedikit.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat Datuk Song

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, menteri yang jawab, minta tiga soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Itu hak saya Yang Berhormat!

[Soalan No. 5 – Y.B. Datuk Song Swee Guan [Bandar Kuching] tidak hadir]

6. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, berapa banyakkah lebuhraya bertol dan tidak bertol yang akan dibina dalam masa lima tahun alaf baru ini, berapa banyak pula yang telah tertangguh dan nyatakan sebab-sebabnya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sejumlah 19 cadangan lebuhraya bertol yang berpotensi untuk dilaksanakan dalam masa lima tahun yang akan datang. Tujuh daripada cadangan tersebut telah pun ditandatangani perjanjian konsesi tetapi tidak dapat dilaksanakan atas sebab-sebab kewangan yang dihadapi oleh syarikat konsesi itu.

Lebuhraya tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) lebuhraya khusus Kuala Lumpur-Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA);
- (ii) Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang;
- (iii) Lebuhraya Ipoh-Lumut;
- (iv) Lebuhraya Kajang-Seremban;
- (v) Lebuhraya Asam Jawa-Rimba Templer;
- (vi) Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth; dan
- (vii) Lebuhraya Pantai Timur

Bagi Lebuhraya Khusus Kuala Lumpur -KLIA, kerajaan telah membuat keputusan menangguhkan dahulu pembinaan sehingga pertumbuhan lalu lintas dapat menyokong daya maju projek ini.

Sementara sebahagian daripada Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan dari lampu isyarat berhampiran persimpangan bertingkat Kajang sehingga ke persimpangan bertingkat B.15 Lebuhraya Damansara-Puchong dan dari persimpangan Universiti Tenaga Nasional ke persimpangan Universiti Putra Malaysia, sedang dilaksanakan oleh kerajaan bagi menampung trafik yang kian meningkat berikutan dari perpindahan pejabat-pejabat kerajaan ke Putrajaya.

Bagi Lebuhraya Pantai Timur pula, walaupun pada asalnya projek ini akan dilaksanakan di bawah penswastaaan oleh syarikat projek Lebuhraya Pantai Timur, tetapi syarikat menghadapi masalah kewangan. Oleh yang demikian, kerajaan akan memulakan pelaksanaan sebahagian projek ini dari Karak ke Kuantan di Pahang, negeri Pahang dan juga dari Chenering ke Bukit Besi di negeri Terengganu selepas perbincangan akan diadakan di antara Kerajaan Negeri Terenggan dan Kerajaan Pusat.

Selain daripada tujuh projek-projek lebuhraya di atas, kerajaan juga telah bersetuju pada prinsipnya untuk melaksanakan sebelas lagi lebuhraya di bawah konsep penswastaaan tertakluk kepada terma-terma dan juga syarat-syarat yang akan dirundingkan kemudian. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat;
- (ii) Lebuhraya Kuala Lumpur Transit;
- (iii) Lebuhraya Lembah Klang Selatan.
- (iv) Lebuhraya Shah Alam-Kuang;
- (v) Lebuhraya Muar-Segamat-Tangkak;
- (vi) Lebuhraya Gemas-Pasir Gudang;
- (vii) Lebuhraya Wangsa-Keramat
- (viii) Lebuhraya Kuala Lumpur Utara-Timur.
- (ix) Lebuhraya Pandan Koridor;
- (x) Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang; dan

(xi) Lebuhraya Senai-Desaru.

Status lebu-lebu raya ini masih dalam pelbagai peringkat rundingan dan pertimbangan kerajaan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang sering menjawab soalan dengan sendirinya. Sikap ini sangat berbeza daripada Menteri Pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat. Terus kepada soalan ya.

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada berjanji menjawab kepada hujah-hujah ke atas perbahasan dasar kementeriannya, tetapi semalam masih gagal menjawab bagi pihak Setiausaha Parlimennya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan soalan Yang Berhormat. Saya beri kepada Yang Berhormat membuat soalan tambahan. teruskanlah.

Tuan Tan Kok Wai: Soalan saya ialah saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, sejauh manakah, ini memang soalan spesifik, sejauh manakah pertimbangan kerajaan ke atas permohonan oleh syarikat konsesi untuk Jalan Cheras yang bertol di Kuala Lumpur itu untuk melanjutkan tempoh konsesinya selama 20 tahun. Ini adalah satu perkara yang serius kerana saya menyoalkannya kerana saya difahamkan kerajaan sedang menimbangkan permohonan itu, sungguhpun tempoh itu akan tamat pada tahun 2003 dan sebelum tempohnya tamat pada masa kini kesesakan lalu lintas di Jalan Cheras khususnya pada peak hours adalah sangat teruk dan penghinaan orang ramai pun adalah pada satu tahap yang paling tinggi. Maka ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat. Sudahlah soalan itu. Tadi sudah ada satu soalan dikeluarkan.

Tuan Tan Kok Wai: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri akan mengelakkan daripada memberi

jawapan seperti kerajaan sebagai satu kerajaan yang membela rakyat akan mempertimbangkan permohonan itu dengan sewajarnya dan tidakkah membebankan rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sudah, sudahlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua,

Tan Tan Kok Wai: Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri atau kerajaan akan membuat satu keputusan yang bijaksana di mana tidak ada lanjutan tempoh akan dilayankan kerana sebarang kutipan tol di dalam kawasan bandaraya adalah merupakan satu ketidakadilan yang mesti dihapuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan iaitu syarikat Metramax telah memohon untuk melanjutkan masa bukan atas projek yang telah disiapkan, mereka telah menghantar cadangan-cadangan baru untuk mengatasi masalah-masalah lalu lintas yang sedia ada sekarang.

Jadi, dalam rancangan itu ada juga beberapa projek membina persimpangan bertingkat, satunya masalah yang kita hadapi sekarang di hadapan Phoenix Supermarket dan juga beberapa tempat telah dikaji oleh kementerian saya sendiri dan selepas itu kita telah memberitahu kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU), walaupun kita menerima cadangan ini, saya percaya masa yang akan datang, tol ini mesti dijadikan sebagai people oriented toll, dengan izin, bukannya company oriented toll.

People oriented toll itu berertinya di mana rakyat yang menggunakan jalan itu berupaya untuk membayar, sedikit sahaja. Inilah berertinya kerajaan ini membela rakyat. *[Ketawa]* Jadi, kos yang kita anggarkan iaitu lebih kurang RM400 ribu lebih untuk pembinaan itu dan selepas pembinaan itu jikalau diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, saya minta mereka tidak

boleh mengutip tol yang sedia ada sekarang. Kita kena tukar, kita kena beri rakyat menggunakan jalan itu dengan satu bayaran yang lebih munasabah.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Yang Berhormat Dato' Menteri pernah mengatakan di Dewan ini dan juga di luar bahawa apabila kita membuat jalan bertol akan dibuat jalan pilihan. Jadi, soalan saya, saya ambil contoh spesifik ke Kajang, jalan ke Kajang sekarang semuanya bertol iaitu PLUS, Bestraya, Metramax, Grand Saga dan dua lagi akan dibina iaitu Kaseh dan Silk.

Jadi, soalnya ialah adakah kerajaan bersedia membina jalan tanpa tol untuk memastikan orang ramai terus datang makan sate di Kajang. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan tanpa tol itu boleh dibuat, bukan tak boleh! Pada akhirnya siapa bayar? Rakyat juga bayar! Kita membina jalan dengan beberapa ribu juta ringgit, pada akhirnya kutip daripada rakyat melalui cukai dan lain-lain. Jadi, pembinaan tol mesti kita kutip oleh ke rana syarikat-syarikat yang sedang mempunyai konsesi itu telah membelanjakan beberapa ribu juta ringgit, bukan satu atau dua juta ringgit.

Jadi, Kerajaan Pusat telah mengambil keputusan berkenaan dengan jalan Pantai Timur di mana kerajaan sendiri membina jalan itu pada akhirnya kita boleh juga menurunkan tol sebagai apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya.

7. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah] minta Menteri Kewangan menyatakan semenjak "PAYE System" dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), berapa banyakkah jumlah cukai yang terlebih bayar masih belum dipulangkan kepada pembayar cukai sehingga 31 Disember 1999. Apakah masalah yang dihadapi oleh LHDN di atas kelambatan membuat pulangan cukai berkenaan dan mengapakah LHDN tidak membayar faedah di atas kelambatan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem PAYE, dengan izin, bermaksud pay as you earn iaitu cukai dibayar pada tahun pendapatan

diperolehi, hanya berkuatkuasa mulai 1 Januari 2000. Apabila kerajaan memperkenalkan sistem taksiran tahun semasa.

Memandangkan sistem ini baru sahaja berkuatkuasa, maka belum ada lagi pembayaran dibuat sepenuhnya di bawah sistem tersebut. Oleh itu, persoalan cukai terlebih bayar dan masalah memulangkan balik cukai di bawah sistem pay as your earn ini tidak timbul.

Berkenaan dengan pembayaran faedah di atas kelambatan memulang balik cukai, ingin saya memaklumkan bahawa Akta Cukai Pendapatan 1967 tiada peruntukan sedemikian untuk membolehkan kerajaan membayar faedah. Dalam masa yang sama kerajaan tidak mengenakan apa-apa faedah ke atas kelewatan membayar cukai oleh pihak pembayar cukai.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Dalam sistem baru, sekarang pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri telah mengedarkan borang kepada pembayar-pembayar cukai dan terdapat rungutan umum bahawa ada sedikit masalah dalam mengisi borang dan juga menganggar bayaran yang kena bayar oleh pembayar cukai. Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk memudahkan borang ini lagi ataupun memberi penjelasan berkaitan cara-cara mengisi borang-borang tersebut.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri, masih memantau pelaksanaan sistem baru ini. Kalau sekiranya didapati ada masalah tertentu wujud, oleh kerana sistem baru ini, kita akan memberikan pertimbangan supaya dapat memudahkan lagi pelaksanaan sistem baru ini dan pihak LHDN juga telah dan akan mengadakan beberapa seminar di seluruh negara untuk memberikan penjelasan yang seluas-luasnya kepada pihak pembayar cukai.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Baru-baru ini Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah membuat satu pengumuman bahawa beberapa kelonggaran akan diberikan kepada Sistem Penilaian Sendiri yang akan bermula pada tahun ini. Saya sebenarnya minta Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dapat menjelaskan sama ada kelonggaran ini cuma untuk tahun pertama sahaja ataupun seterusnya dan saya

minta kementerian macam mana boleh memastikan message ini dapat disampaikan kepada para pembayar cukai pada tahun ini secara lebih berkesan. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu, kelonggaran-kelonggaran di bawah Sistem Penilaian Sendiri ini cuma diberikan pada tahun pertama pentaksiran. Walau bagaimanapun, kalau sekiranya dalam pelaksanaan sistem baru ini juga kalau kita mendapati lebih masa kena diberikan kepada para pembayar cukai untuk memahami sistem baru ini, kita mungkin akan memanjangkan tempoh untuk pemberian kelonggaran-kelonggaran tersebut.

Untuk menyampaikan message ini seluas-luasnya kepada pihak pembayar cukai seperti mana saya katakan tadi, pihak LHDN juga akan mengadakan seminar di seluruh negara dan selain daripada itu pihak LHDN juga akan 'memasuki' semua kelonggaran ini ke dalam laman web LHDN dalam minggu ini juga. Dalam pada itu, saya juga mengalu-alukan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak NGO-NGO tertentu seperti Chinese Chamber of Commerce yang akan juga mengadakan road show di seluruh negara mulai pada bulan depan untuk memberikan penjelasan kepada ahli-ahlinya mengenai sistem baru ini termasuk kelonggaran-kelonggaran yang baru diumumkan oleh pihak kementerian.

8. **Tuan Ronald Kiandee [Beluran]** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang telah diambil untuk mengemaskini senarai pemilih bertindih yang terdapat dalam senarai pemilih yang ada. Adakah pihak SPR berhasrat untuk mengadakan pendaftaran dan pemindahan pemilih secara berterusan dan tidak dalam jangkamasa yang ditetapkan seperti yang berkuatkuasa sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pemilih) 1971 peruntukan Suruhanjaya Pilihan Raya memperuntukkan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia menjalankan pembersihan data pemilih setiap tahun dengan memotong nama pemilih yang meninggal dunia, hilang layak dan berganda. Pada tahun 1999, SPR telah

memotong sebanyak 735,859 pemilih. SPR tidak berhasrat menjalankan pendapatan pemilih secara berterusan kerana peraturan pendaftaran pemilih menetapkan jadual pendaftaran kepada tempoh tertentu.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua dikatakan bahawa terdapat lebih kurang 600,000 pengundi tidak dapat mengundi pada pilihan raya yang lalu dan setengah-setengah pihak mendakwa bahawa undi tersebut akan pergi kepada mereka tetapi kenyataannya mungkin sebahagian besar daripada 600,000 itu adalah pengundi Barisan Nasional. Soalan saya, sejauh manakah 600,000 pengundi tidak mengundi ini dan juga terdapat seperatusan senarai yang bertindih di dalam senarai pemilih telah mempengaruhi pencapaian dan keputusan pilihan raya yang lalu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apa-apa pun senarai pemilih diguna untuk pilihan raya, Barisan Nasional tetap menang lebih daripada dua pertiga [*Tepuk*] kerana rakyat tahu rekod kita bagus dan kita sentiasa menjaga kepentingan rakyat .

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Satu nilai yang diberi oleh beberapa pihak berhubung dengan sistem demokrasi di Malaysia hari ini, di antaranya ialah peluang untuk rakyat secara beramai-ramai untuk keluar mengundi. Jadi, berdasar kepada rekod yang ditunjuk oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dalam menguruskan pendaftaran pemilih ini didapati ramai pihak yang tidak berpuas hati. Di antaranya ialah nama-nama mereka tergugur ataupun digugurkan di saat menjelang pilihan raya. Soalannya ialah adakah pihak SPR khususnya menyedari Sistem Pendaftaran Pemilih yang ada hari ini perlu dipertingkatkan lagi sama ada melalui kaedah pendaftaran automatik, melalui kerjasama langsung dengan pihak Pendaftaran Negara, mengemas-kinikan rekod-rekod yang mati untuk digugurkan secara automatik dan memasukkan nama-nama itu melalui kaedah-kaedah IT yang kita popularkan sekarang ini ataupun mempunyai satu talian terus di antara pihak SPR itu sendiri dengan pihak Pendaftaran Negara. Sekian, terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak perlu ataupun tidak tepat untuk

Yang Berhormat untuk menuduh bahawa SPR menggugurkan nama-nama pengundi dekat saat-saat pilihan raya. Itu adalah tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan tuduhan yang tidak memahami secara sistem yang dijalankan SPR. Mengenai cadangan Yang Berhormat bahawa kita menggunakan IT memang sekarang SPR telah berhubung terus melalui direct on line dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Oleh sebab itu, pada tahun ini pembersihan pendaftaran senarai pemilih ini agaknya nampak lebih efektif dari masa-masa yang lepas.

[Soalan No. 9 - Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak (Kota Belud) tidak hadir]

10. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana kebebasan kewartawanan diberikan kepada syarikat akhbar dalam laporan dan pemberitaan yang benar dan tulen memandangkan banyak akhbar jarang melaporkan berita parti-parti pembangkang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan kewartawanan memang wujud di negara ini. Wartawan boleh memuatkan apa-apa sahaja berita sama ada berbentuk rencana atau gambar di mana-mana akhbar tetapi berita tersebut hendaklah benar atau tulen. Mengenai akhbar yang jarang melaporkan berita parti pembangkang, ini adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Kementerian Dalam Negeri tidak boleh memaksa wartawan memuatkan berita-berita parti pembangkang di akhbar-akhbar tempatan dan luar negara.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi itu adalah tidak wajar dan itu habis 'tenggang' dan kelakar dan bolehkah Yang Berhormat fikirkan mengenai itu keadaan sekarang dengan teknologi maklumat, dengan itu Internet sekarang yang sekarang lebih daripada 700,000 yang ada hubungan dengan Internet, akses dengan Internet dan dalam tempoh berapa tahun lagi, lima tahun lagi mungkin ada berapa juta dan Internet walaupun ada kelemahan, ada yang tak betul juga tetapi seluruh dunia termasuk rakyat Malaysia yang akan ada hubungan dengan Internet. Dengan sedemikian, adakah Yang Berhormat berfikir kalau dasar dan polisi sekarang diteruskan, maka akhbar tempatan

akan lenyap daripada muka bumi ini kerana tidak ada pembaca langsung dan saya berharap Yang Berhormat boleh berfikir dengan sedalam-dalamnya mengenai hal yang begitu serius ini. Rompin bersetuju dengan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah. Jangan melaratlah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak melarat, ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, cukuplah tu. Cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:Rompin pun setuju, tengok dia tersenyum sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Duduk Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw: Walaupun 'senyum kambing' kadangkala.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Duduk, duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(6) ini, 'tarik diri', dia kata saya kambing ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tak apa. Memang Yang Berhormat senyum betul tadi, ya sila jawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ialah berkaitan dengan akhbar dan kewartawanan dalam negara kita dan soalan berbangkit ialah mengenai akhbar dan Internet. Sekiranya mengikut keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Kepong, terdapatnya Internet dan cara-cara penyebaran berita melalui Internet ini terlalu banyak, sedangkan akhbar mengikut soalan ini masih dimintakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang supaya berita-berita ini disiarkan, bermakna, permohonan untuk berita disiarkan demi kepentingan pembaca adalah meningkat. Jadi, tidak ada sebab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dengan perkara yang disoalkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bagi sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, ya. Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju ada kawalan-kawalan tertentu sebab media ini kadang-kadang memang agak teruk. Misalnya sekarang tengah pencalonan pemimpin UMNO disiarkan filem oleh RTM [*Disampuk*] oleh TV3 *Pontianak Dari Gua Musang* [*Ketawa*] Ini disiarkan filem. Saya rasa itu adalah agenda politik. Soalan saya ialah [*Ketawa*].....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Oh, Yang Berhormat tengok ya?

Tuan Mohamad bin Sabu: Tengok!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ha, terus soalan. [*Ketawa*]

Tuan Mohamad bin Sabu: Ehhh! tak tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Terus soalan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tak tengok, saya ada ceramah malam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, terus soalan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi, *Pontianak Dari Gua Musang* ini disiarkan ketika pencalonan sedang berlangsung. Ini satu perkara yang boleh tanggapan negatiflah.

Soalan saya, hari itu Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika menjawab soalan daripada pihak sini mengatakan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri baru dalam menangani memorandum yang dihantar oleh wartawan soal kebebasan media, OSA dan 'printing press' dan sebagainya. Sekarang barangkali Timbalan Menteri dah kaji perkara itu, apakah respon pihak Kementerian Dalam Negeri terhadap memorandum yang dihantar oleh para wartawan pada tahun lepas. Sekian.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sehingga hari ini, tidak ada tambahan memorandum yang dihantarkan oleh wartawan kepada kementerian. Saya

berpendapat memorandum yang dihantar oleh wartawan kepada kementerian sudah pun diurus oleh kementerian dengan wartawan-wartawan yang berkenaan. Sekiranya Yang Berhormat masih mendapat keluhan ataupun Yang Berhormat terlibat sebagai wartawan yang tidak langsung, Yang Berhormat juga boleh mengemukakan kepada kita untuk saya respon dalam keadaan yang terdesak ini. Terima kasih.

11. **Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pesara di Malaysia dan nyatakan sama ada kerajaan berhasrat menaikkan elaun persaraan mereka.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerima pensen sekarang ialah 406,471 orang yang terdiri daripada 295,224 pesara dan 111,247 penerima pensen terbitan atau pensen tanggungan iaitu balu, duda dan anak pesara. Kerajaan sememangnya berhasrat untuk menaikkan kadar pensen bulanan pesara selaras dengan keputusan Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi kenaikan gaji 10% kepada anggota-anggota sektor awam di dalam pembentangan Belanjawan 2000.

Tuan Jimmy Lim Donald: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebahagian besar daripada pesara ini telah bersara begitu lama dan semasa mereka bersara kemudahan-kemudahan yang lain mungkin belum diambil kira. Jadi, pertanyaan saya, selain daripada elaun persaraan, apakah kemudahan-kemudahan yang lain yang telah diberi baru-baru ini dan apakah keistimewaan yang lain yang sedang ditimbangkan untuk pesara-pesara kita.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yang didapati oleh para pensioner ini ialah kemudahan-kemudahan yang dia dapat semasa dia bekerja dulu dan untuk kemudahan-kemudahan istimewa itu kita belum ada timbangkan.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu pelaburan atau bon di mana pesara-pesara dapat membeli dan mendapatkan

'kepulangan' yang lebih banyak daripada faedah yang didapati dari simpanan tetap, fixed deposit, pada masa sekarang.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpuas hati dengan cara kita sekarang dan kita belum ada cara-cara untuk menggantikannya dengan cara yang lain.

12. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari universiti tempatan, program berkembar dan University of London (external programme) bagi tahun 1995-1999; dan
- (b) jumlah graduan tersebut yang menjadi pengamal undang-undang dan sebab sekatan-sekatan dikenakan ke atas ijazah University of London.

Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari universiti tempatan dari tahun 1995 hingga 1998 ialah seramai 2,540 orang. IPT swasta mengeluarkan lebih kurang 200 orang setahun. Pada tahun 1999 jumlahnya ialah 272 orang. Di Semenanjung Malaysia bilangan pengamal undang-undang ialah 5,595 orang, di Sabah dan Sarawak jumlahnya ialah 291 dan 494 orang masing-masing. Pengiktirafan ijazah untuk pengamal undang-undang adalah di bawah bidang kuasa bersama terletak di Jabatan Peguam Negara. Sekatan ke atas Ijazah Undang-undang Universiti London luaran juga di bawah bidang kuasa jawatankuasa itu dan bukannya di bawah Kementerian Pendidikan.

[Dua orang Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dah saya bagi, teruslah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab takut dia kompelin tak ladies first, itu nak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tak ada apa-apa.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya sanggup bagi dia yang pertama, saya yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Teruslah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. *[Ketawa]* Takut Tuan Yang di-Pertua, depa selalu kompelin buat isu, dia kata saya membelakangkan wanita pulak dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dak, dak.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, sebab saya takut lepas ini ada usul pulak dia buatkan ini pulak. Jadi, Tan Sri Menteri, terima kasih atas statistik itu tetapi saya hendak bertanya sama ada, kalau adalah di hadapan Tan Sri, tentang dari segi pecahan bumiputera bukan 'bumi' dan kalau kita lihat dari segi statistik ahli-ahli peguam di negara ini yang mesyuarat agungnya akan diadakan tidak lama lagi, boleh dikatakan 80% bukan 'bumi' tetapi kedudukan sekarang ini bagaimana. Lepas itu bagaimana hendak mengimbangkan perbezaan ini untuk masa yang akan datang. Ini satu dasar yang penting untuk kita di negara ini. Saya minta sedikit pandangan Tan Sri Menteri.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad: Tuan Yang 'Terutama', saya tidak mempunyai statistik yang terperinci mengenai itu dan saya akan kemukakan jawapan ini kemudian.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ini soalan tambahan. Apakah langkah yang sedia ada oleh Kementerian Pendidikan dalam membantu atau menggalakkan lebih ramai yang ingin melanjutkan pendidikannya dalam bidang undang-undang memandangkan telah sedia ada sekatan-sekatan oleh Jabatan Perdana Menteri ini. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad: Tuan Yang 'Terutama' [Disampuk]Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Saya diam aje.

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad: Saya biasa dari Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Saya faham sebab itu saya diam. [Ketawa]

Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad: Kita mempunyai beberapa fakulti di universiti tempatan yang difikirkan mencukupi untuk menampung keperluan buat masa ini dan juga ada beberapa IPTS swasta yang mengadakan kursus-kursus ijazah undang-undang yang dirasakan mencukupi buat masa ini. Sekian.

[Soalan No. 13 - Dato' Shahnnon bin Ahmad (Sik) tidak hadir]

[Soalan No.14 -Tuan Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa) tidak hadir]

[Soalan No.15 - Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu) tidak hadir]

[Soalan No. 16 - Tuan Hassan binMohamed (Besut) tidak hadir]

17. **Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar pihak Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan pinjaman sebanyak RM100 juta kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang selepas penguatkuasaan Akta Kawalan Sewa (Pemansuhan). Sekiranya benar, apakah tujuan peruntukan pinjaman tersebut dan sejauh manakah ia telah digunakan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan pinjaman RM80 juta kepada Kerajaan Pulau Pinang dan Kerajaan Pulau Pinang pula telah menambah sebanyak RM20 juta lagi untuk menjadikan tabung ini RM100 juta. Tujuan tabung tersebut adalah untuk memberi pinjaman kepada pemilik premis melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan penyelenggaraan premis mereka dengan syarat penyewa-penyewa sedia ada dibenarkan terus tinggal di premis tersebut bagi tempoh dan pada kadar sewa yang dipersetujui di antara pemilik dengan penyewa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, pada situasi sekarang ialah pemilik premis ini tidak berminat untuk mendapat pinjaman ini tetapi pada masa yang sama ramai penyewa menghadapi masalah untuk mendapat perumahan kerana mereka dihalau keluar dari premis-premis ini. Maka adakah penyewa-penyewa merayu supaya pinjaman ini dipinjamkan kepada mereka dan bukan pemilik. Maka adakah Kementerian Perumahan akan mengarahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya pinjaman ini yang tidak diminati oleh pemilik dipinjamkan kepada penyewa? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya tidak boleh mengarahkan Kerajaan Pulau Pinang dari segi bidang kuasa dan sebagainya. Apa yang saya hendak jelaskan di sini, pinjaman ini adalah satu pinjaman terus daripada Kementerian Kewangan kepada kerajaan tempatan dengan syarat-syarat tertentu. Maka syarat itu telah ditetapkan yang sepertimana saya telah katakan dan baru-baru ini saya faham di Pulau Pinang masih wujudnya sesuatu yang kurang senang hati terutamanya di antara penyewa-penyewa. Tetapi maklum balas secara awalan daripada Kerajaan Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan ialah mereka sedang berusaha untuk menangani semua masalah yang dikemukakan itu. Dan itu masih dalam bidang kuasa Kerajaan Pulau Pinang yang saya rasa kita perlu sabar sedikit, bagi mereka sedikit masa dan mereka yakin boleh atasi masalah itu. Jadi, saya jelas sekali lagi kementerian saya tidak ada peranan pada masa ini kerana akta itu telah mansuh dan semua urusan dikendalikan oleh kerajaan negeri sepertimana yang diputuskan dalam majlis negara kerajaan tempatan. Walaupun saya tahu Yang Berhormat Kota Melaka hendak potong saya punya gaji RM10 sebab itu, tetapi saya jelaskan RM10 itu hendak cadang potong daripada saya itu, sudah cari orang yang salah [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Nibong Tebal.

Tuan Goh Kheng Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kerajaan sedia untuk memberi keutamaan kepada penyewa

atau mangsa yang terlibat untuk mendapatkan rumah kos rendah atau tempat perniagaan tanpa sebarang syarat?

Dato' Ong Ka Ting: Memang pendirian kerajaan tidak kira Persekutuan atau kerajaan negeri mereka yang terlibat terutamanya mereka yang kurang mampu, mereka yang tidak ada pilihan lain, yang tidak ada rumah kediaman yang lain, Kerajaan Pulau Pinang seharusnya mengadakan penyelesaian untuk membantu mereka dan setahu saya sikap Kerajaan Pulau Pinang memang begitu. Kami dimaklumkan mereka sedang cuba mengatasi masalah itu.

[Soalan No. 18 – Yang Berhormat Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) tidak hadir]

19. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan nama sekolah jenis kebangsaan yang telah memohon dipindah tapak dan sekolah jenis kebangsaan baru yang dilulus untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Apa keputusan Kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga buah sekolah jenis kebangsaan Cina yang telah memohon dipindah tapak dan telah diluluskan oleh kerajaan Sekolah-sekolah tersebut ialah:

- (i) Sekolah Jenis Kebangsaan Shih Chung (cawangan) yang dipindahkan dari Pusat Bandar ke kawasan Sungai Nibong, Pulau Pinang;
- (ii) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Min Shin, yang dipindahkan dari Pusat Bandar ke kawasan Bukit Jambul; dan
- (iii) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Beng Teik, dipindahkan dari Lebuh Katz ke Paya Terubong.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, sebelum itu – ini mungkin Ketua Pembangkang ada ni, empat orang anak buah tidak datang bertanya soalan 13, 14, 15, 16 ni. Adakah hendak ambil tindakan

kepada yang tidak datang ini? *[Disampuk]* Ha, betul. Kalau tunjuk orang bertanggungjawab, empat soalan yang dikeluarkan pun tidak datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tidak apa, tidak apa.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Elok Ketua Pembangkang ambil tindakan.

Tuan Mohamad bin Sabu: Haji, haji.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Terpulang kepada dia orang ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Soalan tambahan saya. *[Ketawa]* Empat orang tidak datang ni. Kata dapat gaji, bayar gaji, tidak datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Terus, terus. Masa sudah habis ni.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada kata, gaji buta saja ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Masa sudah habis.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh soalan, sempat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ha, cepatlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Boleh ya.
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tidak apalah, dia hendak menyelesaikan itu. Tidak apa tergantung

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini tentang sekolah Cina, Yang Berhormat DAP tidak ada masakah, saya hendak tanya soalan sekolah Cina ini. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Cepat sikitlah. Sila, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya soalan tentang sekolah Cina, DAP tidak ada masalah untuk sekolah Cina ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha ini soalan untuk pembelaan sekolah Cina, DAP menghalang saya untuk bertanya soalan untuk membela sekolah Cina. Ini DAP, cakap lain buat lain. *[Tepuk]* Yang buat MCA dan Gerakan sahaja. *[Tepuk]* *[Ketawa]*

Soalan saya, dulu ada ura-ura untuk memastikan anak muda kita sama ada mereka itu sekolah kebangsaan biasa atau sekolah Cina tetapi ada peluang mereka berintraksi di mana di sekolah kebangsaan dan di sekolah kebangsaan Cina ini mereka ada sekolah masing-masing tetapi dalam satu kampus yang sama, dia main bola satu padang yang sama, vollyball padang yang sama, dewan yang sama. Ini satu usaha yang baik. Tetapi kita terus juga dengan aliran ibunda mereka, tetapi sekurang-kurangnya ada masa kokurikulum itu mereka berinteraksi supaya benar-benar dapat kita wujudkan satu bangsa Malaysia yang bersatu padu untuk generasi kita akan datang. Saya minta penjelasan.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, konsep ini dipanggil konsep sekolah wawasan dan konsep ini masih diteruskan dan akan diperbanyakkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sekian.

Puan Chong Eng: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis. *[Disampuk]*

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 9, 13-16, 18 dan 20 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG TABUNG PENDIDIKAN TINGGI
NASIONAL (PINDAAN) 2000**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000)

dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan"
[13 Mac 2000]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Diminta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyambung jawapan. Silakan.

11.15 pagi

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada pagi ini nampaknya ramai orang tidak hadir dalam mesyuarat ini. Soalan-soalan yang telah dikemukakan untuk pertanyaan banyak yang tidak terjawab, kebanyakan mereka datang daripada sahabat kita daripada Barisan Pembangkang, tidak hadir. *[Disampuk]* Kalau Menteri tidak datang, mereka mengatakan tidak bertanggungjawab, bila Menteri datang untuk menjawab nampaknya ramai yang tentunya dari pihak pembangkang yang tidak bertanggungjawab datang untuk bertanya pasal soalan. *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(6). Sangkaan jahat. Walhal yang kebanyakannya daripada sebelah situ tidak hadir. Di sini pun ramai yang pergi ke Mekah. Itulah masalahnya 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya. Duduk. Teruskan Menteri.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1994 hingga 1999, sejumlah RM70.5 juta dividen telah dibayar kepada tuan-tuan tanah. Purata pendapatan peserta ialah antara RM300 hingga RM900

sebulan. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, ladang projek yang telah pun dikemukakan untuk pertimbangan pinjaman adalah seperti berikut:

- (i) penyatuan ladang kelapa sawit sedia ada seluas 33 ribu hektar;
- (ii) memajukan kawasan getah dalam kelapa sawit di Malugu, Sekerang seluas 2,300 hektar;
- (iii) memajukan ladang seluas 1,000 hektar;
- (iv) projek tanaman semula kelapa sawit Lamanak dan Batu Kaya seluas 3,000 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan kedua daripada Yang Berhormat Jelutong iaitu tidak adanya satu jangka masa yang dihadkan untuk hakmilik strata dikeluarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Tanah Negara dalam mesyuaratnya pada 19 November 1992 telah menetapkan bahawa permohonan hakmilik strata hendaklah diproses hakmilik strata dikeluarkan dalam tempoh 12 bulan dengan syarat segala kehendak yang ditetapkan dibawah Akta Hakmilik Strata telah dipatuhi. Kelengkapan permohonan itu adalah perlu kerana ianya diwajibkan dibawah Akta Hakmilik Strata dan ianya tidak akan menyebabkan kelewatan pemprosesan. Namun demikian, untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 7 buah negeri di Semenanjung telah melaksanakan sistem pemprosesan setempat untuk hakmilik strata bagi tujuan mempercepatkan lagi urusan pemprosesan dan pengeluaran hakmilik strata.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong turut membangkitkan soalan tentang perbadanan pengurusan atau management corporation, dengan izin, tidak diberi kuasa yang praktikal seperti memberhentikan bekalan elektrik dan air kepada pemilik-pemilik yang tidak membayar bayaran penyelenggaraan. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Akta Hakmilik Strata, perbadanan pengurusan mempunyai dua cara untuk mendapatkan kembali bayaran penyelenggaraan yang tidak dibayar oleh pemilik-pemilik hakmilik strata.

Pertama, perbadanan pengurusan boleh mengambil tindakan undang-undang sivil di mahkamah. Kedua, perbadanan pengurusan boleh memohon

waran penahanan atau *warrant of attachment*, dengan izin, daripada pentadbir tanah untuk menyita harta alih pemilik tetap yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, demi kesejahteraan dan keharmonian pemilik-pemilik dalam bangunan bertingkat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ada yang berdiri, Yang Berhormat Menteri. Bagan Datoh.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini Menteri yang bertanggungjawab tentang soal tanah, koperasi, Felda, terutama mengenai hakmilik strata, Tuan Yang di-Pertua, keram banyak rungutan yang kita perolehi tentang pemberian hakmilik strata, setelah rumah-rumah itu siap 5 – 6 tahun. Dalam janji-janji yang telah diberikan oleh kerajaan negeri, dan pihak Wilayah Persekutuan juga bahawa sesebuah projek pembangunan di mana ianya akan diberikan hakmilik strata akan diberikan dalam tempoh yang singkat. Ini menyukarkan para peminjam kerana hakmilik itu tidak dapat ditukar apabila rumah itu mahu dijual kerana hakmilik strata itu belum diserahkan kepada pemilik. Jadi adakah langkah-langkah untuk mempercepatkan hakmilik strata ini diberikan kepada pemilik-pemilik berkenaan setelah tempoh pendudukan itu berjalan sekian lama. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, kelewatan untuk mengeluarkan strata title berpunca daripada pemaju itu sendiri. Pihak kerajaan telahpun menyediakan segala peraturan-peraturan di bawah hakmilik strata tetapi pihak pemaju selalunya tidak dapat menepati segala kehendak-kehendak, syarat-syarat yang diperlukan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh itu kerajaan sekarang ini akan membuat pindaan kepada Akta Hakmilik Strata, mungkin kita akan bentangkan dalam mesyuarat hujung tahun ini untuk membolehkan supaya cara-cara dan syarat-syarat yang ketat yang boleh dipatuhi dapat diwujudkan untuk menentukan supaya pengeluaran hakmilik strata ini dapat dikendalikan dengan baik.

Datuk Wira Abu Seman bin Yusop: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sila.

Datuk Wira Abu Seman bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau tidak silap saya dalam peruntukan Akta Strata Title, di mana ada peruntukan yang menyatakan bahawa pemaju adalah dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan strata title dalam sesuatu tempoh yang ditetapkan dalam akta tersebut. Adakah peruntukan dalam akta ini dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan kalau ada setakat ini saya tidak nampak di mana pihak kerajaan telah mengambil tindakan dalam perkara ini dan saya percaya kalau pihak kerajaan mengambil tindakan yang tegas sudah tentu pemaju-pemaju tidak akan mengabaikan untuk mengemukakan permohonan untuk mendapatkan strata title dan justeru ini segala pemilik-pemilik apartment akan terima strata titlenya. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Hakmilik Strata telah ditetapkan supaya pihak pemaju mesti mengemukakan permohonan untuk dikeluarkan hakmilik strata dalam masa enam bulan selepas CF dikeluarkan. Tetapi selalunya apa yang terdapat ialah kebanyakan dari pemaju-pemaju ini banyak yang tidak menunaikan syarat-syarat yang ditetapkan. Sebelum CF dapat dikeluarkan kepada bangunan itu pihak kerajaan iaitu Jabatan Tanah dan Galian tidak akan dapat mengeluarkan title kepada petak-petak dalam bangunan itu. Kita telah membuat keputusan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara pada November 1992.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, masalah tentang Akta Hakmilik Strata dan walaupun ia telah dipinda yang mana pihak pemaju perlu memohon strata title semasa mereka pohon untuk mendapatkan Sijil Kelayakan Menduduki tetapi malangnya hingga masa sekarang perkara atau masalah ini berlarutan. Seperti di kawasan saya, kawasan Taman Ungku Tun Aminah dan kawasan Bandar Selesa Jaya sudah lebih 10 tahun masih belum dapat strata title untuk bangunan di sana yang mana ada satu perkara yang saya harap kerana tadi Yang Berhormat Menteri telah terangkan bahawa Akta Strata Title akan

dipinda sekali lagi iaitu ada satu kes yang mana satu blok flat di Taman Ungku Tun Aminah.

Misalnya, kalau ada kes kaviet satu unit sahaja permohonan untuk mengadakan strata title di blok itu akan ditangguhkan oleh kerana satu unit kerana ada kes kaviet antara pembeli dengan penjual. Adakah bila pindaan dibuat akan ambil kira bahawa jika ada kes minoriti ini, satu kes sahaja ia akan menjejaskan permohonan hak milik strata untuk flat-flat yang di kawasan blok itu?

Kedua, untuk kes-kes yang lama seperti sebelum Akta Strata Title dipinda pada penggal yang dahulu yang mana pada masa dahulu bila diwujudkan Akta Strata Title pihak pemaju cuma perlu memohon strata title selepas enam bulan dapat CFO untuk bangunan yang dibina. Tetapi oleh kerana pada masa itu akta demikian sudah mendatangkan masalah iaitu bila sudah dapat CFO, pembeli sudah buat ubahan tambahan kepada unit-unit yang mereka beli atau di ruang kedai atau unit perumahan dan bila pemaju memohon strata title mereka sudah menghadapi masalah kerana pihak Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan mereka minta supaya mesti ada latest plan kelulusan yang baru, survey plan dengan plan bangunan yang baru. Ini sudah mendatangkan masalah kepada pemaju, mereka tidak dapat memajukan plan yang baru untuk diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Oleh yang demikian, pihak Pejabat Tanah telah tidak dapat mengeluarkan strata title seperti yang pada masa sekarang di kawasan Kompleks Holiday Plaza yang terkenal. Semua orang pergi Johor Bahru memang tahu mana Holiday Plaza, sudah 15 tahun belum selesai. Ini perkara berlarutan sudah lama, sudah menjadi satu isu. Kita wakil rakyat sentiasa dipanggil berdialog, mesyuarat tetapi kita tidak dapat mendatangkan apa resolusi untuk mereka. Kita sangat berharap pihak kementerian ambil berat tentang kes ini, ini sudah banyak berlaku di dalam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Tindakan sudah banyak yang

diambil terhadap pemaju-pemaju yang ingkar memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Misal kata, di Pulau Pinang sudah 180 kes yang telah dibawa ke mahkamah. Di antara pemilik-pemilik - pemilik sendiri dengan pemaju, tindakan kes mahkamah juga ada diambil iaitu sekarang ini ada dua kes. Ertinya, masalah yang dihadapi sekarang ini berpunca daripada pemaju yang tidak mengikuti syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Banyak punca menga pa hak milik strata tidak dapat diproses dan tidak dapat dikeluarkan.

Pertamanya, ialah kalau sekiranya tanah yang didirikan bangunan tadi masih belum lagi disukat dan disatukan dalam satu title. Ada beberapa pemaju yang telah mendirikan bangunan bertingkat dalam dua geran title tetapi bangunan itu satu. Dalam keadaan yang demikian, kerajaan tidak dapat memproseskan permohonan untuk mengeluarkan strata title tadi. Ada juga kes-kes di mana pemaju sendiri tidak mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Di mana syarat-syarat itu mungkin meminta supaya diadakan jambatan, dilebarkan parit dan sebagainya, diadakan landscaping, semua ini kalau belum dapat dilaksanakan oleh pihak pemaju, maka kementerian tidak akan dapat melulus permohonan-permohonan untuk dikeluarkan hak milik strata.

Bagi kes yang telah disebut tadi iaitu mengenai dengan satu kaviet, dalam cadangan kita untuk meminda kan akta

Tuan Lee Kah Choon: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat, hujung itu.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Sekejap saya habis dahulu.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam:Akta Hak Milik Strata ini. Perkara yang sedemikian akan diambil kira. Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita diberitahu tadi bahawa permohonan yang tidak lengkap adalah salah satu punca di mana hak milik strata tidak

dapat dikeluarkan tetapi soalan saya adalah apakah tindakan kerajaan yang boleh diambil untuk memastikan permohonan semua ini adalah lengkap. Bolehkah kita kalau kita tidak proses langsung atau tidak menerima permohonan yang tidak lengkap ini. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya itulah yang harus diikuti tetapi Yang Berhormat mesti sedar bahawa kementerian saya hanya bertanggungjawab untuk mengeluarkan hak milik strata. Pihak yang akan menentukan sama ada pelan atau cadangan-cadangan untuk membina bangunan itu adalah terletak kepada kementerian yang lain.

Oleh kerana itu, maka kita telah mengenal pasti beberapa masalah yang timbul, oleh kerana itu ada cadangan untuk kedua-dua kementerian yang terlibat iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meminda Akta Bangunan dan Harta Bersama untuk menentukan supaya masalah yang timbul mengenai dengan pengendalian hak milik strata ini dapat dijalankan dengan lebih licin dan teratur di masa yang akan datang.

Pihak kementerian saya juga akan menentukan supaya Akta Hak Milik Strata ini dipinda untuk mengambil kira segala pindaan-pindaan yang akan dibuat supaya pemaju-pemaju dan juga pembeli-pembeli bangunan-bangunan di masa akan datang akan terpelihara.

Tuan Chang See Ten: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan lagi. Saya ingin dapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri tentang kes-kes yang lama, yang mana sebelum Akta Strata Title dipinda, bangunan sudah disiap dan oleh kerana pembeli sudah buat ubahan tambahan kepada bangunan yang mereka beli. Ini telah menjejaskan permohonan untuk mengadakan strata title oleh pemaju seperti yang berlaku di Holiday Plaza atau di mana-mana, di flat di Taman Ungku Tun Aminah atau di Bandar Selesa Jaya.

Masalah yang terkini ialah kerana ada ubahan tambahan kepada bangunan. Ini di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengeluarkan kelulusan atas tambahan ubahan itu. Tetapi oleh kerana ada yang tambahan ubahan itu, memang tidak dapat kelulusan daripada Pihak

Berkuasa Tempatan kerana tidak ikut undang-undang bangunan Akta 133 iaitu Akta Bangunan dan Parit yang dikuatkuasakan oleh pihak Pihak Berkuasa Tempatan dan oleh yang demikian, pihak pemaju tidak dapat memajukan pelan yang baru untuk mendapatkan kelulusan untuk bangunan supaya dapat mengadakan strata title untuk tiap-tiap unit rumah atau ruang kedai. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri untuk menolong mereka, sama ada boleh minta Pihak Berkuasa Tempatan mengetepikan kes ini dan pihak Pejabat Tanah mengguna pakai pelan asal dan survey plan yang asal untuk mengeluarkan strata title?

Kalau tidak ada, kita boleh cari arkitek atau surveyor yang mempunyai pengalaman pun tidak dapat selesaikan, memajukan pelan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan supaya mendapatkan kelulusan untuk strata title. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang kes ini? Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ditimbulkan tadi adalah merupakan satu lagi kesalahan yang telah dibuat oleh banyak, bukan satu tetapi ramai pemilik-pemilik petak. Ada di antara mereka ini yang telah mengubahsuai petak-petak mereka yang telah melanggar syarat-syarat untuk pengeluaran strata title. Oleh kerana itu, ini merupakan satu kesalahan dan oleh itu, maka selagi perkara itu tidak dapat diperbaiki mengikut pelan asal selagi itulah strata title tidak dapat dikeluarkan.

Untuk memudahkan, saya rasa bagi pandangan saya, mereka yang telah mengubahsuai petak-petak mereka itu harus mengubahsuai supaya memenuhi syarat-syarat yang telah dikeluarkan dalam pelan asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Kerajaan akan mencadangkan kaedah-kaedah selain daripada pemotongan bekalan elektrik dan air melalui pindaan kepada undang-undang sedia ada untuk memastikan bahawa masalah bayaran penyenggaraan tidak dibayar oleh pemilik-pemilik dapat ditangani. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Kementerian Belia dan Sukan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Disampuk]* Sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tentang Felda tidak ada, soalan-soalan Felda tidak ada ?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis ya Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan. *[Ketawa]*

11.33 pagi.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Perbekalan Tahun 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2000, yang telah membangkitkan pelbagai perkara dan isu yang mengenai Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha memperkasakan golongan belia merupakan salah satu agenda utama kementerian ini dengan matlamat untuk mewujudkan golongan belia yang mempunyai jiwa merdeka, kreatif, bertanggungjawab, berilmu, berakhlak dan bertakwa.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha murni ini kerap kali tercabar atau dihalang atas kepentingan pihak tertentu dengan mempengaruhi anak-anak muda melakukan perkara-perkara di luar batas susila dan budaya. Umpamanya, usaha-usaha merangsang dan mempengaruhi anak-anak muda menyertai siri demonstrasi atau tunjuk perasaan jalanan di sekitar ibu kota tidak lama dahulu.

Sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan 2000 kali ini, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah turut serta menyumbangkan buah fikiran yang bernas berhubung dengan pelaksanaan Program Pembangunan Belia. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengutarakan pandangan dan cadangan berhubung dengan perkara ini adalah Yang Berhormat bagi Bentong, Yang Berhormat bagi Kluang dan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Kementerian saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih atas pandangan dan cadangan

bernas yang dikemukakan itu. Meskipun, negara sedang menyusun langkah ke arah satu lonjakan paradigma atau paradigm shift, dengan izin, daripada ekonomi berasaskan pengeluaran atau pekonomi kepada ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi. Tidak bermakna usaha menyediakan bekalan tenaga kerja mahir kepada industri berasaskan pengeluaran akan diperlahankan.

Cadangan Yang Berhormat bagi Bentong supaya kursus-kursus di IKBN dinaik taraf ke tahap diploma dan ijazah untuk memberi lebih peluang lagi kepada belia melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran adalah disambut baik dan disokong.

Pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan mempunyai enam IKBN yang mengendalikan Latihan Kemahiran Tahap Asas dan Pertengahan serta sebuah Institut Kemahiran Tinggi (IKTBN) yang mengendalikan Latihan Kemahiran di peringkat Ijazah dan Diploma. Kursus Diploma Teknologi dalam bidang mekanikal telah dimulakan di IKTBN Sepang pada tahun 1998. Kini, terdapat 52 orang belia yang sedang mengikuti Kursus Diploma Tools and Dye dan Elektronik Industries di IKTBN Sepang. Seramai 19 orang daripada mereka akan tamat latihan mereka pada tahun 2000. Program Diploma akan dikembangkan dengan memperkenalkan dua kursus tambahan iaitu Kursus Pemesinan dan Senggaraan yang akan menyediakan 50 tempat tambahan.....

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ong Tee Keat: Di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat ya.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Ini berkenaan dengan kursus di IKBN. Saya hendak mendapatkan penjelasan sama ada kursus, syllabus-syllabus yang digunakan itu adalah yang diguna pakai itu adalah syllabus MLVK ataupun kursus syllabus Kementerian Belia dan Sukan sendiri. Dapatkan penjelasan kerana kalau kita hendak

menaikkan taraf kemahiran negara kita, adalah perlu kita selaraskan taraf kemahiran di negara ini dengan syllabus daripada MLVK. Minta penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong tadi sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa syllabus yang dimaksudkan itu sebenarnya dirangka oleh Kementerian Belia dan Sukan yang serasi dan selari dengan keperluan pasaran guna tenaga semasa dan butirannya mungkin saya boleh bekalkan kepada Yang Berhormat dengan lebih lengkap lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, 8 buah IKBN baru telah dibina di seluruh negara. Sebanyak 5 buah IKBN tersebut akan dijadikan pusat kecemerlangan yang menjuruskan kepada satu bidang khusus di tahap asas sehingga ke tahap diploma dan ijazah. IKBN-IKBN tersebut akan menyediakan 4,730 peluang latihan atau bersamaan 64% daripada 7,280 jumlah pelatih kesemua IKBN baru. IKBN-IKBN ini adalah terletak di Johor yang khusus untuk mekanikal, Negeri Sembilan untuk automatif, Melaka untuk hospitaliti, Kelantan untuk kejuruteraan awam dan Pulau Pinang untuk electrical dan electronic. Status pembinaan kesemua IKBN ini adalah di peringkat awal kerja-kerja tapak. IKBN dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2002.

Manakala dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kesemua IKBN yang sedia ada akan ditingkatkan tahap hingga ke peringkat tinggi bagi melahirkan seramai mungkin tenaga mahir di peringkat penyeliaan selaras dengan keperluan sektor perindustrian.

Mengenai pelaksanaan lima Agenda Perdana dan tujuh Program Teras Pembangunan Belia yang disusun dan diatur merupakan inisiatif yang diberi keutamaan ke arah mewujudkan generasi belia yang cemerlang, kreatif, bertanggungjawab, berilmu dan bertakwa selari dengan hasrat dan inspirasi yang tersirat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua atau RRJP2 yang telah berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua, secara menyeluruh lima Agenda Perdana Belia dan tujuh Program Teras Pembangunan Belia telah memperlihatkan kejayaan

yang boleh diukur, di antaranya boleh dinilai dari segi menyemarak aktiviti-aktiviti di semua peringkat dan lapisan masyarakat.....

Tuan Hassan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Ya.

Tuan Hassan bin Mohamed: Soalan tambahan, minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat ada sebut perkataan bertakwa, tolong huraikan sedikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau ini tempat atau peluang untuk Yang Berhormat hendak uji vokal ataupun setakat mana saya dapat menguasai Bahasa Malaysia ini bukan tempatnya, saya akan layan Yang Berhormat kemudian.

Kejayaan ini dilambangkan oleh bertambahnya bilangan program yang dilaksanakan misalnya program rakan muda sahaja mencecah sebanyak 35,000 aktiviti atau 1.4 juta penyertaan. Selain daripada itu kejayaan juga boleh dilihat dengan meningkatnya keyakinan diri dan martabat belia di mata umum terutamanya melalui program motivasi dan pendekatan 'Malaysia Boleh' dan slogan 'Yakin Boleh'.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat bagi Kluang agar kerajaan mengkaji semula program kepimpinan, program rakan muda dan dasar belia negara, sukacita saya memaklumkan bahawa kementerian menyambut baik pandangan Yang Berhormat tersebut. Kajian dan pe nilaian semula program ini dibuat secara berterusan khususnya dari segi pengurusan program dan kaedah pelaksanaannya.

Dasar Belia Negara yang digubal pada tahun 1985 telah dikaji semula pada tahun 1997 agar ianya sesuai dengan dasar pembangunan nasional atau wawasan 2020. Dasar baru ini dikenali sebagai Dasar Pembangunan Belia Negara yang menekankan kepada pembangunan belia dalam bidang ilmunan, kepimpinan, pembentukan sikap, kemahiran, keusahawanan, pemupukan gaya hidup sihat, kemudahan intraaksi sosial dan hubungan antarabangsa.

Dengan pembubalan semula Dasar Belia Negara ini pelaksanaan program-program pembangunan belia untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhlak dan jasmani, bertanggungjawab, berdikari, patriotik, penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa dan negara selaras dengan wawasan 2020 dapat dilaksanakan secara lebih berkesan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Timbalan Menteri minta penjelasan mengenai program belia masa kini. Kalau dahulu belia kita dilatih dengan program-program yang ada sangkut paut dengan ketahanan diri misalnya out bound school. Konsep out bound school itu adalah ketahanan diri dari segi ancaman-ancaman alam sekitar misalnya merentas kampung, sawah ladang dan duri tetapi pada masa kini itu kurang relevan lagi. Belia kita terdedah dengan unsur-unsur moden iaitu terdedah dengan penipuan, pelacuran dan aspek-aspek sosial yang lebih mencabar dalam dunia moden ini. Apakah program ini telah dimasukkan ataupun dirancang oleh kementerian supaya pencegahan elemen-elemen seperti ini dapat digubal dan tidak lagi konsep lama yang kurang relevan dengan keadaan masa kini. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada soalan tadi dari Yang Berhormat bagi Sipitang. Walaupun sektor-sektor ataupun gaya hidup yang tertentu telah pun dikenal pasti oleh kementerian ini bagi menjayakan program rakan muda sejak tahun 1994 lagi tetapi ianya bukanlah sesuatu yang statik, sebaliknya ianya sesuatu yang dinamik, yang kena ambil kira peredaran zaman dan juga selera dan kemahuan kaum belia, kaum remaja khususnya. Dalam pada itu apa yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Sipitang sukalah saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini sekali lagi bahawa program rakan muda sebenarnya lebih bersifat preventive dan bukan sesuatu rumusan untuk membanteras gejala sosial yang dimaksudkan.

Apa yang kita boleh buat melalui program-program rakan muda itu adalah bersifat preventive untuk menghindarkan kaum remaja kita

terjerumus, terjebak dalam kancah kehinaan ataupun dalam tingkah laku yang tidak senonoh dengan menerusi penganjuran acara-acara ataupun kegiatan yang membina, yang constructive dan juga yang dapat mengisi masa lapang mereka secara membina. Tun boleh saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Hulu Langat telah mencadangkan supaya pemimpin-pemimpin belia diiktiraf berdasarkan sumbangan mereka kepada pembangunan negara dengan memilih mereka menyertai delegasi perwakilan ke luar negara dan melantik mereka bagi menduduki jawatan-jawatan dalam agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai program telah diatur dan disusun ke arah memperkasakan kepimpinan belia di pelbagai peringkat. Pemimpin-pemimpin belia diberi peluang untuk menyertai rombongan-rombongan pertukaran belia, persidangan bengkel yang diadakan di dalam mahupun di luar negara. Pihak kementerian amat menyedari dan menyokong perlantikan pemimpin-pemimpin dari pertubuhan-pertubuhan belia sebagai Ahli Majlis Kerajaan Tempatan, Ahli Majlis Pembangunan Daerah dan Ahli Lembaga Pengarah atau penasihat dalam pelbagai agensi kerajaan. Malah terdapat beberapa kerajaan negeri dan Majlis-majlis Tempatan telah melantik pemimpin-pemimpin belia untuk menduduki jawatan dalam badan-badan tersebut.

Walau bagaimanapun ianya masih di peringkat awal dan kementerian ini akan memohon untuk mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak kerajaan negeri dan Majlis-majlis Tempatan bagi memberikan ruang yang lebih besar kepada belia-belia kita yang layak dilantik menganggotai badan-badana tersebut agar kelangsungan agenda pembangunan belia dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Kementerian Belia dan Sukan amat yakin dengan komitmen pemimpin-pemimpin belia kita yang dilantik dalam jawatankuasa kampung atau JKKK ataupun lain-lain jawatankuasa seperti ini. Kementerian turut mendapat maklum balas yang baik dan menggalakkan dari masyarakat setempat bahawa khidmat dan peranan yang dimainkan pemimpin-pemimpin

belia ini amat memuaskan. Ia sesungguhnya memberi peluang yang besar kepada pemimpin-pemimpin belia ini untuk menyumbang dan berbakti kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kluang juga mengemukakan cadangan supaya sambutan Hari Belia diadakan secara carnival di seluruh negara baik di peringkat negeri dan juga daerah dengan tempoh sambutan dilanjutkan daripada sehari kepada seminggu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun, Yang Berhormat

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pihak Kementerian Belia. Tadi telah pun dijelaskan kepada kita agenda perdana pihak Kementerian Belia bersama dengan program teras pembangunan belia. Jadi melanjutkan daripada kesan Program Rakan Muda yang di popularkan dengan penyertaan melebihi 4 juta belia, kita nampak kesan-kesan itu dari sudut penilaian kerajaan terlalu positif, meskipun ada beberapa perangkaan tertentu yang memberi sesuatu penilaian untuk dibahaskan atau diperkemaskan lagi, lebih-lebih lagi dengan adanya suatu usaha penggubalan semula Dasar Belia Negara. Saya menarik perhatian untuk mendapatkan penjelasan pihak kementerian berhubung dengan statistik penambahan penagih-penagih baru dadah yang melibatkan sebahagian besar belia, misalnya ditunjukkan oleh pihak Agensi Dadah Kebangsaan. Dalam kenyataan terbarunya baru-baru ini seramai 17,915 orang penagih baru menjelang alaf baru kita ini. Dengan peningkatannya 50 orang untuk tempoh satu hari.

Daripada jumlah itu didapati 80% berumur di antara 19 dan 45 tahun, dan didapati paling mendukacitakan lagi, 70.6% adalah belia-belia Melayu. Jadi sehubungan dengan itu program yang digaris dan apa yang telah diperjelaskan, tidakkah ada sesuatu langkah yang paling berkesan secara bersepadu mungkin Kementerian Belia dan Sukan dengan pihak Kementerian Dalam Negeri ataupun seumpamanya menangani isu ini untuk kita menyelamatkan generasi belia ini. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat tentang berlakunya semakin berleluasanya gejala-gejala sosial yang dimaksudkan. Walaupun demikian sepertimana yang saya sudah sebutkan tadi, program Rakan Muda ini lebih bersifat preventive dan masalah penyalahgunaan dadah ini memang merupakan salah satu cabaran yang utama yang perlu kita tangani bukan sahaja oleh kementerian ini, malahan ianya memerlukan usaha sama dan juga pelan-pelan ataupun program-program bersepadu dari semua pihak termasuk juga kerajaan negeri dan saya yakin bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu masalah yang sama. Masalah dadah itu sebenarnya juga menghantui kedua-dua buah negeri iaitu negeri Kelantan dan Terengganu yang kini diterajui oleh parti Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik pada apa yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kluang. Sambutan Hari Belia Negara pada setiap 15 Mei yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri adalah sebagai satu penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kerajaan atas sumbangan dan komitmen belia kepada proses pembangunan negara. Program-program berbentuk keilmuan, motivasi, penyampaian anugerah belia negara dan kerja-kerja khidmat masyarakat telah disusun di semua peringkat yang melibatkan penyertaan ramai golongan belia dan masyarakat.

Walaupun majlis sambutan ini diadakan sehari sahaja yang melibatkan pemimpin tertinggi negara, namun program-program teras pembangunan belia dilaksanakan mengikut kalendar dan minat golongan belia. Program-program yang melibatkan generasi belia dirancang dan disusun secara berterusan dengan mengambil kira keperluan dasar-dasar utama negara ke arah pembangunan dan kemakmuran negara. Majlis-majlis sambutan Hari Belia juga disambut secara berperingkat di negeri-negeri dan daerah-daerah yang melibatkan penyertaan belia tempatan dengan pelaksanaan program-program pembangunan belia di peringkat kawasan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan mengemukakan cadangan supaya kerajaan menyediakan kemudahan dan

kelengkapan sukan secara lebih tersusun dan sistematik agar mampu melahirkan atlit-atlit yang berpotensi dan berdaya maju demi mengharumkan nama negara di mata dunia. Kementerian Belia dan Sukan perlu merancang pelan jangka panjang untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan sukan. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan sentiasa memberi sokongan dan komitmen dalam usaha menggalakkan aktiviti sukan negara termasuk penumpuan kepada kecemerlangan atlit-atlit negara di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Justeru itu penyediaan dan pembangunan prasarana dan kemudahan-kemudahan sukan di negara ini dirancang dan dilaksanakan dengan rapi mengikut piawaian yang ditetapkan oleh badan sukan antarabangsa. Walau bagaimanapun untuk melahirkan atlit yang berpotensi bukan sahaja bergantung kepada pembangunan infrastruktur sukan yang canggih, malah pembangunan atlit sendiri dari segi latihan juga dititikberatkan melalui program pembangunan atlit oleh Majlis Sukan Negara.

Malaysia pada masa kini dikenali sebagai salah....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Kita memang mengalu-alukan dan merasa bangga dengan prasarana sukan yang disediakan untuk menyediakan kemudahan bagi menentukan kita mempunyai para pemuda pemudi yang tinggi mutu dalam kesukanan di peringkat antarabangsa ataupun di peringkat kebangsaan.

Saya lihat dalam Belanjawan dan juga dalam Penyata Kewangan kementerian ini, ada satu kekurangan yang begitu nyata yang tidak diberikan perhatian iaitu penyediaan kompleks sukan di kampung-kampung, di mukim-mukim di mana di situlah kedapatan ramai anak-anak muda yang ingin berlatih baik bola sepak, badminton, sepak takraw, bola jaring, bola tampar dan sebagainya. Tetapi di kampung-kampung kemudahan-kemudahan ini boleh dikatakan amat berkurangan terutama padang bola sepak. Hendak tumpang sekolah, kadang-kadang padang sekolah pun agak sukar hendak digunakan oleh para pemuda dan sesetengah padang sekolah pun sudah dibuat

bangunan sekolah dan ini juga menyempitkan anak-anak muda untuk bermain bola sepak di kampung-kampung.

Jadi saya berharap kalau bolehlah kementerian memberikan tumpuan pula, menyediakan prasarana sukan untuk anak-anak muda di kampung-kampung. Di kampung-kampung dan di mukim-mukim kerana daripada kampung-kampung dan mukim inilah mereka akan diangkat ke peringkat kebangsaan dan juga di peringkat antarabangsa dan ini juga saya rasa boleh memberikan satu perkara yang boleh mengurangkan gejala-gejala tidak sihat di kalangan anak-anak muda kerana mereka ingin bersukan tetapi tempat tidak ada itu sebabnya mereka kadang-kadang menggunakan masa lapang itu dengan perkara-perkara yang agak melanggar sedikit etika ataupun perkara yang tidak menyenangkan ibu bapa di kampung-kampung.

Jadi ini saya harap kalau dalam agaknya tahun depankah di manamakah, berikan peruntukan yang secukupnya untuk prasarana, mini kompleks sukan umpamanya di kampung-kampung ataupun di mukim-mukim bagi menentukan semua pemuda pemudi kita dapat menyertai sukan ini secara lebih aktif. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu tadi adalah serasi dengan apa yang dirancang dan dilaksanakan oleh kementerian ini melalui program sukan untuk semua termasuk juga di peringkat kampung, peringkat akar umbi. Apa yang dicadangkan ataupun yang disuarakan tadi oleh Yang Berhormat itu memang sah pada pandangan saya, memang sah. Tetapi dalam pada itu sukalah saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa terdapat juga satu fenomena yang agak ekstrem juga. Apa yang disuarakan tadi adalah kekurangan, tetapi apa yang saya nampak juga timbul keadaan di mana kemudahan-kemudahan ataupun prasarana yang disediakan di tempat-tempat yang tertentu tidak digunakan dengan sepenuhnya ataupun tidak digunakan dengan bermakna sehingga ianya menjadi *white elephant*, dengan izin, ini memang satu masalah yang sering kali dihadapi di peringkat akar umbi. Ini satu ekstrem lagilah yang saya suka hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada jawapan saya tadi.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Ong Tee Keat: Agak panjang Tuan Yang di-Pertua, sebab ramai yang tunjuk minat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bolehlah saya mintalah jangan ada pertanyaan-pertanyaan ataupun minta membuat penjelasan kerana kita ada sampai petang ini sahajalah untuk hendak menghabiskan jawapan-jawapan daripada kementerian. Saya menggunakan Peraturan 37(2). Mintalah jangan ada penjelasan-penjelasan, kadang-kadang minta penjelasan ini cukup panjang juga. Sila.

Datuk Ong Tee Keat: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya selaku bekas Timbalan Yang di-Pertua memanglah saya akur kepada nasihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia pada masa kini dikenali sebagai salah sebuah pusat kecemerlangan sukan ekoran daripada kejayaan negara menganjurkan Sukan Komanwel pada tahun 1998 dan bagi pembangunan sukan seterusnya kementerian ini sedang berada di dalam peringkat penyediaan Pelan Pembangunan Kemudahan Sukan Negara yang merangkumi aspek sukan untuk semua dan sukan prestasi tinggi melalui pendekatan pelan jangka masa pendek iaitu selama 5 tahun dan jangka masa panjang selama 10 tahun.

Penyediaan kemudahan dan kelengkapan sukan secara lebih tersusun dan sistematik untuk menjana pembangunan sukan yang menyeluruh ke arah melahirkan atlit berpotensi tinggi memerlukan penglibatan dan kerjasama serta komitmen secara bersungguh antara Kementerian Belia dan Sukan, kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pendidikan dan juga pihak swasta supaya satu perancangan pembangunan kemudahan sukan yang bersepadu dapat diwujudkan.

Penyelarasan dan kerjasama adalah diperlukan kerana faktor-faktor yang berikut:

- (i) mengikut Pelembagaan Persekutuan sukan adalah satu di dalam senarai bersama atau 'concurrent list', dengan izin;
- (ii) tanah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri;
- (iii) dasar dan perancangan pembangunan kawasan seperti pelan struktur ataupun *structure plan*, dengan izin atau *local plan* dan pelan daerah ataupun *district plan*, dengan izin telah ditentukan oleh pihak perancang tempatan atau *local planning authority*, dengan izin;
- (iv) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia tidak mempunyai kuasa ke atas kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan dalam menentukan kemudahan sukan disediakan secara tersusun dan sistematik di seluruh negara; dan
- (v) sukan seharusnya bermula di sekolah tetapi kemudahan sukan masih lagi terhad.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan berikut telah diambil seperti berikut:

- (i) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengeluarkan *Planning Standard and Manual Guard Lines 1992*, dengan izin untuk panduan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan kawasan permainan, kemudahan sukan dan kompleks sukan tempatan dan negeri;
- (ii) pada tahun 1996, kementerian ini dan Majlis Sukan Negara telah mengadakan konvensyen sukan negara yang di antaranya merumuskan peri pentingnya sesuatu perancangan bersepadu kemudahan sukan di seluruh negara diwujudkan;
- (iii) Majlis Sukan Negara telah merangka rancangan jangka panjang pembangunan pusat latihan khas di peringkat

- negeri dan kawasan untuk dicadang dibangunkan secara berperingkat di seluruh negara;
- (iv) mulai Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah meluluskan rancangan mengadakan Pusat Rakan Muda yang mengandungi kemudahan sukan asas dan pusat pertandingan rakan sukan untuk dibangunkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dan dicadang diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan nanti; dan
 - (v) sempena dengan program pelaksanaan persediaan atlet Sukan Komanwel tahun 1998, kementerian ini dan Majlis Sukan Negara telah membina lima buah padang latihan sintetik hoki, lima buah pusat latihan gimnastik, lima lapang sasaran latihan menembak, 11 padang low n bowls dan lima dewan latihan terjun kepada beberapa buah negeri untuk membolehkan program latihan bagi sukan berkenaan dijalankan secara berkesan dan sistematik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lumut pula membangkitkan perkara mengenai kemudahan sukan dan rekreasi bagi kegunaan awam yang kurang di kawasan beliau yang akan diambil maklum dan akan dimasukkan dalam perancangan pembangunan sukan dan rekreasi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang memaklumkan bahawa penangguhan projek pembinaan Kompleks Rakan Muda di Pasir Mas, Kelantan kerana pihak Kerajaan Negeri masih menunggu penjelasan daripada Kerajaan Pusat mengenai pengisian program yang akan dilaksanakan di kompleks tersebut.

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Ong Tee Keat: Pihak kementerian sesungguhnya telah menyemak bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak pernah menghubungi Kerajaan Pusat secara rasmi untuk meminta

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan minta satu penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat:penjelasan mengenai pengisian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kinabatangan, kita kerana kesuntukan masa, jadi kita tidak benarkan untuk memohon penjelasan.

Tuan Moktar bin Radin: Biar pun untuk kepentingan sukan negara. Tidak boleh lagi ditanya?

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua memang saya boleh layan Yang Berhormat bagi Kinabatangan nanti sebab yang ini ayat saya tergantung.

Tuan Moktar bin Radin: Okay, okay.

Datuk Ong Tee Keat: Boleh?

Tuan Moktar bin Radin: Boleh, boleh.

Datuk Ong Tee Keat: Pihak kementerian sebenarnya telah menyemak bahawa Kerajaan Negeri Kelantan tidak pernah menghubungi Kerajaan Pusat secara rasmi untuk meminta penjelasan mengenai pengisian program Pusat Rakan Muda yang dicadangkan. Bagaimanapun, kementerian telah menerima secara rasmi Kerajaan Negeri tidak meluluskan cadangan tapak Kompleks Rakan Muda tersebut. Kementerian Belia dan Sukan akan segera memberi maklumat mengenai program yang dicadangkan itu sekiranya diminta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Baling menyentuh mengenai peruntukan yang besar bagi program Rakan Muda tetapi impak kepada mengurangkan gejala sosial tidak begitu *significant*. Beliau juga menyarankan supaya beberapa input meliputi kefahaman iman dan agama, nilai murni dan akhlak dan menghadkan pergaulan bebas antara jantina diberi penekanan. Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi lumrah di kalangan

pembangkang khususnya senantiasa menafikan segala usaha murni dan kejayaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sikap demikian rupa amatlah mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda merupakan instrumen bersifat penghindaran seperti mana yang saya sebutkan tadi bagi mengalih penglibatan generasi belia dari gejala sosial tidak sihat. Penekanan kepada kefahaman agama dan nilai-nilai murni sememangnya wujud dalam program tersebut. Saranan agar menghadkan pergaulan antara jantina, adalah dimaklumkan bahawa tiada pergaulan bebas antara jantina dan seluruh pelaksanaan aktiviti program adalah dipandu dengan Kod Amalan Rakan Muda dan Rukun Rakan Muda.

Jadi, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat yang berkenaan itu kalaulah mengikut kaca mata ataupun perspektif kefahaman politiknya sendiri, itu memang payah hendak meyakinkan rakyat bahawa ini adalah satu-satunya sebab kenapa Rakan Muda tidak patut digalakkan. Dan saya turut melahirkan perasaan sedih dan dukacita atas pemikiran dan minda sedemikian khususnya menjelang abad baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong sekali lagi memperkecilkan kebolehan rakyat Malaysia mengenai keupayaan pasukan Malaysia buat penerjunan di Kutub Selatan. Isu dua nakhoda tidak timbul sebenarnya kerana pasukan penerjun di *Millineum Jump 2000*, dengan izin yang pergi ke Benua Antartika hanya diwakili oleh satu pasukan sahaja iaitu pasukan yang dianjurkan oleh 'Fikiran Syndicate'. Kita turut berbangga dan mengucapkan sekalung tahniah atas kejayaan pasukan tersebut yang melakukan penerjunan di Patrick Hill, Benua Antartika sebab ramai yang samar-samar tentang mana lokasinya Patrick Hill ini. Walau jaraknya 1,084 km dari GSP ataupun garisan Kutub Selatan tetapi ianya tetap terletak di Antartika pada 1 Januari 2000.

Dalam hubungan ini, izinkanlah saya ambil kesempatan ini untuk menyampaikan tiga rangkap pantun yang disediakan oleh Yang Berhormat Menteri saya, khusus untuk Ahli Yang Berhormat dari kalanga pembangkang

khususnya Yang Berhormat bagi Kepong yang mempertikaikan Millineum Jump itu.

*Kalau tidak pecahkan ruyung,
Manakan dapat sagunya,
Kalau takut terjun berpayung,
Manakan dapat rekod dunia.*

*Kalau kail panjang sejengkal,
Lautan dalam jangan diduga,
Bebekalkan semangat, keazaman dan akal,
Terjunan di Antartika berjaya juga.*

*Patrick Hill nun jauh di Selatan,
Hawanya beku, tiada tumbuhan,
Janganlah pertikai sengsaranya keadaan,
Yang Berhormat Kepong pun boleh kejung kesejukan.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pokok Sena meminta penjelasan mengenai program sukan yang dilaksanakan sepanjang tahun. Sukacita saya ingin memberi penjelasan bahawa kementerian ini setiap tahun merancang program sukan

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, nak jawab pantun. Nak jawab pantun tu, bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payahlah.
[Ketawa]

Datuk Ong Tee Keat: Yang Berhormat, ada masanya. Nanti dalam peringkat Jawatankuasa. [Disampuk]yang melibatkan semua peringkat iaitu daripada akar umbi hingga ke peringkat kecemerlangan. Soal pemilihan dan manfaat kepada kelompok tertentu tidak timbul dan perlu dikikis dari pemikiran kita. Kementerian memperuntukkan lebih daripada RM7 juta bagi pembangunan sukan untuk semua di seluruh negara dengan melibatkan sejumlah 1,009 projek dan dijangka penyertaan sebanyak 4.3 juta orang bagi tahun ini.

Kementerian memperuntukkan RM7.8 juta bagi pembangunan sukan untuk semua di seluruh negara. Antara program yang dianjurkan termasuklah program rekreasi air dan udara, program kecergasan nasional dan program perkhidmatan sukan.

Ianya merangkumi...., dan program rekreasi air, udara dan sukan bermotor termasuklah selam - scubs diving, kursus asas penyelamat, kursus payung terjun, extreme sport, hang gliding, para gliding, berkayak, luncur ombak, mendaki, marathon, ekspedisi gunung, go-kart, cup prix, mountain bike dan kursus martial.

Program kekecergasan nasional termasuklah program gimnasium rakyat, program kecergasan martial, program kecergasan komuniti, 'gim' semua dan jump rope for heart. Manakala program perkhidmatan sukan lebih bersifat penganjuran pertandingan sukan peringkat negeri, daerah atau zon dan penganjuran seminar dan latihan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pokok Sena.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya dalam ucapan saya itu saya merujuk kepada Majlis Sukan Negara berdasarkan kepada laporan tahunan. Jadi ucapan saya itu saya menekankan tentang program sukan di bawah Majlis Sukan Negara di mana saya mengatakan bahawa perbelanjaan dalam tahun 1998 seperti mana laporan tahunannya sebanyak RM93 juta di bawah Majlis Sukan Negara tetapi yang diperuntukkan kepada rakan sukan yang pada saya inilah program yang melibatkan sekelompok rakyat bawahan di dalam program sukan ini terlalu sedikit iaitu hanyalah dalam sejuta lebih dengan ia melibatkan kepada beberapa jenis permainan sukan sahaja umpamanya bola tampar, bola jaring dan juga bola sepak dan juga sepak takraw. Jadi jumlah itu saya lihat bahawa seperti macam sukan itu dieksklusifkan kepada golongan-golongan, kelompok tertentu, tidak dirakyatkan kepada masyarakat di peringkat bawahan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tetap akan saya jawab secara terperinci dan sebelum itu izinkanlah saya menafikan apa yang didakwa tadi itu, adalah tidak benar sama sekali sebab apa yang dihasratkan oleh kementerian ini adalah sukan untuk semua. Semua lapisan masyarakat dan bukannya

dikhaskan, dikhususkan kepada segelintir golongan semata-mata, itu tidak benar dan perangkaan yang dipertikaikan itu pasti saya akan menjurus padanya kemudian termasuk juga di peringkat Jawatankuasa nanti.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir sudah cukup sebab tadi kita dah pun buat keputusan supaya

Datuk Ong Tee Keat: Tidak, saya mengatakan laporan ini berdasarkan kepada laporan tahunan 1998.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya Yang Berhormat, ya, sebab itu saya katakan di sini bahawa bagi saya, Majlis Sukan Negara ini adalah tempat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir,Yang Berhormat boleh kemukakan masa dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...untuk mempertingkatkan improvement atlit ataupun ahli-ahli sukan dalam negara kita tapi apabila perbelanjaan yang hanya dimanfaatkan kegunaan itu hanya untuk kelompok-kelompok tertentu menyebabkan kita tidak tentu arah agenda sukan kita. Kita hanya melihat kepada high performance, kepada pingat dan sebagainya tetapi tidak bermula daripada akar umbi masyarakat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena, saya ingat, cukuplah, cukuplah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini yang penting

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab keputusan sudah dibuat jadi kalau ada ingin nak tambah, boleh bawa semasa Jawatankuasa.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Mokhtar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, ini saya mahu point of order, Ahli Parlimen dari Bagan tadi, baca newspaper ahli Dewan berdebat, dia baca newspaper terus-terusan, jadi di mana penyertaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, saya faham.

Tuan Mokhtar bin Radin: Tetapi jangan suruh dia baca newspaper.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta Ahli-ahli Yang Berhormat mengikuti, mematuhi peraturan juga. Timbalan Menteri sila sambung semula....

Datuk Ong Tee Keat: Ya Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari apa yang saya dapat tanggap tadi rupa-rupanya Yang Berhormat dari Pokok Sena salah anggap tentang definasi atau penakrifan high-performance sports. Mungkin pada beliau apa yang digambarkan adalah sports ataupun acara sukan yang dikhususkan kepada segelintir golongan rakyat, segelintir golongan manusia saja ataupun pihak kementerian hanya mementingkan pingat, bilangan pingat emas, perak dan gangsa yang kita perolehi dalam acara sukan ataupun kejohanan sukan. Itu tidak benar sama sekali. Bila kementerian ini menitikberatkan atau memberi tumpuan yang sewajarnya kepada high-performance sports, ini tidak bermakna ianya menafikan kepentingan penglibatan rakyat dalam acara sukan untuk semua. Nanti saya akan cuba secara detail, terperinci, saya akan cuba memahamkan Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga membangkitkan soal bayaran elaun kepada jurulatih asing dan prestasi pencapaian mereka. Datuk Yang di-Pertua, sukan prestasi tinggi memerlukan kos pelaksanaan yang lebih mahal dibandingkan dengan program sukan untuk semua. Salah satu sebabnya ialah setiap negara di dunia ini berlumba-lumba untuk melatih atlit masing-masing bagi mencapai kecemerlangan dan kemenangan di peringkat antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan ASIA, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Kejayaan-kejayaan di pertandingan seumpama ini menaikkan imej negara dan banyak negara sememangnya dikenali melalui pencapaian sukan masing-masing seperti Brazil dengan sukan bola sepak, Pakistan dengan sukan hoki, Sri Lanka dengan sukan kriket, dan negara kita sekarang ini melalui sukan sukan skuash, bowling dan badminton.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi membiayai program latihan atlit kebangsaan melalui program latihan jangka panjang seperti program jaya,

Tuan Mokhtar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mokhtar bin Radin: Boleh masuk sikit? – Tanya! Ini terima kasih....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya telah maklumkan dan keputusan telah dibuat,

Tuan Mokhtar bin Radin: Tak, saya rasa ini untuk kepentingan negara kita dan juga atlet-atlet kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah, tak payah, minggu depan semasa di peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat boleh kemukakan itu, jadi saya keputusan ini tetaplah.

Tuan Mokhtar bin Radin: Tidak boleh? Tapi kenapa yang lain sana boleh, sini tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah buat keputusan.

Tuan Mokhtar bin Radin: Itu tidak adil namanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini sila Yang Berhormat mematuhi peraturan, ya. Ini peraturan yang dibenarkan kuasa kepada Kerusi untuk berbuat demikian, jadi minta maaf lah ya Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, silalah.

Tuan Mokhtar bin Radin: Peraturan berapa itu? *[Disampuk]*

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih, berbalik kepada ucapan tadi tu mungkin saya boleh mengesyorkan kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan betul-betul tunjuk minat dalam hal ehwal belia dan sukan memang ini dialu-alukan dan Yang Berhormat mungkin boleh mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa nanti sebab yang ini biasanya bila dicelah atau disampuk, soalan yang dibangkitkan itu kalaulah kerna mengena dengan apa yang dijawab tu memanglah ianya tidak mengganggu lines of thought, dengan izin. Kalau tidak memang ianya terpesong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Datuk Ong Tee Keat: Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi membiayai program latihan atlit kebangsaan melalui program latihan jangka panjang seperti program jaya tahun 1998 iaitu untuk menyediakan atlit ke Sukan Komanwel tahun 1998. Program latihan tiga tahun bagi sukan-sukan bukan Komanwel di antara tahun 1996 hingga 1998 dan Program Gemilang 2001 iaitu program untuk menyediakan atlit ke Sukan SEA tahun 2001 yang akan diadakan di negara kita. Peruntukan ini merangkumi perbelanjaan seperti tenaga pengurusan, khidmat kepakaran, jurulatih luar negara dan tempatan, perbelanjaan kebajikan dan latihan atlit, kemudahan dan infrastruktur latihan, penyertaan pertandingan dalam dan luar negara, latihan pendedahan dalam dan luar negara serta pengukuhan pentadbiran persatuan sukan kebangsaan.

Perbelanjaan untuk mendapatkan khidmat kepakaran asing bagi Program Jaya 1998 yang melibatkan 71 jurulatih luar negara adalah berjumlah RM24,889,101 di mana ianya hanya bersamaan dengan 15.6% dari jumlah perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM159,526,426. Bagi program Gemilang 2001 pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3,908,846 pada tahun 1999 bagi mengguna khidmat seramai 42 jurulatih luar negara bagi 21 jenis sukan dan peruntukan ini merupakan 10.2% dari jumlah peruntukan program latihan keseluruhan bagi 41 jenis sukan yang berjumlah sebanyak RM38,321,184 untuk tahun 1999.

Peruntukan bagi jurulatih luar negara ini merangkumi perbelanjaan gaji, elaun, sewa rumah, cukai pendapatan dan tambang kapal terbang mengikut kepakaran dan taraf hidup semasa negara-negara asal jurulatih tersebut. Purata gaji jurulatih-jurulatih asing ini adalah di antara USD1000 - USD4000 sebulan. Belanja membiayai jurulatih-jurulatih ini tidak semuanya datang dari kerajaan tetapi juga ditanggung oleh persatuan-persatuan sukan sendiri melalui penaja masing-masing seperti sukan bola sepak dan badminton.

Di antara kekangan utama yang dihadapi dalam membentuk dan melahirkan atlet-atlet negara yang berdaya saing di peringkat antarabangsa adalah berpunca dari kekurangan atau tiadanya tenaga jurulatih tempatan yang

mampu memikul tanggungjawab ini. Justeru itu, tanggungjawab jurulatih luar negara ini merangkumi usaha mengenalpasti dan membentuk bakat atlet-atlet negara melalui program latihan yang tersusun bagi memaksimumkan prestasi atlet-atlet kebangsaan. Di samping itu, jurulatih-jurulatih luar negara juga bertanggungjawab bagi menyalurkan kepakaran mereka kepada jurulatih-jurulatih tempatan bagi memahirkan tenaga tempatan dalam usaha mengambilalih pelaksanaan program latihan yang sistematik dan berjaya.

Pengukuran prestasi jurulatih-jurulatih luar negara jelas terbukti dari pencapaian atlet-atlet negara yang diletakkan di bawah pengendalian mereka dalam temasya-temasya sukan antarabangsa. Pencapaian kontinjen negara kita di Sukan SEA tahun 1997 dan 1999 membuktikan kemajuan yang ketara jika dibandingkan dengan pencapaian Sukan SEA 1995 seperti berikut:

- Pada tahun 1995 di Chiangmai, jumlah pingat yang ditawarkan adalah sebanyak 338, sedangkan pencapaian pasukan kita adalah 31 pingat yang dipungut menduduki tempat yang keempat;
- Pada tahun 1997 di Jakarta, jumlah pingat yang ditawarkan adalah sebanyak 438, sedangkan pasukan kita dapat memperolehi 55 pingat menduduki tempat yang ketiga; dan
- Pada tahun 1999 di Brunei, jumlah pingat yang ditawarkan adalah sebanyak 233, sedangkan pencapaian kita adalah perolehan 57 pingat menduduki tempat yang kedua.

Pencapaian cemerlang negara kita di Sukan SEA tahun 1997, menunjukkan hasil yang cemerlang dari pengendalian jurulatih luar negara yang diambil bagi melaksanakan program jaya 1998, di mana dari 55 emas yang dimenangi oleh kontinjen negara sebanyak 43 emas, iaitu bersamaan 78.18% disumbangkan oleh 9 jenis sukan yang dikendalikan oleh jurulatih luar negara. Sementara itu, 5 emas lagi telah disumbangkan oleh tiga jenis sukan yang dikendalikan oleh jurulatih luar negara bagi sukan-sukan yang bukan di bawah program Jaya 1998.

Pencapaian cemerlang tersebut diteruskan di Sukan SEA tahun 1999 di mana 43 pingat emas yakni 73.68% dari 57 emas yang diperolehi oleh kontinjen negara disumbangkan oleh tujuh jenis sukan yang dikembalikan oleh jurulatih luar negara. Pencapaian 57 emas di Sukan SEA tahun 1999 juga merupakan pencapaian terbaik negara kita dari segi peratus pungutan pingat emas dalam sejarah penyertaan negara kita di Sukan SEA sejak tahun 1977 dan buat julung kalinya kita berjaya mengatasi Indonesia. Di antara sukan-sukan yang meningkat prestasi mereka di Sukan SEA tahun 1997 dan 1999 yang dikendalikan oleh jurulatih luar negara adalah seperti berikut: untuk acara sukan akuatik, bilangan jurulatih luar negara adalah 4; olah raga - 12; bowling - 2; gimnastik - 18; hockey - 2; karatedo -1; wushu - 1; squash - 3; badminton - 5; basikal - 3; bola keranjang - 1; menembak - 9; angkat berat - 2. Jumlahnya - 63.

Dari segi prestasi atlet-atlet negara di temasya Sukan Komanwel 1998 jelas sekali bahawa pencapaian 10 emas; 14 perak dan 12 gangsa membuktikan keberkesanan khidmat jurulatih luar negara jika dibandingkan dengan prestasi negara di Sukan Komanwel tahun 1994 di mana negara kita hanya memperolehi 2 emas; 3 perak dan 2 gangsa.

Badminton dan angkat berat merupakan dua acara sukan yang menyumbangkan pingat negara sepanjang penyertaan negara kita di Sukan Komanwel sejak tahun 1950 tetapi pada Sukan Komanwel tahun 1998, sebanyak 10 acara sukan telah menyumbangkan pingat-pingat kepada negara kita. Jumlah 36 pingat yang dimenangi oleh kontinjen negara di Sukan Komanwel tahun 1998 adalah juga menyamai jumlah keseluruhan pingat-pingat yang dimenangi oleh negara kita sepanjang penyertaan di Sukan Komanwel sejak tahun 1950 hingga 1994.

Pencapaian atlet di Sukan Komanwel tahun 1998 juga mencatat sejarah baru yang telah meletakkan negara kita di tempat keempat dari 70 buah negara Komanwel. Pencapaian cemerlang di Sukan Komanwel 1998 juga telah merangsangkan lagi pencapaian atlet negara di Sukan Asia tahun 1998 dengan memperolehi 5 emas, 10 perak dan 14 gangsa mengatasi pencapaian sendiri empat tahun sebelumnya di Sukan Asia tahun 1994 di

Hiroshima di mana kontinjen hanya memperolehi 4 emas; 2 perak dan 13 gangsa.

Secara amnya kelemahan Persatuan Sukan Kebangsaan dalam menyediakan struktur kejurulatihan yang berkesan bagi melahirkan atlet ke taraf dunia menyebabkan negara masih memerlukan khidmat kepakaran jurulatih asing. Jelas sekali bahawa khidmat jurulatih luar negara ini telah membantu Malaysia untuk menonjolkan imej sukan yang cemerlang di peringkat antarabangsa, sekaligus mendorong negara menuju ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan atas kepercayaan kepada semangat 'Malaysia Boleh'. Kementerian Belia dan Sukan di bawah Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab bagi menerajui dan mengangkat martabat generasi belia dan pembangunan sukan dengan lebih cemerlang lagi bagi menghadapi cabaran alaf baru tahun 2000 dan seterusnya.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakam ucapan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pandangan dan teguran kepada kementerian ini sepanjang tempoh perbahasan kali ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, sila.

12.28 tgh.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan isu-isu pembangunan yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 peringkat dasar yang telah berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan ini, isu-isu mengenai infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar, program pembasmian kemiskinan, rancangan pembangunan tanah di Sarawak dan RISDA telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Baram, Tuaran,

Selangau, Kinabatangan, Batang Sadong, Mambong, Sri Aman, Tanah Merah dan Hulu Terengganu.

Isu-isu mengenai pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar telah menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Baram, Tuaran, Selangau, Kinabatangan, Batang Sadong dan Mambong.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan isu mengenai rasionalnya peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dikurangkan dan meminta supaya pengagihan peruntukan pembangunan perlulah adil sama ada di kawasan wakil rakyat Barisan Alternatif atau Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi pembangunan prasarana dan kemudahan asas sentiasa diberi penekanan oleh kementerian saya. Pada tahun 2000 peruntukan yang disediakan adalah dikurangkan daripada tahun 1999 kerana tahun 2000 merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Ketujuh dan peruntukan yang disediakan adalah merupakan baki yang masih tinggal. Bagaimanapun, terdapat beberapa program yang melibatkan kemudahan asas yang telah mendapat lebih peruntukan daripada tahun sebelumnya berdasarkan kepada keutamaan dan keperluan semasa.

Misalnya, pada tahun 2000 program bekalan air luar bandar mendapat RM129.177 juta berbanding tahun 1999 iaitu RM60.5 juta. Begitu juga bagi projek jalan kampung tahun 1999 ialah RM140 juta berbanding RM286 juta bagi tahun 2000. Kementerian ini tidak pernah mengambil pendekatan untuk memilih kawasan-kawasan tertentu sama ada kawasan pembangkang atau kawasan penyokong kerajaan. Ini adalah oleh kerana amat sukar berbuat demikian secara fizikal dan amat tidak praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Baram telah meminta supaya kerajaan mempertingkatkan liputan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan dan sebagainya di seluruh negeri Sarawak khususnya dalam kawasan Baram. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah meletakkan dasar untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, jalan dan sebagainya di seluruh negara termasuk Sarawak.

Projek-projek untuk tujuan ini telah pun dimulakan sejak beberapa tempoh rancangan lima tahun yang lalu bukannya pada tahun 2000 sahaja. Bagaimanapun, projek-projek dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan tertakluk kepada peruntukan yang disediakan. Projek-projek ini akan terus dilaksanakan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan nanti.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya kajian terperinci tentang keperluan peruntukan untuk menaikkan taraf setiap jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung di seluruh negara terutama sekali di Sabah dan Sarawak dan menyarankan supaya hasil kajian ini dapat dimuatkan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek-projek Jalan Luar Bandar di seluruh negara kerajaan telah mengambil kira antara lain justifikasi yang dilihat daripada faktor-faktor sosio-ekonomi, teknikal, keupayaan agensi pelaksana dan keupayaan kerajaan menyediakan peruntukan. Pada masa ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang meneliti projek-projek baru yang boleh dipertimbangkan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batang Sadong ada membangkitkan tentang sistem payung bagi projek jalan-jalan kampung yang banyak memberi masalah kepada kontraktor kelas F. Dalam pelaksanaan PJK atau Projek Jalan Kampung konsep payung adalah menjadi tanggungjawab pelayung untuk membimbing serta memberi bantuan kewangan dan bahan-bahan binaan kepada anak payung. Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan pelayung ini menjalankan tanggungjawab seperti mana yang diarahkan oleh kementerian. Sekiranya terdapat aduan yang spesifik diterima daripada anak payung, perkara ini akan terus dirujuk kepada pelayung untuk diselesaikan. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem payung ini sedang dikaji semula bagi menilai keberkesanannya dari semua sudut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Selangau telah mencadangkan supaya setiap kawasan Parlimen di luar bandar Sarawak diberi peruntukan sebanyak RM3 juta bagi membolehkan jalan-jalan kampung dan

jalan-jalan ke rumah panjang dapat disegerakan. Bagi menjawabnya, jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan kepada setiap negeri adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk program ini dan juga ceiling peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh bagi setiap negeri. Jumlah peruntukan tersebut akan dimaklumkan kepada pihak negeri supaya agihan peruntukan mengikut daerah atau kawasan Parlimen dapat ditentukan mengikut keutamaan negeri.

Cadangan Yang Berhormat bagi Selangau untuk diperuntukkan RM3 juta bagi setiap kawasan Parlimen luar bandar Sarawak adalah tidak praktikal kerana setiap kawasan tidak sama dari segi saiz, bilangan penduduk dan kampung, keperluan sebenar atau keutamaan mengikut negeri. Dari segi kontraktor pelaksanaan projek, sememangnya telah menjadi dasar kementerian ini untuk melantik kontraktor tempatan bagi melaksanakan projek.

Yang Berhormat bagi Selangau juga ingin tahu mengenai jumlah peruntukan bekalan air luar bandar di Sabah dan Sarawak. Beliau juga ada membangkitkan masalah mengenai program ini di kawasan Mukah, Balingian dan Selangau. Bagi tahun 2000 ini peruntukan bagi program Bekalan Air Luar Bandar untuk negeri Sabah berjumlah RM23,802,500 atau 18.45% daripada keseluruhan peruntukan program Bekalan Air Luar Bandar di Malaysia. Manakala bagi negeri Sarawak pula, peruntukan yang akan diagihkan berjumlah RM19,179,900.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh terdapat dua buah projek yang dilaksanakan di kawasan Mukah. Kementerian ini sememangnya menyedari akan keperluan projek-projek bekalan air luar bandar di kampung-kampung sekitar kawasan Mukah, Balingian dan Selangau yang perlu dipertingkatkan. Oleh itu di kawasan Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek bekalan air di kawasan Selangau, Mukah dan Balingian.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Selangau, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh daripada RM2.5 billion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah program pembangunan desa di seluruh Malaysia, negeri Sarawak telah mendapat peruntukan yang

begitu banyak sekali berbanding dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia. Maka ini bermakna Kerajaan Malaysia tidak pernah dan tidak akan menganaktirikan negeri-negeri wilayah timur Malaysia.

Pelaksanaan projek-projek tersebut bagi tahun 2000 akan melibatkan sambungan bekalan air ke rumah-rumah panjang dan kampung-kampung yang berdekatan dengan kawasan skim kelapa sawit Selangau dan menarik taraf loji rawatan air di Mukah dan Balingian bagi menampung permintaan bekalan air di kawasan perindustrian Mukah serta pusat pertumbuhan luar bandar Balingian. Dalam pada itu kerajaan negeri juga akan membuat kajian kemungkinan bagi sambungan bekalan air untuk rumah-rumah panjang dan kampung-kampung di kawasan ladang kelapa sawit di sekitar kawasan Mukah dan Balingian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah meminta supaya program Bekalan Air Luar Bandar dapat dilaksanakan secara berkesan dan beliau juga memohon supaya program ini dilaksanakan di kawasan Kinabatangan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa merancang pelaksanaan program Bekalan Air Luar Bandar secara berkesan dengan menggunakan beberapa kaedah tertentu selain daripada sambungan paip secara sistem retikulasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Sabah.

Kementerian ini juga melaksanakan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar secara sistem alternatif seperti telaga tiub, sistem graviti dan telaga terbuka. Tujuan kaedah ini dilaksanakan ialah untuk membekalkan kemudahan bekalan air di kawasan yang tidak ekonomik iaitu di kawasan kawasan pedalaman.

Bagi kawasan Parlimen Kinabatangan pula, kementerian ini akan melaksanakan 18 buah projek Bekalan Air Luar Bandar di kawasan Yang Berhormat dengan anggaran kosnya RM680,000. Kementerian ini sememangnya menyedari keperluan bekalan air bersih di kampung-kampung di kawasan Kinabatangan yang perlu dipertingkatkan. Untuk itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dari semasa ke semasa akan memantapkan mekanisme pelaksanaan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar melalui

agensi-agensi pelaksana seperti Jabatan Bekalan Air Sabah dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Di samping itu, keperluan projek-projek bekalan air luar bandar bagi kampung-kampung di kawasan pedalaman akan sentiasa diberi keutamaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Mambong juga ada meminta supaya kementerian dapat melaksanakan program bekalan air luar bandar di kawasan Mambong. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Mambong, pada tahun 2000 ini sebanyak dua buah projek akan dilaksanakan di kawasan Mambong, iaitu Kampung Manjau dan Kampung Pulau Kandis; kedua, Kampung Maang, Kampung Ritup Lama dan Kampung Risit. Kedua-dua buah projek tersebut adalah projek sambungan. Peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa bagi kedua-dua projek tersebut ialah sebanyak RM52,000. Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan juga merancang untuk melaksanakan projek bekalan air di Jalan Padawan dan Jalan Puncak Borneo di kawasan Mambong.

Kementerian ini sememangnya menyedari keperluan bekalan air bersih ke kampung-kampung di seluruh negara yang perlu dipertingkatkan. Oleh itu, keperluan projek-projek bekalan air luar bandar bagi kampung-kampung yang terletak di kawasan pedalaman akan sentiasa diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai program pembasmian kemiskinan pula telah menarik minat Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran dan Sri Aman. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran yang menyentuh mengenai pendapatan garis kemiskinan (PGK) telah dijawab oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 9 Mac 2000 ketika menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Pendang.

Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman membangkitkan isu pelaksanaan PPRT yang hanya tertumpu kepada golongan tua yang lebih berbentuk kebajikan. Beliau mencadangkan supaya program pembasmian kemiskinan melibatkan golongan dewasa dan kanak-kanak di bawah satu pakej kekeluargaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program PPRT telah digubal dan dilaksanakan untuk memenuhi keperluan keluarga-keluarga termiskin di negara ini yang mempunyai pendapatan keluarga bulanan separuh

daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Pelaksanaan PPRM sememangnya melibatkan semua ahli keluarga termiskin, tidak terhad kepada warga tua sahaja. Pelbagai contoh program pemulihan sikap keluarga termiskin ditujukan kepada ketua isi rumah, suri rumah dan ahli isi rumah terutamanya mereka yang masih bersekolah.

Isu mengenai rancangan pembangunan tanah di Sarawak telah menarik minat Ahli Yang Berhormat bagi Selangau. Dalam ucapan Yang Berhormat tempoh hari ada Yang Berhormat bayangkan bahawa usaha membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar tidak akan berhasil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mengurangkan peratus kemiskinan seluruh negara daripada lebih dari 50% pada tahun 1970 kepada 6.1% pada tahun 1997. Angka ini naik sedikit pada tahun 1998 akibat masalah ekonomi tetapi telah dapat diperturunkan kepada 6.9% pada akhir tahun 1999. Insya-Allah, Kerajaan Barisan Nasional akan berusaha mengurangkan peratus kemiskinan ini ke paras sifar pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelapan tahun 2005 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Selangau ada meminta supaya RISDA dan FELCRA membuat perancangan bagi membangunkan tanah pusaka bumiputera Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan FELCRA Bhd. bersedia untuk membangunkan tanah pusaka bumiputera Sarawak seperti mana yang disarankan oleh kerajaan negeri tertakluk kepada persetujuan bersama di antara kedua-dua pihak. Sehingga kini FELCRA Bhd. Wilayah Sarawak telah memajukan 78 buah ladang seluas 15,117 hektar dengan tanaman komoditi kelapa sawit, dan daripada jumlah tersebut 2,518 hektar merupakan tanah pusaka bumiputera (NCR).

Berkaitan dengan RISDA pula, RISDA merupakan agensi pembangunan pekebun kecil yang melaksanakan program tanaman semula dan lain-lain program pembangunan pekebun kecil yang meliputi Semenanjung Malaysia sahaja. Namun demikian, RISDA melalui anak syarikatnya telah mengembangkan perniagaannya ke Sabah, Sarawak dan Kalimantan. Pelaburan ini adalah melalui anak syarikat RISDA atau Estet Pekebun Kecil

Sdn. Bhd. (ESPEK) yang mana telah membangunkan 5,000 hektar di Mukah, Sarawak dan satu cadangan sedang dilaksanakan untuk membangunkan ladang kelapa sawit seluas 5,000 hektar di Ulu Unduk, Sri Aman, Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai RISDA pula telah menarik minat Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah dan Hulu Terengganu. Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan mengenai nasib peneroka-peneroka yang terlibat di dalam program tanaman semula RISDA di kawasan beliau yang telah dibekukan pembayarannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1997 aduan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah dibuat oleh peserta Rancangan Tanah KESEDAR Prala yang tidak berpuas hati dengan jawatankuasa di atas kemajuan kerja atas tanah mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatankuasa projek tersebut terdiri daripada mereka yang dilantik oleh peserta sendiri. Berasaskan laporan kepada BPR ini, pihak BPR telah mengambil segala dokumen yang berkaitan dan buku akaun bank projek berkenaan daripada jawatankuasa projek, dan setakat ini BPR masih belum membuat sebarang pertuduhan terhadap pihak jawatankuasa atau RISDA. Disebabkan buku akaun bank projek ini telah diambil oleh BPR, maka segala bayaran bantuan yang dibuat oleh RISDA kepada projek ini tidak dapat dikeluarkan oleh jawatankuasa untuk membayar balik kepada peserta selepas tahun 1997.

Bagi mengatasi masalah ini RISDA negeri Kelantan sedang berhubung dengan BPR untuk mendapatkan kepastian tentang kedudukan kes ini bagi membolehkan pihak BPR memulangkan buku akaun bank berkaitan kepada jawatankuasa projek. Ini membolehkan peserta memperolehi segala baki bantuan yang dibayar oleh RISDA kepada jawatankuasa.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah juga ada menyatakan semasa menghadapi pilihan raya yang lalu tanggungjawab pegawai RISDA telah diubah untuk ditugaskan bukan untuk menjaga pekebun-pekebun kecil getah tetapi membantu UMNO di dalam pelaksanaan program PPRT.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar mengenai kenyataan Yang Berhormat tersebut bahawa tanggungjawab pegawai-pegawai RISDA telah diubah bagi membantu UMNO di dalam pilihan raya baru-baru ini. Suka saya

tegaskan sekali lagi bahawa peranan RISDA di negeri Kelantan tidak diubah di mana RISDA masih bertanggungjawab untuk melaksanakan program pembangunan pekebun kecil dengan peruntukan 1999 sebanyak RM11.533 juta. Secara keseluruhannya RISDA negeri Kelantan telah berjaya melaksanakan program pembangunan dengan pencapaian kewangan sebanyak 83.7%. Di samping itu, RISDA negeri Kelantan juga bertindak sebagai lead agency bagi program-program pembangunan rakyat termiskin melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di mana peruntukan yang disediakan bagi program pembangunan rakyat termiskin adalah berjumlah RM7.25 juta meliputi program pemulihan rumah, program pembangunan masyarakat setempat, program makanan tambahan, keluarga termiskin dan program pemulihan sikap keluarga termiskin.

Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu pula ada membangkitkan mengenai peruntukan RM1 bilion untuk pinjaman mudah tanam semula getah dan pengkorporatan RISDA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM1 bilion sebagai pinjaman mudah kepada RISDA mulai tahun 2001 bagi menguruskan aktiviti penanaman semula getah secara komersial. Cadangan ini masih di peringkat dasar dan masih belum ada apa-apa keputusan mengenai kaedah dan syarat pelaksanaannya.

Cadangan pengkorporatan RISDA masih dalam peringkat kajian di mana kementerian sedang mengkaji dari segi viabiliti pengkorporatan RISDA. Namun demikian, sekiranya RISDA dikorporatkan tanggungjawab sosial RISDA terhadap pekebun-pekebun kecil untuk program tanam semula dan khidmat pengembangan tetap diteruskan.

Dasar pengkorporatan ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan agensi bagi membolehkan RISDA menjana sumber-sumber kewangannya sendiri melalui aktiviti-aktiviti anak syarikatnya. Asas yang menyokong pengkorporatan RISDA ialah:-

- (i) mengurangkan kebergantungan RISDA kepada sumber kerajaan;
- (ii) memanfaatkan estet-estet dalam RISDA yang menjana kewangan;

- (iii) membangunkan tanah milik pekebun kecil supaya mendapat pulangan yang terbaik;
- (iv) menuju ke arah sara diri dalam pelaksanaan program tanam semula ;
- (v) memudahkan proses anjakan paradigma dalam pembangunan sektor pekebun kecil; dan
- (vi) mewujudkan sebuah entiti korporat yang berdaya saing.

Kaedah pengurusan kebun yang dilaksanakan oleh RISDA melalui anak syairkat bergantung kepada persetujuan bersama dengan peserta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pekebun-pekebun kecil getah bukan hanya masalah yang wajar dibebankan ke atas RISDA sahaja. Ramai orang mempersalahkan RISDA dengan bermacam tuduhan. Masalah sebenarnya adalah berkaitan dengan harga getah yang terlalu rendah hinggalan industri perladangan getah secara kecilan atau besar-besaran tidak lagi ekonomik.

Oleh itu, Barisan Nasional sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan yang sentiasa membela nasib rakyat yang miskin, Kabinet telah memberi arahan supaya satu kajian yang menyeluruh dibuat bagi meninjau hala tuju industri ini bagi jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 peringkat dasar, khususnya yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekiranya ada perkara lain yang disebut, yang tidak saya sentuh, sukacita saya tegaskan bahawa segala pandangan dan saranan itu akan diberi perhatian oleh kementerian saya dan akan diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

12.54 tgh.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengambil kesempatan pada peringkat awal ini untuk mengucapkan berbilang terima

kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mana perbahasan mereka telah menyentuh perkara-perkara yang ada kaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Mereka ialah Ahli Parlimen bagi Kinabatangan, Parit Sulong, Bukit Bintang, Setiu dan Penampang.

Bagi menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa kerajaan memang sedar iaitu sebagai usaha untuk membantu usahawan terutamanya usahawan bumiputera, tindakan ke arah pemulihan ekonomi negara hendaklah dilakukan. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, alhamdulillah, atas usaha kerajaan, ekonomi negara telah pun mulai pulih. Ini dapat dilihat daripada pelbagai petunjuk ekonomi sekarang di mana yang terpenting sekali ialah bahawa ekonomi negara telah mencatat pertumbuhan sebanyak 5.4% pada tahun 1999 berbanding pertumbuhan negatif yang berlaku sebelumnya. Usaha-usaha pemulihan ekonomi ini menjadi satu faktor penting dalam mewujudkan persekitaran bagi merencanakan iklim perniagaan dalam negeri.

Selain daripada itu, kerajaan juga tidak mengurangkan peruntukan pembangunan bagi projek-projek kerajaan yang dapat memberi peluang kepada usahawan bumiputera. Bagi Kementerian Pembangunan Usahawan, pelbagai program yang mewujudkan peluang-peluang perniagaan telah dipertingkatkan. Ini termasuklah program keusahawanan seperti Program Pembangunan Vendor dan Francais, Program Usahasama Tulen di antara usahawan bumiputera dan bukan bumiputera dan Program Pemasaran Bersepadu Perabot.

Kementerian juga secara berterusan mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dalam bidang-bidang baru untuk diceburi oleh usahawan bumiputera. Di samping itu, melalui kemudahan ruang niaga yang disediakan oleh agensi kementerian iaitu MARA, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan UDA Holdings Berhad, usahawan bumiputera berpeluang menjalakan perniagaan dalam bidang peruncitan dan pemakanan.

Selain daripada itu, kementerian juga telah mempergiatkan usaha untuk memberi latihan, bimbingan dan kursus keusahawanan kepada

usahawan baru dan bakal usahawan. Bagi merangsangkan lagi penglibatan

Tuan Saupi bin Daud: Penjelasan boleh? Minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya kita sudah membuat keputusan. Peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat boleh berucap lagi.

Tuan Saupi bin Daud: Sekejap satu sahaja. Dia telah berjanji hendak menjawab soalan saya. Boleh benarkan?

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan buat ucapan ya. Satu sahaja.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak, tidak. Saya hendak bertanya di sini mengenai galakan yang dibuat oleh kerajaan untuk menubuhkan syarikat-syarikat usaha sama iaitu joint venture di antara syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat luar yang kononnya membawa teknologi supaya dapat mengadakan teknologi transfer kepada syarikat-syarikat tempatan. Tetapi apa yang berlaku di negara kita, terutamanya di bidang yang mana saya cukup ariflah, iaitu bidang oil and gas ini, banyak syarikat yang awalnya melakukan joint venture dengan local partners supaya dapat transfer of technology, tetapi apabila mereka mendapat projek tersebut, syarikat-syarikat luar ini akan merubah tatacara perniagaan mereka daripada joint venture dengan local partners, mereka mengambil ahli-ahli politik yang lebih berpengaruh untuk menjadi partner mereka dan akibatnya syarikat-syarikat ini menjadi local company dan mereka mendapat business melalui hubungan mereka dengan orang-orang yang rapat dengan kepimpinan negara dan akibatnya syarikat-syarikat tempatan ini terpinggir, maka lahirlah syarikat-syarikat luar yang menjadi partnernya ialah ahli-ahli politik dan tidak ada genuine business yang lahir akibat daripada perlakuan sedemikian.

Jadi, saya hendak bertanya sama ada boleh atau tidak kerajaan menghadkan ahli-ahli politik atau anak-anak mereka menceburi bidang-bidang perniagaan kerana ini mengurangkan peluang genuine local business

people untuk menceburi perniagaan kerana apa yang berlaku, syarikat-syarikat yang berteknologi tinggi ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Menteri telah faham! Tidak payah buat ucapan.

Tuan Saupi bin Daud: ...ini banyak membunuh syarikat-syarikat genuine bumiputera companies. Sekian.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Pembangunan Usahawan sudah tentulah apa yang hendak dilaksanakan oleh kita, kerjasama di antara syarikat tempatan dan syarikat luar negara sudah tentu kita mahu melihat iaitu bahawa penyertaan bumiputera itu dipertingkatkan. Jadi, itu merupakan rancangan kita, tetapi kalau apa yang berlaku di peringkat pelaksanaan kalau sekiranya apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi adalah betul, maka mestilah menjadi tanggungjawab Ahli Yang Berhormat untuk memaklumkan kepada pihak yang berkenaan. Kerana kalau saya sebagai menteri tidak diberikan maklumat dan tidak diberikan tentang bukti-bukti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, adalah agak sukar untuk kita mengambil apa-apa tindakan. Yang penting, kalau Ahli Yang Berhormat tahu bahawa ada sesuatu penyelewengan yang berlaku di mana sesetengah pihak yang kononnya menjadi pelabur bumiputera tetapi sebenarnya dia tidur, maka itu menjadi tanggungjawab Yang Berhormat untuk melaporkan kepada saya supaya apabila kita siasat dan lihat, kalau sebenarnya perkara itu betul, maka kita harus mengambil tindakan terhadap mereka seperti ini kerana tidak boleh sesuatu perkara itu menindas mana-mana usaha daripada bumiputera yang tulen untuk melibatkan diri dalam perniagaan oil dan gas ini.

Saya selaku menteri, saya beri jaminan kalau ini berlaku, tidak kira siapa, politikkah atau tidak politikkah, tetapi kalau dia melakukan sesuatu yang boleh orang kata, menghakis usaha kerajaan untuk melihat penglibatan yang tulen bumiputera dalam bidang-bidang tertentu, maka sudah tentulah itu menjadi tanggungjawab untuk kita mengambil tindakan terhadap orang seperti ini. Jadi, saya harapkan laporan daripada Ahli Yang Berhormat dalam hal ini.

Bagi merangsangkan lagi penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan, kerajaan juga telah menyediakan kemudahan pinjaman kepada usahawan kecil dan sederhana melalui dana-dana pembiayaan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang telah diperluaskan ke seluruh negara mulai bulan Julai 1999. Tabung Usahawan Kecil (TUK), Skim Bantuan Pembangunan Francais dan Tabung Usahawan Siswazah serta tabung-tabung pembiayaan di bawah MARA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 petang.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri Pembangunan Usahawan, sila sambung.

2.30 ptg.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula, bagi merangsangkan lagi penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang perniagaan, kerajaan juga telah menyediakan kemudahan pinjaman kepada usahawan kecil dan sederhana melalui dana-dana pembiayaan seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) yang telah diperluaskan ke seluruh negara mulai bulan Julai 1999, Tabung Usahawan Kecil (TUK), Skim Bantuan Pembangunan Francais dan Tabung Usahawan Siswazah serta tabung-tabung pembiayaan di bawah MARA, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad dan Syarikat Jaminan Kredit yang telah berjaya memberi manfaat kepada usahawan bumiputera untuk memula dan memperkembangkan perniagaan mereka.

Kerajaan juga telah memulihkan kembali Tabung Projek Usahawan Bumiputera (TPUB) di bawah kawalan Bank Negara di mana kerajaan telah memperuntukkan dana pusingan RM300 juta bagi membantu usahawan-usahawan bumiputera yang mempunyai projek berdaya maju tetapi menghadapi masalah pembiayaan. Mengenai cadangan supaya kerajaan mengadakan satu dasar untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah RM1 juta untuk diberikan kepada bumiputera, sukacita dimaklumkan perkara ini memang telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan di mana projek-projek pembangunan terus diagihkan kepada usahawan bumiputera berdasarkan kelayakan dan kemampuan mereka. Kementerian akan terus meningkatkan pemantauan ke atas pelaksanaan projek-projek pembangunan bagi memastikan projek dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong.....

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:....kementerian ini berterima kasih di atas sumbangan Yang Berhormat bagi Parit Sulong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya Yang Berhormat, saya ingat tak payah penjelasanlah Yang Berhormat, hendak cepat.

Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:...yang telah mempengerusikan Jawatankuasa Agenda IT Bumiputera untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang IT. Isu mengenai penglibatan bumiputera dalam bidang IT dan multimedia memang telah dibincang dengan panjang lebar semasa Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat yang telah diadakan pada bulan September 1999. Hasil dari kongres tersebut sebanyak 113 resolusi termasuk resolusi yang berkaitan dengan IT telah dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan. Pelaksanaan bagi pelan-pelan tindakan mengenai perkara ini sedang diselaraskan oleh kementerian ini. Saya percaya isu yang telah dibangkit di atas akan diteliti oleh Jawatankuasa Pemandu K-Ekonomi di Kementerian Kewangan yang mana penubuhannya adalah

bertepatan sekali memandangkan ekonomi dunia dalam alaf baru ini berlandaskan ekonomi berteraskan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga bangkit dengan masalah kelemahan pelajar-pelajar bumiputera dalam bidang matematik, sains dan bahasa Inggeris. Kita akui merupakan antara faktor yang membataskan peluang mereka meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan dengan ini pihak MARA boleh membantu dalam mengatasi masalah tersebut, antaranya menerusi pengwujudan lebih banyak maktab rendah sains MARA, maktab rendah sains MARA harian, pusat-pusat kemahiran belajar MARA dan pelaksanaan kaedah Pendidikan Jarak Jauh serta program kemasyarakatan yang diadakan seperti sekolah angkat di antara MRSM-MRSM dengan sekolah-sekolah harian yang berdekatan menjelang peperiksaan terutamanya PMR dan SPM.

Menerusinya pengetahuan dan kemahiran pelajar-pelajar terlibat bukan sahaja dapat dimantapkan, malah keyakinan mereka untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lain dapat dipertingkatkan khususnya apabila mereka berada di peringkat pengajian yang lebih tinggi di IPTA atau di IPTS kelak. Berdasarkan hasrat untuk memberikan lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar bumiputera khususnya dari kawasan luar bandar yang mempunyai kemudahan persekolahan yang kurang lengkap berbanding dengan kemudahan di bandar-bandar, maka pihak MARA berharap agar pendekatan tersebut dapat direalisasikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat bagi Bukit Bintang ada bangkit berkenaan dengan permit teksi. Kementerian Pembangunan Usahawan buat masa ini tidak bercadang untuk menambah pengeluaran permit baru teksi individu selain daripada 300 permit yang dicadangkan iaitu 200 di Kuala Lumpur dan 100 di Johor Bahru sebelum ini memandangkan jumlah teksi sedia ada secara keseluruhannya mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Yang Berhormat dalam ucapan Yang Berhormat telah menyebut iaitu bahawa angka 15,000 orang telah membuat permohonan. Ini adalah tidak benar kerana mengikut borang yang telah kita edarkan di Wilayah Tengah, jumlah yang diedarkan ialah 5,450 borang sahaja, jauh daripada angka 15,000 yang

disebutkan oleh Yang Berhormat dan setakat pada hari ini yang telah kita terima permohonan untuk mendapatkan lesen teksi ini ialah 486 iaitu di ibu pejabat kita terima 46 dan Wilayah Tengah kita dapat 440.

Yang Berhormat saya ingin menyatakan iaitu bahawa kita boleh menjadi sebuah kerajaan yang popular kalau kita sekiranya berikan, kalau 15,000lah Yang Berhormat sebut, kita bagi 15,000 permit tetapi masalahnya terlalu banyak teksi tidak ada perniagaan. Jadi, kalau kita keluar terlalu banyak permit, nanti teksi terlalu banyak dan ini akan membebankan pemandu teksi yang terpaksa membuat bayaran membeli kereta dan macam-macam lagi bayaran yang harus dilakukan oleh mereka. Sebab itu kita kena kawal sedikit. Kita tidak boleh beri mengikut permohonan yang kita terima. Jadi, berkaitan dengan pengeluaran permit individu juga, selain daripada 300 permit baru di atas, kementerian akan melaksanakan dasar penarikan balik permit-permit yang dipajak sama ada oleh individu ataupun syarikat. Permit-permit ini akan ditarik balik daripada pemiliknya dan akan dikeluarkan semula kepada pemandu tulen (Lesi) yang telah memandu teksi dengan menggunakan permit yang dipajak tersebut bagi tempoh lima tahun atau lebih. Anggaran awal kementerian terdapat di antara 1,500 hingga 4,000 permit-permit yang tidak diusahakan sendiri oleh pemegang-pemegang permit. Sebaliknya mereka memajakkan permit-permit tersebut kepada pihak lain dan mendapat keuntungan secara mudah. Oleh yang demikian, dengan pelaksanaan dasar penarikan balik permit-permit yang dipajak ini, isu pilih kasih di dalam pengeluaran permit teksi individu adalah tidak timbul sama sekali.

Buat masa ini terdapat sejumlah 13,644 buah teksi yang menjalankan operasi di sekitar Lembah Kelang. Jumlah ini ternyata mencukupi kerana pengguna-pengguna mempunyai alternatif pengangkutan lain seperti perkhidmatan bas yang diusahakan oleh 15 pengusaha syarikat dengan bilangan bas di sekitar 1,846 buah. Selain itu, pengguna-pengguna juga boleh mengguna perkhidmatan transit ringan (LRT) yang diusahakan oleh Putra dan Star di samping kenderaan sendiri seperti kereta dan motosikal. Oleh yang demikian, penambahan permit teksi adalah tidak praktikal dan boleh

menjejaskan industri ini sendiri apabila berlakunya pembaziran sumber dan persaingan yang tidak kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Setiu ada bangkit perkara-perkara berkenaan dengan tabung-tabung dan menyatakan iaitu bahawa kerajaan banyak membantu syarikat multinasional dan syarikat kroni. Adalah tidak benar kerajaan membantu syarikat multinasional dan syarikat kroni yang menghadapi masalah kegawatan ekonomi. Apa yang berlaku sebenarnya adalah kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk membantu usahawan-usahawan IKS tempatan yang terjejas akibat kegawatan ekonomi. Ini termasuklah peningkatan dana sebanyak RM300 juta bagi Tabung Usahawan Kecil menjadikan keseluruhan peruntukan kepada TUK berjumlah RM540 juta.

Di samping itu bagi memudahkan usahawan mendapat pinjaman, TUK telah memperkenalkan sistem permohonan secara berpusat untuk memastikan penyaluran pinjaman dapat dibuat dengan lebih berkesan. Di bawah sistem ini semua permohonan perlu dikemukakan terus kepada CGC tanpa melalui institusi kewangan. Ini membolehkan CGC mengawal selia dan mengambil tindakan susulan ke atas setiap permohonan pinjaman secara lebih tersusun. Kementerian juga membantu pengusaha-pengusaha premis perniagaan yang terjejas ekoran kegawatan ekonomi melalui pemberian diskaun sewa, penjadualan semua pembayaran tunggakan sewa dan kelonggaran penguatkuasaan syarat-syarat penyewaan. Kementerian juga telah mewujudkan Pusat Bimbingan Usahawan di peringkat pusat, negeri dan daerah yang memberi perkhidmatan kaunseling maklumat perniagaan serta pusat jualan produk.

Untuk makluman Yang Berhormat semasa kegawatan ekonomi bukan sahaja syarikat-syarikat kecil mengalami masalah, malahan syarikat-syarikat besar juga turut terjejas. Boleh dikatakan secara keseluruhannya, tidak banyak syarikat-syarikat kecil yang menutup perniagaan mereka malahan banyak syarikat-syarikat kecil yang masih terus bertahan.

Kita kadang kala Yang Berhormat terpaksa membantu syarikat yang besar ini kerana implikasinya adalah besar. Kalau sekiranya syarikat yang Yang Berhormat sebut itu macam, TNC - syarikat trans-nasional company ini, kalau kita izinkan, kita benarkan mereka gulung tikar, masalahnya ialah dia mempunyai ribu pekerja-pekerja di bawah dia, jadi soalnya kalau dia gulung tikar, bukan sahaja kalau masalah itu dihadapi oleh syarikat, tetapi kita hendak kena ingat itu bahawa mungkin beribu lagi pekerja yang tidak dapat kerja terpaksa dihentikan dan kalau satu pekerja itu ada lima tanggungan yang bermakna lima ribu yang akan terlibat daripada gulung tikarnya syarikat itu. Jadi, sebab itu kita terpaksa juga membantu mereka kerana memikirkan tentang kepentingan pekerja-pekerja yang tidak bersalah. Di mana pada waktu kegawatan, mereka yang terpaksa dihentikan daripada bekerja dan mereka akan menghadapi masalah.

Berkenaan dengan tabung-tabung Yang Berhormat, saya ingin menyebutkan di sini sebenarnya kita, tidak mungkin kita memberikan pinjaman kepada kroni-kroni kerajaan kerana macam Tabung Usahawan Kecil (TUK), jumlahnya ialah 30,772 yang memohon, jadi permohonan ini dibuat kepada CGC. Dan saya sebagai Menteri saya tidak tahu siapakah yang memohon permohonan-permohonan untuk pinjaman ini sebab jumlahnya 30 ribu lebih dan bukan saya yang mengendalikan kerja itu. Yang mengendali itu ialah CGC. Jadi, sebab itu kalau hendak dikatakan bahawa yang dapat ini cuma adalah mereka yang dekat dengan kerajaan, itu adalah tidak benar. Dan saya juga telah membuat kenyataan di Baling, dan juga di Kuala Krai iaitu bahawa dalam soal untuk memberi dan membantu usahawan-usahawan kecil dan menengah dalam mereka menjayakan perniagaan mereka kita tidak ambil kira sama ada dia merupakan penyokong kerajaan ataupun tidak, kerana saya sendiri tidak dapat melihat borang permohonan yang dibuat itu.

Jadi, adalah tidak benar kalau sekiranya dikatakan bahawa yang mendapat pinjaman ini adalah terdiri daripada kroni-kroni kerajaan. Tetapi saya kira kalau bumiputera yang dapat itu hendak disebutkan sebagai kroni saya, saya ingat tidak ada masalahlah, semua bumiputera itu korni saya. Saya ingat itu senang kita selesaikan masalah ini.

Di bawah program pembangunan francais dan vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya sentiasa memberi perhatian dari masa ke semasa kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan. Bagi syarikat-syarikat vendor yang menghadapi masalah kewangan dengan bank, institusi kewangan, kementerian membantu syarikat-syarikat berkenaan dengan mengadakan rundingan secara terus dengan bank, institusi kewangan berkaitan, bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Pada tahun 1998 kementerian telah berjaya menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh 20 buah syarikat vendor manakala bagi tahun 1999 sebanyak 38 buah syarikat telah berjaya dibantu. Begitu juga bagi program pembangunan francais pula, kementerian telah mengambil inisiatif bagi mengadakan perbincangan-perbincangan di antara franchaisor dan franchisee yang menghadapi masalah dan dalam kebanyakan hal telah dapat atau berjaya mengatasi masalah yang dihadapi.

Dari segi pasaran, kementerian juga mengambil langkah untuk mengadakan perbincangan di antara syarikat anchor dengan syarikat vendor terlibat. Bagi tahun 1998 sebanyak 25 buah syarikat vendor yang telah menghadapi masalah pasaran telah berjaya dibantu manakala bagi tahun 1999 ialah sebanyak 57 buah syarikat. Kementerian juga menemukan syarikat-syarikat vendor berkenaan dengan syarikat-syarikat besar dan multi-national yang lain bagi mendapat peluang pasaran tambahan.

Dalam pada itu diperhatikan aspek latihan adalah juga perlu dipertingkatkan. Dalam hal ini kursus dan latihan seperti kursus ISO 9000, peng'course'an dan pengurusan kewangan telah diadakan dari masa ke semasa untuk meningkatkan keupayaan syarat vendor dan syarikat-syarikat franchais. Sehingga kini seramai 555 orang peserta daripada 91 buah syarikat vendor telah mengikuti kursus ISO 9000 di pelbagai peringkat. Sebanyak lapan buah syarikat vendor tersebut telah mendapat pengiktirafan penuh Sijil ISO 9000.

Di bawah program pembangunan franchais pula, kementerian dengan kerjasama Persatuan Franc hais Malaysia dan agensi-agensi yang terlibat telah

mengadakan beberapa siri latihan kepada franchisee, franchisor, dan juru perunding. Sehingga ini, seramai 345 orang usahawan telah mengikut latihan-latihan yang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Penampang...., bagi menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh beliau, kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas pemerhatian positif mengenai pendekatan yang diambil oleh kementerian saya dalam usaha membangun dan melahirkan usahawan kecil dan sederhana khususnya bumiputera. Untuk meneruskan usaha ini, kementerian akan terus mempertingkatkan dan memantapkan program-program sedia ada dan mewujudkan program-program baru untuk manfaat usahawan.

Ke arah ini, kementerian akan terus mengadakan dialog dan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan seperti persatuan-persatuan industri, dewan-dewan perniagaan termasuk di negeri Sabah. Di samping itu menerusi jentera penyelarasan pembangunan usahawan yang ditubuh oleh kementerian iaitu Majlis Pembangunan Usahawan dan Jawatankuasa Perhubungan Pembangunan Usahawan Persekutuan dan Negeri yang mana saya mempengerusikannya, input dari sektor swasta diperolehi. Wakil dari sektor awam dan swasta di Sabah turut menyertai jawatankuasa tersebut.

Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawan di negeri Sabah. Usahawan tempatan turut mendapat manfaat daripada program-program tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian dan agensi-agensi seperti MARA dan BPIMB melaksanakan pelbagai program keusahawanan untuk membantu usahawan usahawan di negeri Sabah. Dari segi pembiayaan, MARA merancang untuk mengeluarkan sebanyak 427 pinjaman bernilai RM11.83 juta iaitu merupakan 13% daripada keseluruhan pembiayaan yang akan dikeluarkan bagi tahun 2000 kepada usahawan bumiputera di negeri Sabah. Manakala BPIMB pula merancang untuk meluluskan pinjaman bernilai RM30 juta pada tahun 2000 untuk negeri Sabah.

Dari segi latihan keusahawanan, kementerian merancang untuk mengadakan pelbagai latihan dan kursus bagi bakal usahawan dan usahawan

sedia ada di negeri Sabah. Ini termasuklah skim usahawan siswazah, program pembangunan usahasiswa dan program usahawan muda. Di samping itu dianggarkan sebanyak 40 kursus akan dilaksanakan oleh MARA yang melibatkan seramai 1520 orang. Dalam tahun ini sebuah pusat usahawan teknikal akan diwujudkan mengandungi lima unit bengkel dalam bidang automotif untuk membantu 25 usahawan baru, dalam bidang automotif, elektrik dan kimpalan, seramai 22 orang usahawan teknikal dibimbing dengan bantuan sewaan mesin bagi memulakan projek mereka.

Di samping itu beberapa pusat bimbingan usahawan akan ditubuhkan di Sabah yang bertujuan menyediakan maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan kemudahan komputer. Dalam pada itu, sebuah pusat bimbingan usahawan daerah yang mempunyai kemudahan bimbingan usahawan di peringkat daerah akan diwujudkan di Tenom. Satu ekspo perdagangan produk bumiputera juga akan diadakan bagi tahun ini di negeri Sabah.

Di bawah BPIMB pula sebanyak empat kursus latihan keusahawanan akan diadakan di negeri Sabah yang meliputi pengurusan modal kerja, kawalan kredit, perancangan, pengeluaran dan teknik jualan. Untuk membantu usahawan memula dan mengembangkan peniagaan mereka, MARA merancang untuk membina tiga projek kompleks perniagaan di negeri Sabah. Pembinaan kompleks kilang bimbingan juga sedang rancak dilaksanakan oleh BPMMB di kawasan perindustrian Lok Kawi, Kota Kinabalu bagi menempatkan 15 syarikat yang akan mendapat faedah latihan keusahawanan yang bersepadu.

Jadi, saya sekali lagi ucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan yang mana yang saya tidak jawab ini harap boleh berhubung dengan saya secara terus. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Terima kasih.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tahu sedikitlah. Apakah ruling yang dibuat untuk persidangan pada hari ini, kita Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh bangun bertanya lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
37(2).

Tuan Moktar bin Radin: Oh, kalau begitu tidak perlulah kita duduk sini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Itu terpulanglah, itu terpulang ikut Yang Berhormat fikirlah, tetapi kita terpaksa menggunakan perkara-perkara yang ada dalam urusan kita hendak menyelesaikan apa yang perlu kita selesaikan. Kementerian Luar Negeri.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Marang, Bagan dan Sipitang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 2000 di peringkat dasar dari 28 Februari hingga 8 Mac 2000, yang mana telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Marang telah membangkitkan perlunya Malaysia mempunyai satu dasar luar negeri tersendiri yang menegakkan keadilan. Banyak negara termasuk Malaysia teragak-agak mengenai pencabulan hak asasi manusia di Chechnya. Menurutnya, kezaliman yang berlaku di Kosovo, di Chechnya dan Timor Timur menimbulkan wujudnya double standard di peringkat antarabangsa.

Rakyat Chechnya dan Palestine kata beliau, tidak diberi hak untuk membebaskan diri mereka, manakala Indonesia pula ditekan supaya menghormati keputusan pungutan suara rakyat Timor Timur. Beliau juga menyarankan agar kerajaan menggunakan pengaruhnya melalui OIC, NAM dan juga Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa supaya memberi perhatian kepada kaum yang teraniaya ini. Keadaan yang sama juga telah berlaku di Kashmir di mana keputusan pungutan suara oleh PBB pada tahun 1998 tidak dihormati. Jadi, sehingga kini rakyat Kashmir masih belum diberi hak kebebasan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Marang itu Malaysia sememangnya mempunyai dasar luar negeri tersendiri

yang berasaskan kepada kepentingan negara kita tanpa dipengaruhi oleh dasar luar negara lain. Malaysia tidak pernah teragak-agak dalam memperjuangkan hak rakyat mana-mana negara yang telah teraniaya selagi ianya tidak dianggap sebagai mencampur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara itu. Negara kita Malaysia menyedari dan mengakui bahawa negara-negara berkuasa mengamalkan double standard dalam menangani isu-isu tertentu kerana dipandu oleh agenda mereka sendiri.

Malaysia sering menyuarakan rasa tidak puas hati kita dan kesal terhadap tindakan sedemikian di forum-forum antarabangsa seperti di Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tuan Yang di-Pertua, beberapa resolusi telah diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu dan Majlis Keselamatan PBB untuk menangani sebahagian daripada masalah-masalah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Marang itu. Negara kita Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB telah juga memainkan peranan aktif dalam perbincangan yang diadakan untuk mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang timbul di negara-negara tersebut.

Kita menyeru semua pihak yang terlibat untuk mematuhi resolusi-resolusi yang telah diluluskan dan juga menyelesaikan masalah yang dihadapi secepat mungkin. Malaysia tetap akan menyuarakan pendiriannya bagi menegakkan keadilan di Mesyuarat-mesyuarat Antarabangsa dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu selagi penyelesaian terhadap masalah tersebut tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan percubaan kerajaan mendapatkan bantuan negara-negara asing untuk memenangi pilihan raya baru-baru ini. Beliau telah menuduhkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebenarnya telah menyaran negara-negara asing supaya menyebelahi kerajaan. Sebagai contoh kata beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta Perdana Menteri China melawat Malaysia sebagai taktik kempen pilihan raya Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah memohon bantuan mana-mana negara asing dalam usaha untuk memenangi pilihan raya baru-baru ini. Tuduhan yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta Perdana Menteri China, Zhu Rongji melawat Malaysia sebagai taktik pilihan raya Barisan Nasional adalah tidak adil dan tidak benar serta berniat jahat. Sebenarnya, lawatan rasmi tersebut yang telah diadakan pada 22 hingga 26 November 1999, di atas jemputan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah lama dirancang dan ia tidak ada kena mengena dengan pilihan raya yang lepas. Tambahan pula, lawatan Perdana Menteri Zhu Rongji itu ke Malaysia adalah sebahagian daripada lawatan beliau ke negara-negara ASEAN lain yang sepertinya Filipina, Singapura dan Vietnam.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri Zhu Rongji sendiri juga telah turut menafikan perkara ini ketika ditanya oleh seorang wartawan di majlis ceramah yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia pada 24 November 1999 di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang telah membangkitkan perkara mengenai kesusahan atau masalah yang dihadapi oleh warganegara Malaysia semasa menunaikan haji dan umrah seperti mereka terpaksa menunggu lama untuk melepasi Pusat Kawalan Imigresen dan pelbagai

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, saya ingat tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Saya ingat tidak payahlah Yang Berhormat. Kita sudah buat keputusan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada perkara saya perlu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: 37(2).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak apa, tidak payah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tidak boleh lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dalam Jawatankuasa kita benarkan Menteri menjawab kemudian *[Disampuk]* kita boleh jawab, dalam Jawatankuasa boleh dibangkitkan.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Nanti boleh, nanti boleh bangkit lagi Yang Berhormat ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, teruskan Menteri. *[Ketawa]* Teruskan Menteri.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: *[Ketawa]* Itulah, tidak ada sabar. Tuan Yang di-Pertua, kesusahan dan masalah yang dihadapi oleh warganegara Malaysia semasa mereka menunaikan haji atau umrah seperti mereka terpaksa menunggu lama untuk melepasi Pusat Kawalan Imigresen dan pelbagai perkara pentadbiran yang dikehendaki oleh pihak Arab Saudi. Beliau juga meminta Kementerian Luar Negeri memaklumkan dan meminta Pihak Berkuasa Arah Saudi untuk memberi kemudahan bagi menangani masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh jemaah haji kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sentiasa menyedari masalah yang dihadapi oleh jemaah haji kita. Pada mesyuarat tahunan dengan Menteri Haji Arab Saudi, masalah-masalah seperti ini sentiasa kita bangkitkan oleh Kerajaan Malaysia seterusnya dan mendapat tindak balas yang positif dari Kerajaan Arab Saudi. Kerajaan Arab Saudi sentiasa berusaha untuk mengurangkan dan mengatasi apa-apa juga masalah yang dihadapi oleh jemaah haji dan umrah yang datang bukan sahaja dari Malaysia, bahkan dari seluruh dunia yang berjumlah lebih dua juta.

Jadi, dari masa ke semasa Kerajaan Arab Saudi sentiasa mengambil pelbagai usaha dan juga pendekatan untuk mengatasi masalah ini termasuk mengenakan kuota, mengadakan terminal khusus bagi jemaah haji, membaiki prasarana dan lain-lain untuk tujuan itu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang saya dapat menjawabkan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu-isu yang tertentu berhubung dengan Kementerian Luar Negeri dan saya percaya perkara-perkara yang dibangkitkan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah saya jawab sewajarnya.

Walau bagaimanapun, soalan-soalan yang tidak terjawab lagi kementerian ini akan mengambil maklum dan perhatian sewajarnya dan mengambil tindakan susulan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kementerian Kewangan.

3.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan terhadap beberapa isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan semasa membahaskan Ucapan Belanjawan 2000.

Saya akan sedaya upaya memberi makluman balas beberapa banyak yang mungkin. Bagi isu-isu yang tidak sempat diberi makluman balas pada hari ini saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Kewangan tetap akan beri perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Parit Buntar, Kluang dan Tanah Merah telah menyatakan bahawa Belanjawan 2000 kurang menyentuh sektor pertanian dan makanan. Pemerhatian yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut adalah tidak benar. Dalam Ucapan Belanjawan 2000, yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 25 Februari yang lalu, beberapa strategi telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini termasuk memantapkan pembangunan sektor pertanian. Seajar dengan strategi ini juga, peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk sektor pertanian bagi tahun 2000 telah ditingkatkan kepada RM1,458 juta atau 33.8% berbanding dengan RM1,089 juta yang dibelanjakan pada tahun 1999.

Antara aspek yang disentuh oleh sektor pertanian secara khusus dalam Ucapan Belanjawan 2000 ialah peruntukan sebanyak RM201 juta kepada RISDA bagi melaksanakan Program Tanaman Semula Getah untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Di samping itu, Tabung Yayasan Pekebun Kecil telah juga ditubuhkan untuk membantu pekebun kecil melaksanakan aktiviti-aktiviti sampingan seperti tanaman ke naf (fodder), ternakan dan memproses makanan. Kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tambahan kepada RM20 juta yang akan diperolehi daripada sumber dalaman RISDA yang membiayai tabung ini. Dengan demikian, dakwaan Belanjawan 2000 ini tidak menyentuh sektor pertanian dan makanan sememangnya tidak berasas.

Besar kemungkinan Ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi tidak memahami ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan atau tidak membaca Ucapan Belanjawan pada 25 Februari 2000. Mereka juga tidak merujuk kepada ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 29 Oktober 1999 yang perlu dibaca bersama.

Saya ingin mencadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya lebih cergas dan tidak berkhayal supaya tidak melemparkan tohmahan-tohmahan yang bukan-bukan. Mengenai saranan supaya kerajaan memberi tumpuan kepada asas-asas ekonomi dalaman untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, langkah ini sememangnya sentiasa diambil perhatian bagi mencapai matlamat strategi Belanjawan 2000 dan Dasar Kewangan Negara.

Dorongan fizikal serta kelonggaran dasar kewangan yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak separuh kedua tahun 1998, ialah untuk menggalakkan permintaan barangan kepada perkhidmatan dalam negeri serta saling pergantungan pasaran bagi aktiviti sektor-sektor ekonomi dalam negeri. Dengan langkah-langkah tersebut, industri perkilangan berorientasikan pasaran dalaman telah dapat dicergaskan semula dan mencatatkan kadar pertumbuhan pengeluaran sebanyak 15.2% pada tahun 1999 berbanding dengan penguncupan 14.4% pada tahun 1998.

Aktiviti sektor pembinaan juga telah pulih mulai suku ketiga sebanyak 0.9% dan terus berkembang 2.7% pada Suku Keempat Tahun 1999 setelah menguncup 23% bagi seluruh tahun 1998.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) sebanyak 10.6% pada suku keempat tahun

1999 disebabkan oleh lebih akaun semasa imbalan pembayaran, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa angkubah yang mencatatkan kadar pertumbuhan 10.6% sebenarnya bukanlah KNK tetapi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Dorongan kepada pertumbuhan KDNK bagi suku keempat tahun 1999 adalah dari sumber dalam negeri dan juga sektor luar iaitu hasil lebih eksport negara berbanding dengan import. Sehubungan dengan itu, kita seharusnya berbangga dengan keupayaan negara yang telah mencatatkan lebih dalam akaun semasa imbalan pembayaran yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Seterusnya keadaan ini mencerminkan daya saing negara di pasaran global serta pendapatan negara yang jauh melebihi perbelanjaan hingga berjaya mewujudkan lebih tabungan negara. Hakikat ini telah menyumbang kepada peningkatan rizab luar negara. Pada akhir Februari 2000, rizab luar negara adalah US\$34.2 bilion dan mampu membiayai 6.4 bulan import tertangguh berbanding dengan US\$20.2 bilion pada akhir bulan Ogos 1998 yang hanya mampu membiayai 3.8 bulan import tertangguh. Peningkatan rizab luar negara ini telah meningkatkan daya tahan negara daripada kejutan luar negara. Rizab luar negara adalah 5.6 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena pula nampaknya masih sangsi dengan pemulihan ekonomi negara pada hal para penganalisis dari dalam dan luar negara termasuk Bank Dunia dan IMF telah pun mengesahkan pemulihan ini. Malah, IMF telah menganggarkan ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 6.5% pada tahun 2000 iaitu lebih tinggi daripada 5.8 yang dianggarkan oleh kerajaan. Oleh yang demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian Kewangan mengadakan satu perdebatan tentang pemulihan ekonomi negara adalah satu cadangan yang tidak berfaedah langsung kerana semua para penganalisis yang pakar dalam bidang ekonomi termasuk ISIS dan MIER telah mengesahkan pemulihan ekonomi pada tahun 1999.

Ahli Yang Berhormat bagi Kepong yang menyatakan pembentangan semula Belanjawan merupakan pembaziran dan ingin mendapatkan

penjelasan mengenai peruntukan sebanyak RM18 billion yang digunakan sebelum Belanjawan 2000 diluluskan, ingin saya maklumkan iaitu sebagaimana kelaziman perbelanjaan yang mustahak pada awal tahun sehingga Belanjawan tahun tersebut dibentang dan diluluskan oleh Dewan ini memang disediakan lebih awal. Soal pembaziran tidak berbangkit kerana sebelum Belanjawan berkenaan diluluskan, Dewan telah dibubarkan. Ini diperuntukkan di bawah Perlembagaan dan Undang-undang Negara. Sekali lagi ini menunjukkan terdapat Ahli Yang Berhormat yang tidak memahami prosedur dan perundangan dan tohmahan mereka hanya mendedahkan kejahilan masing-masing.

Bagi perbelanjaan awal tahun 2000 sebanyak RM18.4 billion telah disediakan oleh Akta Kumpulan Wang Disatukan bagi Perbelanjaan Masuk Akaun 1999...

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Minta maaf, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:yang telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 20 Disember 1999, dan Dewan Negara pada 28 Disember 1999. Perkenan Diraja telah diperolehi pada 29 Disember 1999 dan pewartaan dibuat pada 31 Disember 1999 sebagai Akta A1067 Akta Kumpulan Wang Disatukan Perbelanjaan Masuk Akaun 1999. Peruntukan ini adalah selaras dengan perkara 102(a) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang tiada peningkatan dalam penggunaan swasta disebabkan oleh kesukaran mendapatkan pembiayaan dari sektor perbankan, ingin saya maklumkan bahawa tahap penggunaan swasta sebenarnya telah meningkat pada kadar 5.6% pada tahun 1999 berbanding dengan penguncupan 7.5% pada tahun 1998. Petunjuk-petunjuk utama penggunaan swasta seperti juga jualan kereta penumpang, motosikal dan kutipan cukai jualan telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka pada tahun lalu.

Mengenai kenyataan berkaitan dengan kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada sektor perbankan pula, kenyataan ini juga adalah tidak tepat. Sektor perbankan sebenarnya telah memainkan peranan dalam membantu menyediakan pembiayaan bagi mencergaskan semula ekonomi.

Ini dapat dilihat daripada peningkatan yang ketara dalam pengeluaran pinjaman atau loan disbursement sebanyak 28.7% kepada RM323.2 bilion pada tahun 1999. Di samping itu, sebanyak RM104.8 bilion pinjaman baru telah diluluskan oleh sistem perbankan pada tahun 1999 iaitu peningkatan sebanyak 61% berbanding dengan jumlah pinjaman yang diluluskan pada tahun 1998. Daripada sejumlah 4.2 juta permohonan yang diterima sepanjang tahun 1999, 96% daripada permohonan tersebut telah pun di luluskan. Semua perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa tiada wujud kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada sektor perbankan kepada sektor swasta. Malah apa yang sebenarnya berlaku ialah pinjaman telah berlaku dengan pesat pada tahun 1999 iaitu sebanyak 24% kepada RM305.6 bilion.

Ini telah memperlahankan kadar pertumbuhan dalam jumlah pinjaman yang belum dijelaskan atau dengan izin, outstanding loans. Berasaskan jumlah pengeluaran pinjaman yang merupakan pengukur yang lebih tepat berkaitan aktiviti pemberian pinjaman oleh institusi perbankan, ternyata institusi perbankan telah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada mereka yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang juga telah berpendapat kenaikan indeks BSKL tiada kena mengena dengan langkah kawalan modal oleh kerana indeks bursa saham di negara jiran juga turut meningkat tanpa mekanisme kawalan modal.

Selanjutnya Ahli Yang Berhormat juga beranggapan bahawa kemasukan modal luar yang besar akan membawa kepada keruntuhan pasaran seperti yang berlaku sebelum ini dan mencadangkan supaya cukai keluaran digantikan dengan cukai keuntungan modal untuk membendung para spekulator. Mengenai perkara ini sukacita dimaklumkan bahawa para pelabur asing telah mula memasuki pasaran Malaysia berpandukan asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh iaitu hasil daripada pelaksanaan Pelan

Pemulihan Ekonomi Negara termasuk kawalan pertukaran asing terpilih yang telah berjaya mewujudkan suasana pelaburan yang stabil. Hasil daripada usaha-usaha kerajaan ini KDNK benar telah pulih pada tahun 1999 dengan mencatat pertumbuhan 5.4% manakala lebih perdagangan luar negeri terus mencatat kepada RM72.3 bilion yang mana telah membolehkan kedudukan rizab luar negara bertambah kukuh.

Pada masa yang sama pemulihan BSKL juga dibantu oleh pemulihan sentimen pasaran serantau turut mempengaruhi secara positif prestasi BSKL. Justeru itu, indeks komposit BSKL mencatatkan kadar pemulihan yang tinggi sebanyak 220.2% sejak akhir Ogos, 1998 hingga Mac 2000 berbanding dengan Korea Selatan 167.1%, Singapura 146.8% dan Thailand 73.2%. Saya ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak berkhayal atau memetik angka-angka daripada langit. Statistik dan data ini adalah benar malah para analisis asing juga mengeluarkan data-data yang sama dan terdapat sebilangan daripada mereka malah bersikap lebih bullish, dengan izin. Sekiranya para pembangkang tidak mahu menerima kenyataan dan statistik yang benar, mereka boleh terus memutarbelitkan perangkaan atau melemparkan tohmahan yang tiada berasas.

Saya percaya bahawa yang benar akan menang dan rakyat jelata juga akan tahu membezakan kebenaran daripada tohmahan yang tidak berasas.

Untuk mengelakkan pengaliran dana yang mendadak, sistem levi telah diperkenalkan. Tujuan sistem levi dilaksanakan adalah untuk menstabilkan aliran keluar dana jangka pendek. Walaupun terdapat cara lain untuk menangani masalah spekulator, namun kerajaan berpendapat sistem levi dan kawalan pertukaran asing terpilih yang sedia ada sudah memadai bagi mengawal kegiatan para spekulator dan pengaliran dana jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang selanjutnya meragui tindakan kerajaan bagi mempertahankan nilai ringgit dengan menggunakan wang sebanyak RM9 bilion. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penjualan mata wang ringgit secara besar-besaran oleh spekulator asing boleh menimbulkan lebih penawaran mata wang ringgit berbanding dengan permintaan dan seterusnya menurunkan nilai

ringgit. Campurtangan Bank Negara Malaysia melalui pembelian ringgit yang berlebihan di pasaran dilakukan melalui penjualan pegangan Dolar Amerika Syarikat dari rizab negara dan langkah ini telah menurunkan rizab negara sebanyak RM9 bilion. Perkara ini sudah lama berlalu di bawah bekas Menteri Kewangan dahulu dan kenapa perkara ini dibangkitkan pada ketika ini, saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, negara terus berkeupayaan dan fleksibel dalam menghadapi krisis kewangan tersebut melalui amalan pengurusan hutang luar negeri yang berhemat. Dengan ini, bahagian atau syer hutang luar negeri daripada KNK sentiasa berada dalam tahap yang rendah iaitu dalam lingkungan 40% pada 1990-an, sebelum berlakunya krisis ekonomi serantau, dan 43% daripada KNK pada akhir bulan Jun 1997 iaitu berjumlah RM115 bilion atau AS\$45.6 bilion. Pada akhir tahun 1997, bahagian hutang luar negeri daripada KNK meningkat disebabkan terutamanya oleh susutan nilai ringgit sebanyak 35% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat. Dengan itu, hutang luar negeri dalam nilai ringgit berjumlah RM170.8 bilion atau 64% daripada KNK. Walau bagaimanapun, hutang luar negeri dalam nilai dolar Amerika Syarikat pula sebenarnya telah berkurangan kepada AS\$43.8 bilion pada akhir tahun 1997. Pada akhir bulan Disember 1999, jumlah hutang luar negeri menurun kepada RM159.7 bilion atau AS\$42 bilion iaitu 57% daripada KNK.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, nisbah khidmat hutang adalah masih rendah iaitu pada tahap 5.4%. Langkah-langkah berhemat seterusnya dibuat dengan mengawal saiz hutang pada tahap yang berpatutan iaitu dengan prabayaran atau prepayment apabila rizab bertambah dan membuat pembiayaan semula untuk mengurangkan faedah dibayar. Ini termasuk memperolehi sumber pinjaman untuk sektor awam pada tempoh matang yang lama dan pada kadar yang rendah. Ringkasnya, peningkatan hutang luar negeri dalam nilai ringgit sejak akhir 1997 adalah disebabkan oleh susutan nilai ringgit. Sungguhpun demikian, jumlah hutang luar negeri telah berkurangan sejak kebelakangan ini. Dengan ini, jelas bahawa dasar pengurusan hutang luar negara yang berhemat diamalkan oleh kerajaan selama ini telah

mbolehkan negara lebih berdaya tahan dalam menghadapi krisis kewangan berbanding dengan negara-negara di Asia Timur yang terpaksa memohon bantuan kewangan IMF.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Gaya menyarankan supaya ringgit Malaysia dinilai semula berasaskan sandaran kepada dolar Amerika Syarikat bagi mengelakkan kerumitan (distortion) dalam pertumbuhan ekonomi. Berhubung dengan ini, sukacita dimaklumkan bahawa regim kadar pertukaran ringgit sekarang ternyata memberi manfaat kepada ekonomi yang stabil yang memungkinkan pemulihan aktiviti-aktiviti ekonomi dan mempercepatkan perstrukturkan semula sektor kewangan.

Berasaskan kedudukan rizab antarabangsa yang telah meningkat dari ASD20.2 bilion pada bulan Ogos 1998 kepada ASD34.2 bilion pada akhir Februari 2000, lebih dagangan dicatatkan sebanyak RM72.3 bilion pada tahun 1999 dan kadar inflasi jatuh kepada 2.8% pada tahun1999 berbanding 5.3% pada tahun 1998. Di samping itu, pelabur-pelabur asing telah kembali ke BSKL untuk membeli saham-saham dan ini menunjukkan keyakinan mereka terhadap ekonomi negara dan seterusnya menjadi petanda yang baik bagi ekonomi kita. Maka tiada alasan yang kukuh bagi melaksanakan penyelarasan kadar atau nilai pertukaran ringgit yang ada sekarang. Kadar pertukaran ini tidak sepatutnya ditukar semata-mata berasaskan perubahan-perubahan jangka pendek dalam kadar pertukaran mata wang utama tanpa mengambil kira keteguhan asas ekonomi yang sedia ada. Sehubungan itu, Bank Negara Malaysia sentiasa mengikuti perkembangan dalam dan luar negeri yang mempunyai implikasi ke atas kadar pertukaran ringgit untuk menyesuaikan langkah-langkah perlu bagi memastikan nilai kadar pertukaran ringgit selaras dengan asas ekonomi negara.

Berhubung dengan kedudukan rizab negara yang belum mencapai ASD100 bilion seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, saya suka menyatakan di sini bahawa kelewatan mencapai tahap ini adalah disebabkan penangguhan pelaburan oleh pelabur asing kerana kebimbangan mengenai masalah Y2K.

Tuan Yang diPertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Kepong, Parit Sulong dan Ipoh Timur telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kumpulan Pemikir, peralihan ke K-ekonomi dan peruntukan untuk menangani masalah Y2K. Berhubung dengan perkara ini saya ingin menjelaskan iaitu penubuhan Kumpulan Pemikir dan peralihan ke K- ekonomi bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan negara dalam menghadapi gelombang cabaran liberalisasi dan globalisasi serta perkembangan pesat di bidang IT. Kumpulan Pemikir akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dianggotai oleh MITI, Bank Negara Malaysia (BNM), KLSE, MIER, ISIS, persatuan bank-bank, universiti tempatan dan wakil sektor swasta. Kajian yang teliti akan dijalankan bagi mengesan implikasi dan proses liberalisasi dan globalisasi serta perkembangan IT. Kumpulan Pemikir selanjutnya akan merangka strategi-strategi dan pelan tindakan susulan.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur supaya peruntukan sebanyak RM100 juta disediakan untuk tabung khas Kumpulan Pemikir, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan bersependapat akan menyediakan peruntukan yang sewajarnya bagi tujuan menyediakan satu pelan tindakan strategik dalam menghadapi cabaran di alaf baru. Pelan Induk K- ekonomi yang bakal disediakan akan meliputi hampir seluruh sektor ekonomi. Untuk itu, beberapa kajian awalan akan dijalankan bagi mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan k-ekonomi di pelbagai bidang dan sektor supaya rangka tindakan dan strategi yang perlu diambil dapat disediakan segera dalam tempoh yang singkat iaitu enam bulan sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jawatankuasa Pemandu K-ekonomi yang ditubuhkan di Kementerian Kewangan akan dibantu dari segi kepakarannya oleh Multimedia Development Corporation. Jawatankuasa ini sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin menyumbang input yang membina termasuk cadangan-cadangan oleh Jawatankuasa Agenda IT Bumiputera bagi penelitian selanjutnya. Kerajaan juga menerima baik saranan Ahli Yang Berhormat supaya Jawatankuasa ini meneliti WTO e-commerce

declaration bagi kepentingan dan perlindungan kepada peniaga-peniaga elektronik tempatan.

Berhubung dengan perkara dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kepong mengenai peruntukan sebanyak RM850 juta bagi menangani masalah Y2K, sukacita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, iaitu peruntukan sebenar yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk projek Y2K ialah sebanyak RM600 juta. Pada tahun 1999, kerajaan menyediakan peruntukan bagi menangani masalah Y2K sebanyak RM470 juta dan sebanyak RM291.9 juta telah dibelanjakan. Bagi tahun 2000, peruntukan yang disediakan sebanyak RM130 juta bagi tujuan bayaran terhadap kontrak yang telah komited dalam tahun 1999 dan perbelanjaan pembaikpulihan dalam tahun 2000. Melalui langkah awal dan proaktif yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani masalah Y2K, semua agensi-agensi kritikal telah berjaya menghadapi segala masalah operasi semasa ketibaan awal tahun 2000. Ini telah memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing mengenai keupayaan negara dalam menghadapi dan menangani segala masalah.

Mengenai peruntukan infrastruktur Putrajaya berjumlah RM1.546 bilion bagi tahun 1991-1998, RM1.468 bilion 1999 dan RM1.554 bilion untuk tahun 2000 yang disifatkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang sebagai pengabaian kepada penduduk majoriti di kawasan luar bandar, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan dari masa ke semasa sentiasa memberi perhatian dalam menyediakan pelbagai kemudahan awam untuk semua lapisan masyarakat walaupun projek-projek berkenaan diswastakan. Untuk makluman Dewan yang mulia juga, program pemodenan desa di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, telah memperuntukkan RM3.558 bilion bagi menyediakan infrastruktur khusus di luar bandar terutamanya untuk bekalan elektrik RM469 juta, bekalan air RM419 juta, jalan raya RM696.8 juta, jalan kampung RM716.6 juta, jalan keselamatan/KESBAN RM123.8 juta, pemodenan kampung RM88.1 juta, kesihatan RM444.3 juta dan rumah guru di luar bandar sebanyak RM 600 juta.

Sekali lagi ini jelas menunjukkan Ahli Yang Berhormat bagi Pendang tidak menyemak fakta-fakta sebelum mengeluarkan tohmahan-tohmahan yang tidak berasas. Saya sekali lagi mencadangkan Ahli Yang Berhormat menumpukan lebih masa untuk menyemak fakta-fakta yang terkandung dalam buku Anggaran Belanjawan dan sebagainya supaya beliau dapat mengemukakan perbincangan yang lebih bernas dan seimbang dalam Dewan yang mulia ini.

Berbalik kepada projek Pusat Pentadbiran Putrajaya, pihak swasta hanya dipertanggungjawabkan bagi pembinaan bangunan-bangunan pejabat kerajaan. Manakala pihak kerajaan perlu melaksanakan tanggungjawab sosial di Putrajaya seperti masjid, sekolah, hospital, balai polis, balai bomba, pasar, taman, tasik dan kemudahan awam. Oleh yang demikian, peruntukan yang secukupnya perlu disediakan oleh kerajaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam tersebut.

Mengenai saranan supaya peruntukan kepada negeri-negeri disegerakan, walaupun kerajaan negeri tertentu dikuasai oleh pembangkang dan pemberian lebih kurang.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh dapat penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah, panjang lagi Yang Berhormat, tidak ada masa langsung.

Puan Chong Eng: Peraturan.....

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Peringkat Jawatankuasa nanti.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 37 yang digunakan oleh Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk membuat demikian tetapi ini sekiranya tidak benarkan langsung untuk penjelasan ini akan menyebabkan Dewan ini sungguh tidak bermakna dan sekiranya betul-betul ada penjelasan saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh benarkan, kalau tidak kita kalau hendak jimat masa dan tidak benarkan penjelasan saya cadangkan bahawa semua Menteri yang belum beri jawapan di sini berikan jawapan secara bertulis sahaja. Ini akan jimatkan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Sila duduk Yang Berhormat, ini sebab ruling sudah dibuat pagi tadi. Kalau saya benarkan seorang ramai lagi yang hendak bercakap, kita ada tiga lagi kementerian. Itu yang pertama.

Puan Chong Eng: Saya harap membenarkan mereka yang benar-benar hendak dapatkan information yang lebih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat duduklah, saya tidak dapatlah hendak menentukan siapa yang buat soalan benar-benar seperti mana yang dikehendaki. Sebab kalau saya beri seorang dia akan ungit mengapa orang ini tidak beri. Benda itu lagi susah saya hendak menjawab. Pertama kalau Putrajaya misalannya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab dengan panjang lebar. Yang kedua, kalau ada benda yang dijawab oleh Menteri ini kita baca dalam rekod besok kita boleh bangkit balik Jawatankuasa untuk lebih detail. Jadi peluang ini memang banyak kita beri, sebab itulah kita mintalah supaya kita habiskan semua kementerian menjawab kemudian kita pergi kepada Jawatankuasa, kemudian bolehlah dibangkitkan balik mana yang kita perlu bangkit. Jadi Kerusi minta tolong betullah.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya memang hormat bahawa Tuan Yang di-Pertua mempunyai kuasa untuk membuat keputusan seperti itu tetapi kita mesti semua ingat juga, saya bimbang apabila sampai masa Jawatankuasa kita tidak ada masa juga kerana kita memang tidak cukup masa. Sekiranya boleh Tuan Yang di-Pertua juga menggunakan kuasa untuk memanjangkan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Itu kita fikirkanlah tetapi setakat ini keputusan yang kita buat begini, kita ikut begini dahululah. Jadi, sila Menteri teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Kalau perbahasan memang panjanglah Yang Berhormat, kita tidak akan habislah. Jadi saya minta tolong duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Peringkat Jawatankuasa saya ada peluangkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada belaka, kita serupa biasalah. Saya ingat tidak ada Yang Berhormat kalau bergilir-gilir tidak ada peluang. Kita beri, saya akan ambil perhatianlah siapa yang berdiri, yang bangkit besok saya akan beri peluang.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Mengenai saranan supaya peruntukan kepada negeri-negeri disegerakan walaupun kerajaan negeri tertentu dikuasai oleh pembangkang dan pembiayaan lebih kurang RM500,000 bagi sesebuah kawasan diseragamkan termasuk kepada Ahli-ahli Parlimen parti pembangkang, sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu pemberian-pemberian kepada kerajaan-kerajaan negeri pada masa ini adalah dilaksanakan mengikut jadual dan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan yang ditetapkan dalam Pelembagaan Persekutuan serta undang-undang yang berkaitan. Manakala pihak kerajaan pada masa ini belum lagi bercadang mengadakan peruntukan yang sama rata bagi semua Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan iaitu peruntukan sebanyak RM1,167.12 juta seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang adalah bagi membayar balik hutang Kumpulan Perwaja dan bukan Perwaja Steel. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kesemua hutang Kumpulan Perwaja dijamin oleh kerajaan. Dengan itu kerajaan perlu menyediakan peruntukan tahunan sehingga tahun 2007 mengikut jadual pembayaran. Bagi tahun 2000 kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,927.12 juta sahaja dan bukan RM1.67 bilion.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau saya beri ramai yang hendak, jadi kalau saya tidak beri lagi orang ungkit.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini rugi sampai satu bilion, ini satu bilion kita hendak lulus.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tak apalah, boleh ungit dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat boleh bangkit. Susahlah saya Yang Berhormat, ini memang diputuskan begitu Yang Berhormat, susah saya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Saya rasa Yang Berhormat, jawapan saya nanti dalam *Hansard* jadi dapat Yang Berhormat teliti dan bangkitkan dalam peringkat Jawatankuasa.

Penyediaan peruntukan ini adalah selaras dengan keputusan kerajaan pada 18 September 1996 supaya Kementerian Kewangan menguruskan segala hutang Kumpulan Perwaja bagi membolehkan entiti tersebut diswastakan. Lanjutan daripada keputusan kerajaan tersebut hutang-hutang Kumpulan Perwaja terdiri daripada 21 pinjaman dan bil perdagangan dibiayai semua melalui pinjaman baru yang diuruskan oleh Konsortium Arab Malaysian Bank dan Standard Chartered Bank Bhd. bagi akhir tahun 1997 dan awal 1998, jadi ini bukan perkara yang baru.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebagaimana di tahun-tahun lepas juga kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan kepada Kumpulan Perwaja untuk menyelesaikan hutang yang dijamin oleh kerajaan dalam bentuk pinjaman. Oleh kerana prospek pendapatan dan masa depan Kumpulan Perwaja tidak menentu kerajaan bersetuju supaya segala pinjaman kerajaan ditukarkan kepada bentuk geran mulai dari tahun 2000 hingga 2007.

Mengikut laporan kewangan yang telah diaudit setakat 31 Mac 1999 liabiliti Kumpulan Perwaja berjumlah RM10,551.19 juta dan liabiliti Perwaja Steel pula RM2,874.61 juta. Berasaskan laporan kewangan setakat 31 Disember 1999 yang belum diaudit kedudukan liabiliti Kumpulan Perwaja adalah sebanyak RM11,073.34 juta dan liabiliti Perwaja Steel pula sebanyak RM2,858.47 juta.

Mengenai siasatan terhadap pengurusan Perwaja Steel Sdn. Bhd. yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman, Badan Pencegah Rasuah dan Polis Diraja Malaysia, (PDRM) telah melaksanakan siasatan tersebut. Bagaimanapun, siasatan BPR ke atas kes ini diteruskan lagi atas permintaan Jabatan Peguam Negara supaya siasatan lanjut dibuat terhadap laporan awal,

siasatan yang mengatakan yang melakukan penyelewengan dalam Perwaja mengikut saksi-saksi dari negara luar. Kerajaan juga ingin melihat kes ini diselesaikan secepat mungkin kerana ia telah mengambil masa yang begitu lama. Namun demikian, ini adalah terserah kepada BPR yang merupakan badan yang bebas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian supaya kajian dibuat sama ada Perwaja wajar terus beroperasi, sukacita dimaklumkan iaitu Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah diminta untuk menjalankan kajian ke atas Perwaja dan industri besi keluli di Malaysia termasuk syarikat-syarikat besi keluli yang mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan seperti di Johor dan Terengganu. Kajian oleh CDRC serta bantuan syarikat perunding yang dilantik, AS Atkins (M) Sdn. Bhd. akan meliputi cadangan-cadangan pelan perniagaan yang sesuai berdasarkan input pelan perniagaan yang dikemukakan oleh syarikat besi keluli yang lain supaya ia dapat berfungsi lebih berdaya maju dalam jangka masa panjang. Kajian tersebut juga termasuk langkah mengenal pasti keperluan kewangan dan penilaian awal kesan menstruktur semula sektor besi keluli secara keseluruhannya. Laporan ini dijangka akan dapat dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai analisis kos faedah (cost benefit analysis) perkhidmatan kesihatan yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, ingin saya maklumkan bahawa sebelum lima jenis perkhidmatan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan dikorporatkan, kajian dan penilaian ke atas aspek-aspek teknikal dan kewangan telah dijalankan. Hasil dari pengkorporatan tersebut, skop perkhidmatan pengurusan pembuangan sisa-sisa telah ditingkatkan sebanyak 85% mengikut piawaian perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat konsesi. Bagi perkhidmatan pembersihan skop dan taraf perkhidmatan telah ditingkatkan sebanyak 55% manakala bagi perkhidmatan linen dan laundry ditingkatkan sebanyak 65% mengikut piawaian FCRA, UK bagi memenuhi jaminan bebas infeksi.

Seterusnya tahap dan skop perkhidmatan kejuruteraan fasiliti dan kejuruteraan biomedikal telah ditingkatkan sebanyak 55% selepas dikorporatkan. Berasaskan kemajuan tahap dan skop perkhidmatan tersebut adalah difikirkan bahawa analisis kos faedah kurang sesuai dijalankan pada masa ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses melaksanakan pemantauan bagi aspek-aspek kualiti perkhidmatan yang telah disediakan oleh syarikat-syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkitkan perkara mengenai Indah Water. Syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. telah diberi konsesi perkhidmatan pembetulan di seluruh negara pada bulan Disember 1993 dan telah memulakan perkhidmatannya pada 1 April 1994 dengan mengambilalih perkhidmatan pembetulan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga kini, IWK telah mengambilalih perkhidmatan pementungan oleh 84 Pihak Berkuasa Tempatan. Sejak memulakan operasinya, IWK menghadapi pelbagai masalah terutamanya keengganan pihak pengguna menjelaskan bayaran bil pementungan. Keadaan ini telah menyebabkan IWK mengalami kerugian dan menjejaskan kelicinan operasinya.

Dana pemegang saham IWK seperti pada 30 April 1999 adalah pada jumlah negatif RM200.6 juta. Keadaan ini telah menjejaskan keupayaan IWK untuk melaksanakan kerja-kerja membangunkan kemudahan pementungan. Kos pembangunan kemudahan pementungan yang dianggar lebih kurang RM17 bilion. IWK seterusnya tidak dapat menjalankan hasil yang mencukupi untuk menanggung kos pembangunan ini dan terpaksa bergantung sepenuhnya kepada bantuan kewangan daripada kerajaan. Sehingga kini, kerajaan telah bersetuju menyediakan pinjaman sejumlah RM1,425 juta untuk membiayai kerja-kerja pementungan kemudahan pementungan.

Berasaskan kedudukan kewangan ini, IWK akan tidak dapat tidak terus bergantung kepada bantuan kewangan kerajaan bagi meneruskan pelaksanaan projek serta bagi memenuhi obligasi seperti yang termaktub dalam Perjanjian Konsesi. Memandangkan IWK merupakan sebuah konsesi yang melibatkan pementungan seluruh negara dan perkhidmatan asas ini tidak boleh diabaikan

dan sebab-sebab yang disebutkan di atas, kerajaan perlu mengambilalih IWK demi menjaga kepentingan pengguna dan rakyat jelata.

Satu kajian menyeluruh mengenainya sedang dijalankan oleh pakar perunding yang dilantik oleh kerajaan dan mengambilkira hasil kajian ini dalam usaha menyusun semula IWK. Dengan pengambilalihan IWK, kerajaan akan memperolehi sumber pinjaman dengan syarat-syarat concessionary yang tidak mungkin diperolehi oleh IWK sebagai sebuah syarikat swasta untuk membiayai kerja-kerja pembangunan pementasan. Pengambilalihan IWK adalah rumit memandangkan terdapat banyak perkara yang perlu dirunding dan dipersetujui terlebih dahulu di antara pihak-pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan rundingan antara pemegang saham IWK dan kerajaan akan dapat diselesaikan sedikit masa lagi dan satu perjanjian jual beli akan ditandatangani kelak.

Mengenai suntikan modal kepada Putra-LRT yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bagan, ingin saya maklumkan bahawa suntikan itu telah dibuat memandangkan syarikat itu menghadapi masalah defisit aliran tunai dan komitmen kerajaan dengan usaha-usaha penyuraian kesesakan jalan raya di pusat bandar. Namun, pada masa ini kerajaan telah meminta CDRC mengkaji secara menyeluruh mengenai viabiliti Putra-LRT dan juga syarikat-syarikat rel yang lain. Pihak CDRC dijangka akan mengemukakan laporan mengenai perkara ini tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tender Danaharta yang dimenangi oleh syarikat asing sepatutnya tidak dijadikan isu oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pendang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam usaha mengambil alih pinjaman tidak berbayar atau non-performing loan (NPL) institusi-institusi kewangan Malaysia, Danaharta juga telah mengambil alih aset-aset pinjaman asing khususnya dari institusi kewangan luar pesisir. Aset pinjaman asing ini merangkumi pinjaman bukan ringgit serta sekuriti boleh diniagakan yang sama ada diberi atau diterbitkan oleh peminjam-peminjam asing oleh syarikat atau individu.

Selanjutnya Danaharta telah melaksanakan beberapa usaha tender bagi pelupusan aset di dalam portfolionya dan salah satu daripadanya ialah

melaksanakan tender terhad bagi aset pinjaman asing (restricted tender of foreign loan assets) dengan mempela wa institusi-institusi kewangan dan sekuriti antarabangsa untuk membeli aset-aset pinjaman asing berkenaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Danaharta tidak menjual aset-aset yang menjadi cagaran umpamanya hartanah kepada peminjam-peminjam asing. Oleh yang demikian, isu pemindahan aset negara kepada pemilikan asing sama sekali tidak timbul. Dimaklumkan juga, setakat ini Danaharta tiada melelong sebarang aset di dalam portfolionya kerana langkah ini tidak akan membantu Danaharta mencapai matlamat bagi mendapatkan nilai pemulihan tertinggi daripada NPL. Justeru itu Danaharta mengutamakan kaedah penjualan dan pelupusan yang berorientasikan pasaran tanpa mengabaikan amalan ketelusan dalam urusaniaga. Dengan penjelasan ini, saya berharap Ahli Yang Berhormat bagi Pendang kini sedar dan memahami tujuan, peranan dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang membangkitkan mengenai Jawatankuasa Penyusunan Semula Pinjaman Korporat (CDRC) lambat mengambil tindakan dalam memproses permohonan mungkin terdapat silap faham. Sehingga 2 Mac 2000, CDRC telah menerima 68 permohonan penyusunan semula pinjaman berjumlah RM36.5 bilion dan CDRC telah berjaya menyelesaikan sebanyak 19 permohonan berjumlah RM14 bilion. Manakala 13 permohonan yang tidak berdaya maju berjumlah RM2.7 bilion telah sama ada secara sukarela ditarik balik oleh pemohon sendiri atau ditolak oleh CDRC. 10 permohonan berjumlah RM3.3 bilion dipindahkan kepada Danaharta dan 26 permohonan berjumlah RM16.3 bilion sedang dalam berbagai peringkat penyelesaian.

Antara perkara-perkara yang menyebabkan kelewatan penyelesaian ialah kelewatan pemohon sendiri dalam mengemukakan cadangan penyusunan semula yang berdaya maju dan boleh diterima oleh semua pihak. Manakala pihak bank juga memerlukan masa untuk menilai projek terbabit. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CDRC hanyalah sebagai orang tengah (mediator) dalam membantu penyelesaian hutang dan ianya tidak terlibat dalam memberi kelulusan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat bagi Kepong supaya kerajaan perlu konsisten dalam menetapkan dasar dan peraturan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) khususnya harga saham amanah, saya ingin menjelaskan iaitu dalam menetapkan dasar dan peraturan bagi mengawalselia pasaran modal negara, SC pada amnya akan mengimbangi aspek-aspek perlindungan pelabur serta kehendak-kehendak komersil. Kaji selidik yang terperinci akan dibuat dan maklum balas daripada pihak-pihak yang berkenaan termasuk badan-badan industri akan diperolehi supaya pelaksanaan sesuatu dasar atau peraturan dipermudahkan.

Dalam hubungan ini, SC sememangnya berpegang kepada prinsip bahawa dasar serta peraturan yang ditetapkan perlu dilaksanakan secara konsisten bagi mengekalkan pasaran modal yang adil, cekap, terjamin dan telus. Namun begitu ada kalanya sesuatu dasar dan peraturan perlu diubahsuai pelaksanaannya mengikut keadaan semasa. Contohnya, semasa krisis ekonomi melanda negara beberapa kelonggaran telah diberikan terhadap peraturan yang berkaitan dengan perolehan modal melalui terbitan sekuriti oleh syarikat-syarikat awam. Tindakan pragmatik tersebut perlu bagi memudahkan lagi syarikat-syarikat awam mendapatkan dana daripada pasaran modal tetapi memastikan kepentingan para pelabur awam tidak terjejas.

Mengenai penetapan harga jualan dan belian balik unit-unit amanah, ianya adalah ditentukan sendiri oleh syarikat pengurusan yang berkaitan. Penetapan ini adalah konsisten dengan amalan di negara-negara maju. Asas pengiraan dan kaedah pengiraan harga adalah mengikut garis panduan Tabung Unit Amanah. Harga jualan dan belian balik dikira berdasarkan nilai aset bersih atau NAB tabung iaitu nilai sekuriti di dalam portfolio pelaburan selepas ditolak liabiliti. Selaras dengan objektif untuk mendidik pelabur tempatan menjadi pelabur yang lebih *sophisticated* dan bermaklumat, peraturan penzahiran maklumat berlandaskan dan menghendaki syarikat pengurusan menzahirkan di dalam prospektus tabung maklumat lengkap mengenai kaedah dan asas-asas pengiraan harga jualan dan belian balik, caj jualan dan caj belian balik yang dikenakan, yuran-yuran tahunan serta ilustrasi pengiraan seunit untuk kegunaan para pelabur.

Di samping itu, setiap prospektus tabung dan bahan promosi dikehendaki menzahirkan nota-nota amaran bagi mengingatkan pelabur bahawa terdapat caj dan yuran yang perlu dibayar apabila mengurusniaga unit amanah serta harga unit amanah boleh turun atau naik. Adalah menjadi tanggungjawab pelabur untuk meneliti sendiri maklumat-maklumat yang dizahirkan dan mengkaji tabung-tabung unit amanah yang sedia ada sebelum membuat sebarang keputusan untuk melabur. Usaha memperbanyakkan lagi produk yang diterbitkan adalah merupakan salah satu strategi untuk mewujudkan pasaran bon tempatan yang cair supaya dapat memenuhi matlamat pelaburan pelbagai lapisan pelabur dan juga syarikat-syarikat yang menerbitkan bon.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Jawatankuasa Pasaran Bon Nasional (NBMC)

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak ada masa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada masa. Dia banyak strategi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tak apa, dalam Jawatankuasa Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Terlalu banyak strategilah. Kalau tidak ada soalan pun tidak boleh juga. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Tidak apalah Yang Berhormat, tidak cukup masa. Kita ini sepatutnya dua hari dulu sudah habis menteri menjawab tetapi kita sudah tambah dua hari lagi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Jawatankuasa Pasaran Bon Nasional (NBMC) bersedia mengkaji kemungkinan membenarkan syarikat yang berminat untuk menerbitkan *green bond* atau membiayai program pemuliharaan hutan dan seterusnya menjadikan kawasan itu sebagai tempat pelancongan. Kerajaan sendiri tidak bercadang untuk menerbitkan bon tersebut memandangkan defisit Belanjawan dibiayai melalui penerbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia atau MGS. Bagi merangka strategi untuk membangunkan pasaran bon yang berdaya maju NBMC mengalu-alukan

sumbangan dan cadangan daripada semua pihak termasuk industri dan institusi atau agensi kerajaan yang tidak menjadi ahli NBMC termasuk Kementerian Perusahaan Utama. Walaupun tidak menjadi ahli NBMC, mereka akan dijemput untuk membentangkan cadangan masing-masing jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembiayaan defisit kerajaan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, kewangan Kerajaan Persekutuan bagi 5 tahun secara berturut-turut sejak tahun 1993 hingga 1997 mempunyai berbaki positif. Dalam tempoh tersebut, kerajaan pada setiap tahun telah mengamalkan belanjawan berimbang. Walau bagaimanapun, disebabkan kegawatan ekonomi sejak September 1997, kerajaan pada tahun 1999 dan 2000 telah melaksanakan program pengembangan ekonomi ataupun *expansionary economic programme* yang menjurus kepada belanjawan defisit sebagai satu langkah terbaik untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat, tidak ada masa.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Mengikut amalan biasa, Kerajaan Persekutuan akan membuat pinjaman daripada sumber tempatan dan luar negeri bagi membiayai defisit kewangannya. Pinjaman daripada sumber tempatan diperolehi melalui pengeluaran bon-bon kerajaan, manakala pinjaman luar negeri diperolehi melalui pinjaman bersindiket atau berjangka dari pasaran modal antarabangsa dan dari sumber-sumber dua hala dan pelbagai hala seperti Japan Bank of International Cooperation (JBIC), Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Islamic Development (IDB).

Bagi defisit kewangan tahun 1999 dan 2000, pembiayaan melalui pinjaman sumber tempatan dibuat menerusi pengeluaran bon-bon kerajaan seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). Bon-bon ini akan dikeluarkan menerusi tender terbuka kepada 16 peniaga-peniaga utama iaitu terdiri daripada bank-bank komersial dan perdagangan serta syarikat-syarikat kewangan yang dilantik.

Dalam hal ini, agensi-agensi seperti Lembaga Tabung Haji, Petronas, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) adalah bebas untuk memperolehi bon-bon ini menerusi penjaga-penjaga utama tersebut bagi memenuhi keperluan dengan mempelbagaikan portfolio pelaburan mereka. Selain daripada tender terbuka, kerajaan juga, sekiranya perlu, akan membuat, dengan izin, *private placement* bon-bon tersebut dengan agensi-agensi seperti Bank Simpanan Nasional (BSN) dan KWSP bagi memberi peluang kepada agensi-agensi ini memperolehi bon-bon kerajaan untuk memenuhi, dengan izin, *statutory requirements* mereka mengikut Akta BSN 1974 dan Akta KWSP 1991 yang mensyaratkan supaya agensi-agensi tersebut melabur tidak kurang daripada 70% daripada jumlah pelaburan mereka dalam sekuriti-sekuriti kerajaan.

Langkah ini juga dapat membantu mempelbagaikan pelaburan mereka untuk memperolehi sumber pendapatan tetap pada kadar yang lebih baik berbanding dengan pelaburan-pelaburan lain di pasaran. Ini juga dapat menjamin pulangan yang berpatutan boleh diberikan kepada pencarum-pencarum akaun BSN dan KWSP. Dengan penjelasan ini, persoalan mengenai kerajaan menyalahgunakan dana LTH, Petronas, KWSP dan LTAT untuk membiayai defisit kewangannya tidak sepatutnya berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Tambun dan Bukit Bintang telah menyentuh beberapa perkara mengenai penggabungan bank. Mengenai isu mewujudkan 6 hingga 10 bank peneraju tidak semestinya mengukuhkan daya saing. Perlu saya maklumkan iaitu kerajaan tidak menetapkan bilangan bank peneraju yang mesti diwujudkan. Institusi-institusi perbankan diberikan kebebasan untuk memilih rakan penggabungan serta bank peneraju untuk mengetuai kumpulan masing-masing.

Pembentukan 10 kumpulan perbankan adalah merupakan pilihan yang dibuat oleh institusi perbankan sendiri dan kerajaan tidak campur tangan dalam proses ini. Salah satu faktor utama yang diambil kira dalam pelaksanaan program penggabungan institusi perbankan tempatan yang pada masa ini mempunyai 54 institusi perbankan dengan rangkaian cawangan

melebihi 2,500 buah di seluruh negara di mana kebanyakannya bersaiz kecil dan perlu diperkukuhkan.

Sehubungan itu, adalah menjadi dasar dan hasrat kerajaan untuk merasionalisasikan dan menyatukan institusi perbankan yang kecil menjadi beberapa buah institusi kewangan yang besar sahaja dan mantap serta berupaya menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi. Institusi perbankan diberi masa yang mencukupi untuk melaksanakan program penggabungan ini sehingga penghujung Disember 2000.

Kerajaan memang menyedari program penggabungan sahaja tidak dapat memperkukuhkan daya saing institusi perbankan tempatan dan program ini perlu disokong dengan lain-lain langkah. Walau bagaimanapun, program penggabungan adalah merupakan pra-syarat penting bagi mewujudkan institusi perbankan tempatan yang kukuh, cekap dan berdaya saing. Sementara itu, Bank Negara Malaysia akan terus memperkenalkan program yang sesuai seperti mempertingkatkan tahap kepakaran dan profesionalisme kakitangan institusi perbankan serta mewujudkan tataurus korporat yang lebih cekap dan berkesan bagi terus mempertingkatkan lagi kedudukan serta daya saing institusi perbankan tempatan dalam menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan harapan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang supaya kadar pinjaman direndahkan, pemberian pinjaman pula dipermudahkan dan kakitangan tidak dibuang kerja akibat proses penggabungan, ingin saya maklumkan ketidakcekapan dalam institusi perbankan yang kecil membuatkan mereka terpaksa menawarkan kadar faedah yang tinggi untuk mendapatkan deposit. Bagi membiayai kos deposit yang tinggi ini, mereka akan menaikkan kadar faedah pinjaman. Pada lazimnya, kadar pinjaman yang lebih rendah lazimnya dapat ditawarkan oleh institusi perbankan yang tahap kecekapannya tinggi. Seterusnya, institusi perbankan yang mempunyai modal yang lebih besar memberi keupayaan yang lebih tinggi untuk memberi pinjaman di samping memperolehi jumlah deposit yang tinggi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mengkaji dan mengambil kira pelbagai aspek termasuk isu mengenai kakitangan bank sebelum keputusan untuk melaksanakan program penggabungan institusi perbankan tempatan diumumkan serta memberi jaminan bahawa tiada kakitangan akan ditamatkan menerusi pemberhentian secara paksaan ataupun *forced retrenchment*. Sebarang rasionalisasi ke atas kakitangan, sekiranya perlu dibuat, akan hanya dilaksanakan menerusi Skim Pemisahan Sukarela ataupun *Voluntary Separation Scheme*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kerajaan yakin dengan kadar pemulihan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat. Ini Ketua Pembangkang, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:ekonomi yang rancak pada masa ini, sebarang lebihan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ini Ketua pembangkang. Saya minta.... Ha, dia hendak habiskan dulu.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Kerajaan yakin dengan kadar pemulihan ekonomi yang rancak pada masa ini, sebarang lebihan kakitangan akan dengan mudah diserap oleh sektor-sektor ekonomi yang lain seperti sektor pengeluaran dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, sila Ketua Pembangkang.

Dato' Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang berkaitan Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tidak ada satu jaminan diberi bahawa tidak ada kakitangan bank yang digabungkan itu akan diberhenti, ditamatkan khidmat mereka tetapi saya difahamkan terdapat dalam penggabungan Bank Bumiputra

dengan Bank of Commerce telah menyebabkan beberapa pegawai tinggi yang dahulunya dalam Bank Bumiputera diturunkan pangkat mereka lebih rendah daripada yang sebelum itu walaupun gaji mereka tidak diturunkan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Pokoknya ialah sama ada kita membuat *forced retrenchment* atau tidak. Jawapannya kita tidak buat *forced retrenchment* tetapi kita buat *Voluntary Separation Scheme* dan kita katakan sesiapa yang keluar melalui *Voluntary Separation Scheme* ini, dia akan masuk kepada sektor yang lain yang telah berkembang dalam sektor pembuatan dan sebagainya. Tetapi dalam segi kes Bank Bumiputra Commerce tadi, Yang Berhormat, kita katakan bahawa kita alih orang-orang ini kepada satu lagi bank dinamakan Bank Muamalat.

Dan oleh kerana itu struktur Bank Muammalat seperti biasa tidak semua orang menjadi boss. Cuma seorang sahaja menjadi boss tetapi dalam keadaan itu apa Yang Berhormat katakan itu betul bahawa gaji mereka tidak direndahkan malahan gaji mereka seperti biasa tetapi kedudukan mereka di dalam struktur sahaja direndahkan. Kalau dari segi teori organisasi, kalau kita dapat struktur di situ bahawa orang nombor 4 terpaksa melapor nombor 3, orang nombor 3 terpaksa melapor orang nombor 2, orang nombor 2 terpaksa melapor nombor 1 tetapi dengan adanya keekonomi nanti, kita akan melapor terus melalui komputer kita sendiri tanpa melalui 1, 2, 3 struktur yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggabungan Bank Bumiputera dan Bank of Commerce, ini yang baru hendak sebut tadi, yang dikatakan tidak memenuhi dasar Kongres Bumiputera seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah, sukacita dimaklumkan bahawa walaupun Bank Bumiputra Berhad (BBMB) telah bergabung dengan Bank of Commerce, namun tujuan asal kerajaan bagi membantu golongan usahawan Bumiputera tidak akan dilupai. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan masyarakat bumiputera untuk mendapatkan pembiayaan pada kadar faedah

yang munasabah. Sehubungan ini, kerajaan telah memperkenalkan beberapa garis panduan pemberian pinjaman dan mewujudkan tabung-tabung khas bagi memenuhi keperluan pembiayaan tersebut, antaranya:

- (i) Garis panduan pemberian pinjaman kepada sektor keutamaan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) yang menghendaki setiap bank perdagangan dan syarikat kewangan menyalurkan 30% daripada jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas) kepada bumiputera. Garis panduan ini menetapkan sasaran sebanyak RM95.7 bilion perlu dicapai oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan bagi tempoh pematuhan berakhir pada 31 Mac 2000. Penalti akan dikenakan ke atas bank perdagangan atau syarikat kewangan yang gagal mencapai sasaran tersebut.
- (ii) Bank Negara Malaysia, menerusi garis panduan pemberi pinjaman kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), ini garis yang kedua, menghendaki supaya sejumlah pinjaman diberi kepada industri kecil dan sederhana oleh setiap bank perdagangan dan syarikat kewangan. Di bawah peraturan ini, 50% perlu diperuntukkan kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Jumlah pinjaman yang ditetapkan untuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi tempoh pematuhan 2 tahun bermula 31 Mac 1998 ialah RM1.05 bilion untuk bank perdagangan dan RM224.8 juta untuk syarikat kewangan di mana 50% daripada jumlah tersebut perlu disalurkan kepada pengusaha bumiputera (yakni RM525 juta bagi bank perdagangan dan RM112.4 juta bagi syarikat kewangan).
- (iii) Selain daripada itu, garis yang ketiga, sebuah tabung khas iaitu Tabung Usahawan Baru (TUB) telah

diwujudkan dengan peruntukan sebanyak RM1.25 bilion bagi membolehkan golongan bumiputera mendapat pembiayaan pada kadar faedah tidak melebihi 6% setahun; dan

- (iv) Garis keempat, baru-baru ini, kerajaan telah menubuhkan Tabung Projek Usahawan Baru (TPUB) bagi menyediakan kemudahan pembiayaan kepada kadar faedah yang rendah kepada usahawan bumiputera yang mempunyai projek yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai sumber pembiayaan untuk memulakan atau meneruskan projek atau perniagaan. Jumlah peruntukan di bawah tabung ini ialah sebanyak RM300 juta dan kadar faedah yang dikenakan ialah 5% setahun.

Dengan terdapatnya garis panduan yang telah disediakan itu, keperluan pembiayaan untuk golongan bumiputera akan terus dijaga dan dipenuhi selaras dengan matlamat Resolusi Kongres Bumiputera 1965 supaya masyarakat bumiputera berpeluang memperolehi sumber-sumber pembiayaan yang mencukupi pada kadar faedah yang munasabah agar penyertaan bumiputera dapat dipertingkatkan dalam arus pembangunan negara. Bank-bank yang kerap rugi tidak dapat membantu sesiapa, di sebaliknya bank-bank yang kukuh dan mempunyai pengurusan yang baik akan dapat terus memberi pinjaman berasaskan kadar faedah yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Rantau Panjang, Petaling Jaya Utara dan Pokok Sena telah mengemukakan beberapa isu mengenai penggunaan caruman KWSP. Berhubung dengan caruman KWSP ini kerajaan sememangnya memahami bahawa wang KWSP adalah wang simpanan bagi selepas persaraan atau kegunaan hari tua. Bagaimanapun dalam konteks yang lebih luas, pengorbanan ibu bapa bagi pendidikan tinggi anak-anak secara langsung atau tidak langsung dapat dilihat sebagai pelaburan untuk membantu ibu bapa menghadapi hari tua yang lebih selesa. Ini ialah kerana melalui pendidikan tinggi, anak-anak akan berpeluang untuk berjaya dalam hidupnya dengan lebih cerah lagi. Memandangkan teras pembelajaran

peringkat tinggi yang pada masa ini lebih berasaskan penggunaan komputer dan perbelanjaan yang perlu disediakan untuk pembelian komputer, dengan itu aspek perbelanjaan untuk pendidikan tinggi ini perlu diterima sebagai sebahagian dari perbelanjaan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, pengeluaran simpanan KWSP untuk tujuan pendidikan tinggi akan dipastikan tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya. KWSP akan mengeluarkan peraturan-peraturan bagi memastikan pengeluaran tersebut adalah sebenarnya untuk tujuan yang ditetapkan dalam usaha untuk mengurangkan beban rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang supaya kerajaan mengadakan rancangan khas kepada pesara kerana sebahagian besar daripada caruman mereka telah dikeluarkan bagi tujuan pendidikan, ingin saya jelaskan bahawa pengeluaran caruman KWSP untuk pendidikan tinggi adalah menggunakan Akaun 2, iaitu 30% daripada jumlah keseluruhan simpanan ahli. Jika kesemua simpanan akaun tersebut digunakan, ahli masih mempunyai baki simpanan sebanyak 70%, iaitu 60% dalam Akaun 1 dan 10% dalam Akaun 3. Oleh yang demikian, ahli masih memiliki sebahagian besar caruman di KWSP untuk tujuan hari tua. Dengan itu, kerajaan belum bercadang untuk mengadakan rancangan khas kepada pesara.

Seterusnya, ingin saya menyentuh mengenai prejudis atau sikap buruk sangka terhadap kerajaan bahawa wang KWSP dan sebagainya digunakan bagi membantu syarikat kroni dan individu tertentu yang bermasalah adalah suatu elemen yang kurang sihat dan boleh meracuni sikap diri sendiri dalam mengejar kemajuan yang diharapkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaburan ke dalam institusi-institusi tertentu sama ada dalam bentuk pinjaman atau ekuiti, dilakukan secara berterusan sejak sebelum krisis ekonomi lagi. Pemberian pinjaman atau pembelian ekuiti adalah dilakukan secara teliti ke atas, dengan izin, 'fundamental' dan potensi syarikat tersebut dalam memberikan pulangan serta berkemampuan membayar balik pinjaman.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Berhubung dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat bagi Baling bahawa Tabung Haji menggunakan perlindungan daripada Syarikat Royal Insurance dan tidak menggunakan Syarikat Insurans Takaful, suka saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini, Syarikat Royal Insurance telah pun bertukar nama kepada TH Industries Sdn. Bhd. (THTI). Sebagai anak syarikat milik penuh Tabung Haji, TH telah diarah untuk menggunakan perkhidmatan insurans Takaful sepenuhnya. Pada ketika ini hampir kesemua harta TH dan anak-anak syarikatnya yang bergiat dalam hartanah, kenderaan, ternakan dan lain-lain diberi perlindungan Takaful.

Sungguhpun begitu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlindungan Takaful pada ketika ini belum lagi menyeluruh. Justeru itu, bagi sektor-sektor yang belum dilindungi Takaful maka THTI perlu mengambil perlindungan insurans konvensional untuk sementara waktu. Insya -Allah, perkhidmatan Takaful akan digunakan sepenuhnya oleh TH dan anak-anak syarikatnya apabila skop perlindungan Takaful meliputi bidang-bidang berkenaan yang diperlukan. Kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Baling di atas keperihatinan beliau mengenai aktiviti pelaburan TH.

Dalam pada itu, ingin saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat supaya membuat siasatan lebih terperinci berhubung isu-isu sensitif supaya niat suci untuk memartabatkan agama Islam tidak mendatangkan akibat sebaliknya dengan kenyataan yang tidak tepat atau tidak lengkap. Saya ingin memberi keyakinan bahawa TH akan sentiasa berpegang teguh kepada amanah untuk mengurus pelaburan para pendeposit mengikut lunas-lunas Islam yang suci.

Mengenai persetujuan TH melabur dalam syarikat Times Offset (M) Sdn. Bhd., bukan Time Office Sdn. Bhd adalah kerana aktiviti asalnya tidak bercanggah dengan syarak. Percetakan buku-buku berunsurkan agama lain seperti yang disebut oleh Yang Berhormat berlaku kemudian dan tidak dimaklumkan kepada TH dan juga Lembaga Pengarahnya. Ia adalah merupakan tindakan pengurusan syarikat. TH hanya mengetahui tentang kegiatan percetakan tersebut pada hujung tahun lalu melalui maklumat dalaman dan telah terus membuat siasatan dan juga merujuk kepada IKIM.

Mesyuarat Lembaga Pengarah TH pada akhir Februari 2000 dengan tidak teragak-agak membuat keputusan supaya TH menarik keluar pelaburannya daripada syarikat itu. Tindakan penjualan pegangan TH sedang berjalan sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, TH belum lagi meminta apa-apa dividen daripada syarikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang bernilai kurang daripada RM1 juta hendaklah dijalankan oleh usahawan tempatan sahaja, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan sememangnya telah menetapkan dan melaksanakan dasar-dasar tersebut dalam semua perolehan kerja-kerja kerajaan. Bagi menggalakkan pemindahan teknologi dan penyertaan kontraktor tempatan dalam kerja-kerja di mana kontraktor tempatan tidak mempunyai kepakaran atau keupayaan, pelawaan tender kerja boleh dilaksanakan secara usaha sama antara syarikat-syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa.

Seterusnya, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah menetapkan bagi perolehan kerja yang bernilai kurang daripada RM10 juta, pelawaan tender hendaklah dipanggil khusus di kalangan syarikat 100% milik tempatan yakni warganegara. Bagi perolehan kerja yang bernilai antara RM10 juta hingga RM20 juta, pelawaan dibuka kepada syarikat milik tempatan dan syarikat-syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL. Sementara bagi nilai perolehan kerja yang melebihi RM25 juta pula, pelawaan dibuka untuk ditandingi oleh syarikat 100% milik tempatan, syarikat-syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana kontraktor tempatan tiada kepakaran dan keupayaan serta sukar melaksanakan kerja secara usaha sama, pelawaan projek kerja tersebut boleh dibuat kepada syarikat antarabangsa. Sungguhpun tiada had nilai keutamaan yang ditetapkan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, kerajaan tetap menjaga kepentingan usahawan tempatan. Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan akan dipelawa di kalangan usahawan tempatan sahaja. Walau bagaimanapun,

perolehan secara antarabangsa akan dibuat sekiranya perolehan bekalan dan perkhidmatan tersebut tidak boleh diperolehi dalam negara.

Seterusnya dasar yang ada sekarang menetapkan perolehan yang bernilai kurang daripada RM100,000 sahaja dikhaskan untuk kontraktor kelas F di kawasan projek tersebut. Manakala perolehan yang bernilai kurang daripada RM1 juta boleh ditender secara terbuka untuk disertai oleh kontraktor-kontraktor kelas C, D, E dan EX. Namun begitu, pada kebiasaannya tender-tender tersebut hanya akan disertai oleh kontraktor-kontraktor negeri berkenaan atau kontraktor yang berdekatan dengan kawasan projek.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan projek Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah bersetuju melantik Majlis Daerah Pasir Mas bertindak sebagai Pihak Berkuasa yang akan mentadbirkan kawasan tersebut. Pada masa ini tindakan sedang diambil untuk mewartakan Kawasan Bebas Cukai Rantau Panjang di bawah Seksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990.

Saranan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh supaya pelepasan cukai pendidikan ditingkatkan belum dapat dipertimbangkan oleh kerajaan buat masa ini. Pada masa ini ibu bapa bagi anak yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi dalam negeri adalah diberi pelepasan sebanyak empat kali ganda iaitu RM800 seorang. Dengan kata lain, pembayar cukai yang mempunyai empat orang anak yang sedang belajar di pusat pengajian tinggi dalam negeri akan diberi pelepasan cukai sebanyak RM3,200. Kadar ini adalah mencukupi bagi membiayai perbelanjaan pendidikan. Had dan kadar yang saksama juga digunakan bagi semua golongan pembayar cukai sama ada berpendapatan tinggi, sederhana atau rendah.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan juga telah meningkatkan pelepasan diri daripada RM5,000 kepada RM8,000 dalam Belanjawan 2000 sebagai langkah untuk mengurangkan beban cuaki yang ditanggung oleh pembayar cukai. Langkah ini akan menyebabkan kerajaan kehilangan hasil sebanyak RM388 juta dan perubahan ini dibuat

memandangkan kadar tersebut belum dipinda sejak tahun taksiran 1980. Selanjutnya, pelepasan bagi seorang isteri telah juga dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000 mulai tahun taksiran 1991. Kesemua langkah ini bertujuan mengurangkan bebanan kos pendidikan yang dihadapi.

Ahli Yang Berhormat bagi Kemaman mencadangkan supaya hasil petroleum dan gas yang lebih besar diberikan kepada negeri Terengganu bagi membangunkan negeri tersebut. Mengenai cadangan ini, suka saya jelaskan bahawa pada masa ini kerajaan negeri Terengganu diberi sebanyak 5% sebagai pembayaran royalti oleh Petronas. Kadar tersebut adalah menurut perjanjian yang telah ditandatangani di antara Petronas dengan kerajaan negeri Terengganu. Kadar yang sama juga digunakan untuk bayaran royalti kepada negeri Sabah dan Sarawak. Ingin saya jelaskan di sini bahawa bayaran royalti kepada negeri Terengganu diberi oleh kerajaan pusat secara ihsan kerana negeri tersebut merupakan negeri yang paling miskin pada masa itu. Kerajaan pada masa ini tidak bercadang merundingkan semula kadar royalti berke naan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mencadangkan supaya lebih banyak institusi latihan dan kolej komuniti ditubuhkan untuk pelajar-pelajar yang kurang mahir pelajaran akademiknya dan supaya kaum bukan bumiputera juga patut turut menyertai institusi latihan tersebut. Berhubung dengan perkara ini, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada masa sekarang sudah pun terdapat banyak institusi bertujuan memberi latihan pencapaian pelajar-pelajar yang berorientasi kemahiran selain daripada akademik. Contohnya, Institut Kemahiran Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS), ILP - Institut Latihan Perindustrian di bawah Kementerian Sumber Manusia, Pusat Giatmara di bawah MARA. Walaupun program di bawah MARA terhad kepada bumiputera, namun program di bawah KBS dan ILP adalah terbuka kepada semua kaum. Selaras dengan hasrat kerajaan pada masa ini ingin melaksanakan kolej komuniti secara meluas, cadangan konsep pelaksanaannya sudah berada di pelbagai peringkat perbincangan dan perlaksanaannya akan dilihat dalam konteks institusi-institusi latihan yang sedia ada untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh supaya ditubuhkan Perbadanan Pembangunan Perumahan dengan geran pelancaran sebanyak RM1 billion, kerajaan berpendapat belum timbul keperluannya pada masa ini. Sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan memang sentiasa berusaha untuk meningkatkan penyediaan perumahan kos rendah melalui penubuhan Tabung-tabung Perumahan Kos Rendah bagi pembinaan perumahan oleh kerajaan-kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan atau melalui penyaluran peruntukan kepada pemaju-pemaju swasta. Di samping itu, kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan tahunan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk pembinaan dan pengagihan rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah dengan bayaran ansuran yang sederhana atau secara sewaan.

Melalui Syarikat Perumahan Negara (SPN), peruntukan sebanyak RM1 billion telah disalurkan bagi bertujuan meningkatkan kemudahan perumahan kos rendah. Rumah-rumah yang disediakan oleh SPN akan membolehkan penghuninya mendapat kemudahan selanjutnya melalui pelaksanaan sistem pajakan dengan ansuran yang dijangka lebih rendah berbanding dengan ansuran pembelian rumah masa sekarang. Sehingga tahun 2003, SPN telah mengenal pasti keperluan kira-kira 26,000 unit rumah kos rendah dan akan disediakan sama ada melalui pembelian secara pukal dari sektor swasta atau melalui pembangunan tanah-tanah kerajaan. Dengan terdapatnya program-program perumahan kos rendah yang mencukupi serta wujud penyelarasan pembangunan di peringkat kerajaan negeri dan persekutuan serta adanya cadangan pengemaskinian terhadap akta-akta yang sedia ada, maka penubuhan sebuah Perbadanan Pembangunan Perumahan tidak perlu dibuat pada masa ini. Apa yang penting sekarang adalah memastikan pelaksanaan program-program yang dirancang ini berjalan lancar. Dengan ini, saya juga menyeru kepada kerajaan negeri dan penguasa tempatan untuk memberi kerjasama dalam menjayakan hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara supaya kerajaan memberi pelepasan cukai ke atas bayaran

faedah bagi bayaran pinjaman perumahan kepada institusi perbankan, sukacita saya jelaskan iaitu bagi maksud pengiraan cukai pendapatan, bayaran faedah pinjaman bank memang dibenarkan diambil kira sebagai potongan daripada pendapatan sewaan. Bagi rumah yang diduduki sendiri oleh pemiliknya, bayaran faedah tidak boleh diambil kira sebagai potongan untuk pengiraan cukai pendapatan diri pembayar cukai kerana pendapatan sewa yang dianggap diterima oleh pemilik rumah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Berhubung dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terjejas ekoran kegawatan ekonomi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kluang, ianya memang benar, terutamanya dari sektor mesin dan kejuruteraan. Kebanyakan yang terjejas bergantung kepada pasaran tempatan tetapi mengimport input pengeluaran menggunakan Dolar Amerika. Bagi IKS yang mengeksport, kejatuhan nilai Ringgit telah membantu meningkatkan nilai eksport mereka. Penguncupan permintaan tempatan dan juga permintaan luar yang menurun akibat daripada krisis kewangan telah juga sedikit sebanyak menjejaskan sektor industri kecil dan sederhana ini. Keadaan telah menjadi lebih buruk akibat daripada kawalan mudah tunai sistem perbankan yang ketat pada tiga suku pertama tahun 1997.

Pengeluaran sektor perkilangan telah menguncup 10.2 % dalam tahun 1998. Jumlah pengeluaran IKS berorientasikan pasaran dalam negeri menurun dengan ketara iaitu sebanyak 13.4% berbanding dengan 7.3% bagi IKS berasaskan eksport. Pada akhir tahun 1998, dianggarkan 10 peratus dari jumlah syarikat IKS telah menamatkan operasi. Kebanyakan syarikat IKS mengalami penurunan jualan melebihi 80% di samping kenaikan kos input. Kutipan hasil jualan juga telah menjangkau lebih 100 hari dan kesemua faktor ini telah menyebabkan masalah aliran tunai yang serius.

Pada masa yang sama, kegawatan ekonomi juga telah memberikan kesan positif terhadap perkembangan IKS. Tertekan dengan kelembapan ekonomi yang telah menyebabkan peningkatan di dalam kos operasi dan aliran tunai, syarikat-syarikat IKS, terutama yang membekal kepada syarikat multinasional mula mengkaji semula operasi mereka. Syarikat-syarikat ini telah mengambil langkah meningkatkan keberkesanan kos yang menghasilkan

operasi yang lebih efisien. Syarikat juga mula mengamalkan pandangan jauh dan mempelbagaikan aktiviti termasuk memberi tumpuan kepada pasaran eksport.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang sama, ketika menghadapi krisis kewangan yang lalu, tiada kemudahan untuk IKS yang telah ditarik balik. Malah, untuk menangani masalah kewangan, Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) telah dilancarkan pada bulan Januari 1998. Peruntukan permulaan ialah sebanyak RM1 billion dan ditambah menjadi RM1.5 billion pada bulan Mei 1998. Pada akhir tahun 1998, sebanyak 1,018 pinjaman telah diluluskan dengan nilai RM1 bilion, 60% atau 608 permohonan yang diluluskan adalah bagi sektor perkilangan, melibatkan RM665 juta. Sehingga pada 31 Disember 1999, sebanyak 4,216 permohonan telah diluluskan bernilai RM3.09 billion. Daripada jumlah ini sektor perkilangan merupakan sektor terbesar mendapat kelulusan itu.

Lain-lain kemudahan pinjaman mudah di bawah Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (QES), Skim Modenisasi dan Automasi (MAS) dan Pakej Kewangan Untuk IKS (PAKSI) telah berjaya meringankan masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat IKS. Sehingga pada 31 Disember 1999 dari sejumlah 177 permohonan, sebanyak 149 telah diluluskan melibatkan RM74.8 juta di bawah Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (QES). Di bawah Skim Modenisasi dan Automasi daripada 248 permohonan yang diterima, sebanyak 176 telah diluluskan melibatkan RM81.6 juta. Di bawah Skim PAKSI, 24 permohonan untuk 29 projek telah diluluskan melibatkan RM15.9 juta. Dari segi pelaburan, pada tahun 1998, sejumlah 124 projek IKS dengan jumlah pelaburan sebanyak RM258.89 juta telah diluluskan dengan insentif seperti taraf perintis, berbanding dengan 113 projek pada tahun 1997 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM299.46 juta.

Dari jumlah ini, 75.23% adalah merupakan pelaburan tempatan. Kelulusan projek terbanyak adalah dari sektor industri mesin (34), perabot dan kelengkapan (17), kelengkapan pengangkutan (16), barangan elektrik dan elektronik (13), dan barangan logam dibentuk (11).

Mengenai pembangunan sumber manusia, usaha-usaha untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pakej-pakej syarikat IKS terus dilaksanakan. Mulai tahun 1997, SMIDEC telah mewujudkan Program Peningkatan Kemahiran. Di bawah program ini, SMIDEC membiayai 50% daripada yuran kursus manakala bakinya dibayar oleh syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang membuat sumbangan kepada Tabung Sumber Manusia (HRDF) adalah layak untuk menuntut tambahan 45% daripada tabung tersebut untuk membiayai yuran kursus. Kursus-kursus dijalankan oleh 10 Pusat Pembangunan Kemahiran yang dilantik oleh SMIDEC. Sehingga Disember 1998, sejumlah RM344,948.47 atau 19.74% daripada peruntukan telah dibelanjakan untuk melatih seramai 408 pekerja syarikat. Sehingga Disember 1999, sejumlah RM816,749.84 atau 23.82% telah dibelanjakan untuk melatih 980 pekerja syarikat di dalam bidang Automasi Industri, AutoCAD, CNC dan Kejuruteraan Industri. Adalah jelas kesedaran mengenai keperluan latihan masih rendah dan akan dipertingkatkan melalui sesi penerangan, seminar dan promosi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila negara-negara yang dilanda krisis mula mengalami pemulihan ekonomi dan kembali stabil dalam pasaran kewangan dunia, kerajaan sedar akan timbul risiko sifat mudah berpuas hati yang boleh mengurangkan komitmen komuniti antarabangsa dalam menyusun semula arkitektur kewangan antarabangsa seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Dalam hubungan ini, Malaysia akan terus secara aktif mengambil bahagian dalam fora antarabangsa seperti IMF, Bank Dunia, APEC, ASEAN, Bank of International Settlements, dan kumpulan 15 untuk mengekalkan momentum penyusunan semula serta memastikan pandangan dan minat kita diambil perhatian oleh komuniti antarabangsa. Malaysia akan terus memberi pendekatan khusus terhadap aspek perlindungan yang sesuai untuk menangani kelemahan yang sedia ada di dalam arkitektur kewangan antarabangsa bagi meminimumkan kesan negatif turun-naik aliran masuk modal jangka pendek yang berlebihan dan memastikan supaya faedah yang berpotensi daripada globalisasi serta liberalisasi kewangan dinikmati oleh semua negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Yan meminta kerajaan menyatakan berapakah kos yang terlibat bagi Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan OIC. Berhubung dengan perkara ini, sukacita saya maklumkan, iaitu Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Persidangan OIC bagi Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri, Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Ke-27 pada 27 hingga 30 Jun 2000. Kali pertama Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan ICFM Ke-5 ialah pada tahun 1974. Sebagai sebuah negara model bagi negara-negara Islam, Malaysia telah diminta oleh negara-negara ahli untuk menjadi tuan rumah Persidangan ICFM tersebut kerana kejayaan Malaysia dalam banyak perkara sepanjang keahlian Malaysia dalam OIC.

Adalah dimaklumkan juga, sebagai sebuah negara kumpulan pengasas OIC, Allahyarham Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan Setiausaha Agung OIC yang pertama pada tempoh 1970 hingga 1973. Malaysia bergiat aktif dalam pelbagai bidang kerjasama seperti Pertubuhan IDB (Islamic Development Bank), Pergerakan D8 dan juga mendapat keyakinan serta pengiktirafan sebagai negara contoh di kalangan negara Islam.

Untuk Mesyuarat ICFM Ke-27 yang akan diadakan di Malaysia pada 27-30 Jun 2000, sebanyak 56 negara ahli dan melebihi 30 negara pemerhati akan turut serta dalam Persidangan tersebut. Isu-isu yang akan dibincangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, panjang lagi ucapan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Setengah muka lagi. Persediaan mengenai persidangan ini sedang diaturkan dan kos yang terlibat mengemainya belum dapat diputuskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan semasa membahaskan Ucapan Belanjawan 2000. Seperti yang saya jelaskan pada awal tadi, kesemua isu yang membina yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan dikaji

dengan teliti supaya Kementerian Kewangan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, sila.

4.10 ptg.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Pendang, Beluran, Padang Terap, Gaya, Tawau, Pasir Mas, Lumut dan Lubok Antu di atas keprihatinan mereka terhadap sektor komoditi utama dengan membangkitkan pelbagai isu yang relevan dengan bidang tugas Kementerian Perusahaan Utama ketika membahaskan Rang Undang-undang Belanjawan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pendang telah membangkitkan isu mengenai kemerosotan pendapatan pekebun kecil dan nilai eksport kelapa sawit pada tahun ini oleh kerana harga minyak sawit telah menurun di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Utama memang sedar tentang penurunan harga minyak sawit daripada purata RM2000 setan metrik pada awal tahun lepas kepada kira-kira RM1050 setan metrik pada masa ini. Kemerosotan harga minyak sawit ini disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit negara telah meningkat dengan banyaknya, iaitu daripada 8.3 juta tan metrik pada tahun 1998 kepada 10.5 juta tan metrik pada tahun 1999, ia itu peningkatan sebanyak 20.5% atau 2.2 juta tan metrik.

Pada tahun 1998, bila pengeluaran adalah rendah, harga minyak sawit di pasaran antarabangsa adalah lebih dari USD600 setan dan sampai tahun 1999 bila pengeluaran ditambah sehingga lebih daripada 10 juta tan harga minyak sawit telah jatuh di bawah USD300 setan di pasaran antarabangsa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebenarnya pada tahun 1999 bukan sahaja pengeluaran minyak sawit yang telah meningkat malahan pengeluaran minyak-minyak sayuran yang lain juga turut meningkat di mana pengeluaran minyak sayuran dunia keseluruhannya telah bertambah kepada RM108.3 juta tan metrik berbanding dengan RM102.5 juta tan metrik pada

tahun 1998. Peningkatan pengeluaran minyak sayuran dunia ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit seperti yang saya nyatakan tadi serta juga peningkatan pengeluaran minyak *red seed* dengan izin, minyak bunga matahari dan minyak kacang soya.

Memandangkan keadaan ini, Kementerian Perusahaan Utama melalui agensinya, Majlis Galakan Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) sedang berusaha untuk meningkatkan eksport minyak sawit melalui langkah-langkah seperti penubuhan Jawatankuasa Pasaran di peringkat Wilayah untuk menganalisis perdagangan minyak sawit di rantau yang berkenaan serta mengesyorkan strategi yang sesuai untuk meningkatkan eksport minyak sawit. Kementerian Perusahaan Utama juga akan menghantar misi-misi ekonomi dan teknikal minyak sawit ke beberapa negara pada tahun ini termasuk Russia, Hungary dan Timur Tengah untuk meningkatkan eksport minyak sawit.

Di samping itu, Kementerian Perusahaan Utama juga sedang mengkaji melanjutkan kemudahan kredit di bawah skim Palm Oil Credit Payment Arrangement atau POCPA dengan izin, bagi membolehkan minyak sawit kita menembusi pasaran-pasaran baru memandangkan ekonomi negara sudah kembali pulih dan bersama-sama kita akan berbincang dengan kerajaan negara-negara yang menggunakan minyak sawit tradisional di mana apa masalah yang ada dengan dasar-dasar kerajaan negara pengguna, kita harap kita boleh dapatkan satu penyelesaian yang lebih munasabah untuk membolehkan kemasukan minyak sawit kepada negara pengguna itu.

Adalah diharapkan dengan langkah-langkah ini kita dapat meningkatkan eksport minyak sawit negara dan dengan itu boleh membantu mengukuhkan harga minyak sawit di pasaran dan pada masa yang sama membantu mengekalkan sumbangan industri ini kepada ekonomi negara dari segi pendapatan eksport dan seterusnya memberi manfaat kepada pekebun-pekebun kecil dalam bentuk pulangan yang munasabah. Tetapi dalam persaingan yang hebat ini di antara berapa jenis minyak sayuran kita patut menyedari di mana kos pengeluaran kita patut dikawalkan dan patut di paras yang rendah.

Saya tahu pada masa sekarang harga minyak sayuran di pasaran antarabangsa tidak menggalakkan negara-negara lain yang mengeluarkan minyak seperti minyak *red seed*, minyak kacang soya dan minyak bunga matahari. Mereka sekarang akan memilih mahu atau tak mahu menanam .minyak itu lagi dan kalau mereka nampak harga di pasaran antarabangsa adalah di paras yang rendah lagi barangkali mereka memilih untuk menanam jenis tanaman yang lainlah dan tidak kacau kita di dalam pasaran antarabangsa lagi, ini dalam bahasa Inggeris dengan izin, *we have to stick it out* dan tunggulah siapa yang boleh tahan lama lagi.

Berhubung dengan status penggunaan minyak sawit sebagai bahan bakar seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, suka saya jelaskan di sini bahawa Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM) telah berjaya memajukan satu proses untuk mengeluarkan minyak diesel atau *methyl ester* dari minyak sawit mentah atau *crude palm oil*, dengan izin. Diesel sawit ini boleh digunakan secara terus ke dalam enjin -enjin diesel yang konvensional tanpa sebarang pengubahsuaian.

Di samping itu, PORIM juga telah memajukan satu lagi proses penggunaan minyak sawit mentah sebagai bahan bakar secara terus di dalam enjin kereta yang diubahsuai atau lebih khusus bagi satu enjin *multi-fuel onset engine* dengan izin, ia itu satu enjin minyak sayuran. Walaupun harga minyak sawit di pasaran antarabangsa adalah rendah tetapi dibandingkan dengan harga petroleum yang sangat tinggi sekarang untuk menggunakan sebagai bahan bakar atau fuel di dalam kereta, saya ingat tidak boleh bersaing dengan petroleum lagi tetapi kita haraplah selepas kajian yang mendalam dan untuk meningkatkan atau mengadakan enjin yang lebih baik yang boleh menggunakan minyak sawit untuk menjadikan satu bahan bakar yang boleh bersaing dengan petroleum barangkali pada masa itu kita boleh menggunakan minyak sawit sebagai satu bahan bakar tetapi pada teori sekarang boleh dipakai tetapi hanya ekonominya boleh mahal atau tidak mahal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat hasil ujian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa secara teknikalnya minyak sawit mentah adalah sesuai digunakan sebagai bahan bakar alternatif. Adalah dijangkakan

minyak sayuran seperti minyak sawit adalah merupakan sumber bahan bakar alternatif di masa hadapan memandangkan ianya ...

Seorang Ahli: Barisan Alternatif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Barisan Alternatif pada masa di situ tidak ada Barisan Alternatif lagi bila boleh jadikan bahan bakar alternatif. Di masa hadapan memandangkan bukan sahaja boleh dibaharui atau renewable dengan izin dan mesra alam atau environmentally friendly, dengan izin, tetapi bekalannya stabil dan terjamin sepanjang tahun. Namun begitu, suka saya jelaskan di sini bahawa penggunaan minyak sawit sebagai sumber bahan bakar alternatif, bukan Barisan Alternatif adalah tidak ekonomik memandangkan harga minyak sawit yang agak tinggi pada masa ini dibandingkan dengan apa yang saya telah jelaskan dengan harga petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Beluran juga telah menyentuh tentang jumlah wang hasil kutipan ses minyak sawit dan bagaimana ianya disalurkan. Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa bagi tempoh tiga tahun yang lepas sebanyak RM331.4 juta telah dipungut sebagai ses minyak sawit bagi membiayai aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D. Kawal selia dan penguatkuasaan serta promosi pasaran yang dijalankan oleh tiga agensi berkaitan minyak sawit di bawah Kementerian Perusahaan Utama iaitu Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM), Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dan Majlis Galakan Pasaran Minyak Sawit Malaysia (MPOPC). Di samping itu bagi tempoh Disember 1997 sehingga Mei 1999 PORLA telah mengutip sebanyak RM450 juta untuk membiayai skim penstabilan harga minyak masak di pasaran tempatan. Bila harga minyak sawit naik pada masa di situ naik ke satu paras yang sangat tinggi yang telah meningkatkan harga minyak masak di pasaran tempatan.

Berhubung dengan isu penggunaan kutipan ses bagi membantu pekebun kecil menanam semula kelapa sawit mereka, suka saya jelaskan bahawa sebahagian besar pekebun kecil kelapa sawit merupakan peserta tanah

rancangan FELDA, FELCRA, RISDA dan agensi-agensi kerajaan negeri. Bagi golongan ini skim bagi menanam pula telah pun diwujudkan oleh agensi masing-masing. Walau bagaimanapun, bagi pekebun kecil bebas atau independent small holders, dengan izin, yang mengusahakan kira-kira 9% daripada keluasan ladang kelapa sawit negara, Kementerian Perusahaan Utama sedang mencadangkan kepada kerajaan agar diwujudkan satu skim pinjaman mudah atau soft loan, dengan izin, bagi membantu golongan ini menanam semula kelapa sawit mereka. Adalah diharapkan skim ini akan dapat dilaksanakan tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap antara lain menyarankan supaya lesen pembalakan dibekukan sekurang-kurangnya selama 25 tahun bagi tujuan memelihara alam sekitar. Mengapa dia sampai angka 25 tahun saya pun tidak tahu tetapi saranan ini berbau ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Duduklah, you sudah cakap lama, saya belum cakap lagi. *[Ketawa]* Apa mahu tanya, tanya di Jawatankuasa yang akan datang.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Fasal Yang Berhormat menyoal saya mengapa 25 tahun.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dan ini berbau bersama dan mencerminkan saranan proxy, dengan izin, dari pihak pencinta alam yang melampau dari negara Barat.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Mereka sudah cakap banyak dulu, sekarang kita punya orang sendiri cakap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sudah buat keputusan boleh bangkit Jawatankuasa.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:semacam ini, dia mengapa 25 tahun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini soal penting, kalau...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: 20 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini jawapan, kecuali soalan atau..

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Pembekuan lesen pembalakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sekurang-kurangnya 25 tahun. Duduklah! bagi saya habis dulu. You belum tengok saya marah orang. *[Ketawa]* Pembekuan lesen pembalakan sekurang-kurangnya selama 25 tahun adalah tidak produktif dan tidak mendatangkan apa-apa manafaat. Saya tahu dia keluarkan banyak..

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Ada banyak manafaatnya.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: ...ayat dari Quran, saya pun tanya kawan saya apa dia cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tetapi ini adalah hutan merupakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat pun bersetuju tidak akan memberikan laluan kepada sesiapa jugalah. Jadi, bererti tidak payah....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Duduklah, mahu tanya, tanya dalam Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:keputusan pun sudah buat tadi.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Habis saya hot punya jam jangan kacau. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri pun tidak kasi jalan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tidak beri laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, tidak beri laluan sebab saya sudah hot. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri sudah hot dia tidak beri laluan [*Ketawa*] Jadi Yang Berhormat ...

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini bagi sejuk, bagi sejuk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sejuk. Itulah jangan dua-dua hot. [*Ketawa*] Ini adalah kerana hutan merupakan kurniaan Tuhan dan harus digunakan secara berkekalan dengan bijaksana. Jangan cakap tidak guna. Guna. Kalau Tuhan bagi mulut tidak cakap apa guna. Cakaplah, tetapi jangan cakap banyak [*Ketawa*] ..,

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Jangan cakap banyak. Duduk! [*Ketawa*]

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Tetapi pelaksanaan itu tidak bijaksana.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Bila mahu berhenti cakap. Duduk! Jangan salahgunakan dia punya mulut. Duduklah!

Tuan Husam bin Haji Musa: Menteri, saya minta cakap sikit. Cakap. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Oleh itu, Kerajaan Barisan Nasional telah membuat komitmen untuk mengurus hutan secara mapan di mana pembalakan dijalankan secara terkawal untuk faedah rakyat dan negara. Pembekuan lesen pembalakan begitu lama, 25 tahun.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Seperti dibangkitkan akan mengurangkan peluang pekerjaan serta menjejaskan pendapatan negara memandangkan sektor perhutanan adalah satu daripada sektor ekonomi yang penting. Yang Berhormat tidak tahukah saya tidak pakai mata cermin, tidak nampak punya. Slowlah. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa, mata cerminkah? [*Ketawa*]

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau you mahu saya nampak, saya nanti pakai mata cermin. Duduk, tidak beri laluan. Saya harap Yang Berhormat tidak mencadangkan sesuatu yang bermaksud membawa kehilangan peluang pekerjaan kepada rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem pembalakan negara kita tidak sama dengan sistem pembalakan dengan negara-negara Barat yang menggunakan sistem 'clear falling'. Sapu semua. Sapu. Serupa ini satu Yang Berhormat itu nama ada 'Sabu' . *[Ketawa]* 'Clear falling'. Sapu semua, dengan izin. Iaitu semua pokok termasuk tumbuhan kecil ditebang habis.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Di Padang Terap semua dia tebang habis. Besar-besar ini pun dia angkat sampai licin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebelum mendapatkan kebenaran tidak boleh keluarkan apa-apalah, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:cara 'clear falling' ini sudah tentu membawa kesan buruk kepada alam sekitar, sebaliknya di negara ini kita menggunakan sistem selective 'falling', dengan izin, iaitu hanya empat ke enam pokok ditebang bagi setiap hektar hutan di dalam hutan simpanan kekal. Dengan itu pokok-pokok kecil dipelihara dari membolehkan hutan pulih secara semula jadi. Barangkali apa yang disebut deh Yang Berhormat di mana adalah pembalakan secara 'clear falling' ialah dalam hutan negeri yang mana tujuannya ialah habis semua hutan itu untuk ditukar penggunaan tanah ini kepada pertanian, kepada perindustrian, kepada perumahan dan lain-lain.

Dengan itu, kawasan-kawasan yang telah dibalak hanya boleh diusaha hasilkan semula selepas 30 sehingga 50 tahun untuk memberi masa bagi hutan pulih semula, kalau hutan sudah ditebang lebih satu, dua kali barangkali dia memakan masa 50 tahun untuk memulih semula, barangkali adalah hutan dengan izin, hutan virgin, ini bukan salah punya perkataan, ini adalah perkataan teknikal. Hutan virgin yang mana ada banyak pokok lagi barangkali 30 tahun digunakan sebagai satu circle.

Oleh itu, adalah tidak wajar sekiranya lesen pembalakan dibekukan selama 25 tahun, dalam hal ini sukalah saya menyatakan bahawa kementerian

saya telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk memastikan agar sumber-sumber hutan negara diurus secara perbekalan bagi mengimbangi kepentingan ekonomi dan kestabilan alam sekitar. Saranan Ahli Yang Berhormat sekiranya dilaksanakan akan mendatangkan kesan sampingan yang besar kepada ekonomi negara amnya dan industri kayu-kayan khususnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perkayuan menyumbangkan pendapatan eksport sebanyak RM14.2 bilion atau kira-kira 7% dari hasil eksport negara pada tahun 1998, di samping memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 250,000 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ke arah mencapai matlamat pengurusan hutan secara perbekalan adalah:

- menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya memberi keutamaan terhadap kepentingan pengurusan hutan secara perbekalan dalam perancangan dan pembangunan negeri-negeri;
- menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya menyegerakan pewartaan kawasan hutan simpanan kekal yang telah dipersetujui;
- meminta kerajaan-kerajaan negeri menggantikan mana-mana kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang telah dimansuhkan dengan suatu kawasan yang lain, yang lebih kurang sama keluasannya;
- menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya meningkatkan keluasan hutan simpanan kekal;
- meminta kerajaan-kerajaan negeri mematuhi catuan tebang tahunan atau annual allowable cut, dengan izin, yang ditetapkan;
- menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri melaksanakan pemberian kawasan pengusaha hasil hutan melalui perjanjian jangka panjang;

- meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya meningkatkan kawalan terhadap pembalakan haram dan pencerobohan hutan melalui pemantauan udara yang terancang dan berterusan serta melalui penggunaan teknologi-teknologi canggih dan meminta kerajaan-kerajaan negeri meningkatkan pelaksanaan pemulihan hutan yang telah dibalak melalui rawatan civil culture.

Mengapa saya minta ini semua meminta kerajaan negeri, sebab hutan adalah jagaan di bawah kuasa kerajaan negeri....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin bangun, hendak beri laluan, sudah buat keputusan tidak ada laluan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Sebab saya tidak berikan laluan kepada Barisan Alternatif dengan adil dan saya pun tidak berikan laluan kepada Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selaras dengan keputusan Kerusi di sini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Selaras dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin, keputusan telah dibuat - peringkat Jawatankuasa.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Adil semua duduklah, kawan duduk, nanti dalam peringkat Jawatankuasa boleh tanya.

Kementerian Perusahaan Utama percaya langkah-langkah ini akan dapat memastikan bahawa sumber hutan negara akan dapat diurus secara perbekalan dan sekali gus akan dapat menangani masalah pemeliharaan alam sekitar.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Gaya supaya diwujudkan 'green bon' dengan izin, bagi membiayai aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pengurusan hutan secara perbekalan, ingin saya memaklumkan bahawa cadangan ini telah dikemukakan oleh beberapa pihak

termasuk negara-negara maju, sebagai satu cara untuk menyalurkan sumber kewangan kepada negara-negara sedang membangun bagi melaksanakan pengurusan hutan secara perbekalan. Namun demikian, banyak mereka cakap sahaja, sebenarnya belum ada negara sedang membangun yang menerima cadangan ini. Oleh itu, Kementerian Perusahaan Utama mengambil maklum tentang cadangan ini dan akan menunggu kedatangan kewangan melalui 'green bon' ini dan Kementerian Kewangan pun telah menjawab berkenaan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu usaha sama antara pihak China dan Malaysia mengenai pembangunan tanah untuk ladang hutan dan kilang pulpa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tawau, suka saya jelaskan di sini bahawa sebuah perjanjian usaha sama antara pihak China dan Malaysia mengenai pembangunan tanah untuk ladang hutan dan kilang pulpa telah ditandatangani pada 18 Ogos 1999 semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Beijing. Ekoran daripada perjanjian tersebut, perbincangan telah diadakan mengenai struktur ekuiti di dalam kedua komponen projek tersebut iaitu ladang hutan dan kilang pulpa, dan pada prinsipnya persetujuan mengenai perkara ini telah dicapai dan akan dimuktamadkan di dalam perjanjian antara pemegang-pemegang saham. Kementerian Perusahaan Utama akan sentiasa membantu perkembangan seterusnya dan akan menggesa pihak-pihak berkenaan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas iaitu mengenai masalah kemiskinan para penoreh getah yang tidak mampu untuk membiayai kehidupan dengan harga getah yang begitu rendah, ingin saya memaklumkan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Utama sedar akan masalah kejatuhan harga komoditi getah ini dan telah dan sedang mengambil tindakan di peringkat nasional bagi mengatasinya dan kini sedang berusaha menanganinya di peringkat antarabangsa.

Saya amat berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menjelaskan kepada rakyat bahawa masalah turun naik harga getah bukanlah seperti isu

turun naik harga sesetengah barangan keluaran tempatan seperti gula dan ayam. Getah adalah merupakan komoditi antarabangsa di mana turun naik harganya amat bergantung kepada kuasa pasaran khususnya penawaran dan permintaan. Turun naik harga getah adalah serupa dengan turun naik harga petroleum dan minyak sawit dalam pasaran antarabangsa.

Dalam kes getah, Malaysia tidak boleh menetapkan sendiri harga yang kita kehendaki kerana di samping Malaysia terdapat juga negara-negara lain yang merupakan pengeluar getah seperti Thailand dan Indonesia yang mana kedua-dua negara itu adalah negara pengeluar yang lebih besar dibandingkan dengan kita. Jika kita menetapkan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran maka pelanggan akan membeli daripada negara lain yang lebih murah.

Di samping itu, getah dari negara-negara lain akan membanjiri pasaran Malaysia, ini bermakna kerajaan kita terpaksa memberi subsidi kepada pengeluar-pengeluar dari negara-negara yang lain. Perlu juga diingatkan bahawa dengan menaikkan harga melebihi harga pasaran, ianya juga akan menjejaskan daya saing industri berasaskan getah di negara kita.

Ini adalah kerana industri getah tempatan terpaksa menanggung kos bahan mentah yang tinggi berbanding dengan industri getah di negara-negara pengeluar yang lain. Keadaan ini akan menjejaskan pekerjaan di sektor pembuatan produk berasaskan getah. Dalam hal ini kerajaan mestilah berhati-hati dalam mengambil apa jua tindakan yang boleh membawa implikasi negatif kepada rakyat pada keseluruhannya.

Apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan sekarang untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan kerjasama dalam bidang getah dengan negara-negara pengeluar sama ada melalui pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) atau secara kerjasama dua hala. Kerajaan telah menandatangani pada 17 September tahun yang lalu satu memorandum persefahaman (MoU) dengan negara Thailand bagi menangani isu getah secara bersama. Satu jawatankuasa peringkat menteri iaitu Thailand-Malaysia Ministerial Committee of Rubber telah dibentuk bagi menjamin kerjasama dua hala dalam bidang harga dan perdagangan serta kerjasama teknikal getah. Kerjasama seperti ini akan

dikembangkan dengan mempelawa negara-negara pengeluar getah yang lain. Dalam hubungan ini, baru-baru ini saya balik dari Indonesia di mana pemerintah Indonesia telah menunjukkan minat untuk menyertai jawatankuasa peringkat menteri yang saya sebutkan yang kita adakan dengan negara Thailand bagi menjamin kerjasama dalam bidang harga dan perdagangan serta kerjasama teknikal getah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukti kerajaan benar-benar serius dalam menangani masalah kejatuhan harga getah dan kesannya kepada pekebun kecil. Kementerian Perusahaan Utama telah pun melaksanakan skim khas pembelian getah (SKPG) pada 12 Mei tahun lalu yang bertujuan untuk menyediakan outlet, dengan izin, kepada getah keluaran pekebun kecil di samping memberi harga peringkat ladang yang secara perbandingan berpatutan kepada pekebun kecil. Ianya juga bukanlah satu skim subsidi atau skim sokongan harga walaupun ada pihak pembangkang kata masa itu ini adalah satu cara untuk pilihan raya akan datang, bukan!. Pada masa itu walau harga getah di pasaran antarabangsa adalah rendah dan di ladang pekebun kecil adalah rendah dengan diskaun kepada harga antarabangsa pun tidak ada pembeli di separuh kawasan, khas kawasan dalaman di luar bandar dan ada segolongan pekebun kecil walau ada getah skrap....

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(1).

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Nanti..

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat tak boleh nanti. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu?

Dr. Tan Seng Giaw: 36(1) iaitu Menteri mestilah menuju kepada subjek yang relevan sajalah. Jangan cakap dengan itu...*[Disampuk]* ...Peraturanlah...ha?...yang mengandungi itu....

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Getah asli, harga getah asli yang jatuh, apa tidak relevan? Apa dia cakap, dia tak tahu apa getahkah? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong...

Dr. Tan Seng Giaw: Dia cakap dengan pilihan raya tadi, dengan pilihan raya, saya mencadanglah, hendak buat satu cadangan. Yang Berhormat

kita pendekkanlah, pendekkan ucapan Yang Berhormat kerana kita hendak tanya pun boleh. Jadi, terlalu panjang pun tak baik juga. Kita pendekkan ucapan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tak cakap, dia cakap tak answer, tak patut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:...mahu potong RM1....

Dr. Tan Seng Giaw: Kita nak tanya pun tak boleh...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kita jelas tiap-tiap point dia cakap panjang, apa you mahu? You mahu potong RM1 atau tambah RM1? *[Ketawa]* Itulah, dia tak cukup cakap - potong RM1, saya cakap banyak patut tambah RM1. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagikah?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Duduklah, jangan buang masa. Saya ada sikit lagi, lima minit saja. Apa ini! *[Ketawa]* Ingat saya ada banyak peluang datang sini cakapkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh Yang Berhormat habiskan dalam lima minitkah?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Saya harap, 'insya-Allah' *[Ketawa]* Tengok you kacau saya pun tak tahu mana ada sekarang. *[Ketawa]* Masa itu walau pada harga yang rendah tidak ada pembeli dan kerajaan masuk dengan skim pembelian khas ini sebagai the buyer of last resort dan seiringan dengan penerangan skim ini harga getah skrap peringkat ladang yang diterima oleh pekebun kecil telah meningkat daripada 50 sen sekilogram 50% kandungan getah kering (KGK) pada masa sebelum skim tersebut dilaksanakan kepada melebihi 100 sen sekilogram 50% KGK. Sudah meningkat 100%. Perlu dijelaskan di sini bahawa harga getah SMR20 kini masih berada pada paras yang agak munasabah iaitu 260 sen sekilogram pada Mac 2000 berbanding dengan harga purata ketika Skim Khas Pembelian Getah digubal dalam bulan April 1999 iaitu pada paras 201.95 sen sekilogram.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai isu kemiskinan pekebun kecil akibat harga getah yang rendah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, semua pihak perlu sedar bahawa isu kenaikan harga getah semata-mata tidak akan dapat menyelesaikan masalah taraf hidup pekebun kecil. Oleh itu, taraf sosio-ekonomi para pekebun kecil perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas. Pendekatan menyara hidup melalui penorehan getah semata-mata terutamanya dengan saiz ladang atau saiz kebun yang tidak ekonomik tidak lagi sesuai dalam konteks hari ini untuk membaiki taraf hidup pekebun kecil.

Pihak Kementerian Perusahaan Utama telah memperkenalkan pelbagai sistem torehan bagi memudahkan para pekebun kecil untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam ladang atau on-farm, dengan izin. Ini akan memberi peluang kepada pekebun kecil untuk menggunakan masa yang terluang hasil dari sistem torehan yang lebih efisien itu bagi melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti lain di luar ladang atau off-farm, dengan izin. On-farm gunakan sistem torehan baru untuk menjadikan lebih efisien tetapi bila ada masa lain boleh pergi off-farm pergi cari kerja yang lain. Saya percaya kementerian lain yang bertanggungjawab dengan isu kemiskinan ini para pekebun kecil akan terus melakukan pelbagai program untuk menangani masalah ini dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Lumut supaya setiap pembukaan ladang kelapa sawit disyaratkan secara sebahagian dari ladang tersebut dikhaskan untuk tanaman padi untuk meningkatkan daya pengeluaran makanan negara. Saya tidak pasti cadangan ini sesuai dilaksanakan di mana sawah padi dibangunkan bersekali dengan ladang kelapa sawit memandangkan kedua-dua jenis tanaman memerlukan jenis tanah dan bentuk saliran yang berbeza. Walau bagaimanapun, mengikut kajian yang telah dijalankan oleh PORIM beberapa jenis tanaman lain seperti pisang, nanas, jagung dan sayur-sayuran boleh ditanam dalam masa tiga tahun pertama kelapa sawit ditanamkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari Lubok 'Hantu' - Antu [*Ketawa*] supaya lebih banyak di kawasan beliau

dibuka untuk tanaman kelapa sawit, ingin saya memaklumkan di sini bahawa Kementerian Perusahaan Utama amat mengalu-alukan cadangan ini dan berharap pihak kerajaan negeri dan pihak swasta akan dapat memajukan kawasan yang sesuai bagi maksud ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin terhadap pembangunan komoditi utama negara yang telah memainkan peranan yang penting dari segi sumbangannya kepada pertumbuhan sosio-ekonomi negara. Kementerian Perusahaan Utama mengambil maklum atas segala teguran dan pandangan ahli-ahli Yang Berhormat dan akan mengambil tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dijemput menjawab.

4.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan S. Veerasingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai fungsi dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang telah menyentuh mengenai penyelarasan di antara jabatan-jabatan kerajaan bagi menangani masalah penderaan pembantu-pembantu rumah warga asing. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri untuk menentukan sejauh mana Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dapat membantu dalam menangani isu pembantu rumah warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah membangkitkan mengenai pemakaian Akta Penjagaan Budak (Pindaan) 1999 seharusnya turut merangkumi wanita-wanita Islam. Untuk makluman Yang

Berhormat, pihak kementerian sememangnya menyedari akan permasalahan ini. Kementerian telah pun menasihatkan wakil kerajaan negeri menerima pakai Akta Penjagaan Budak 1991 dan Akta Penjagaan Budak (Pindaan) 1999 agar wanita-wanita Islam juga mendapat hak penjagaan yang sama dan kebajikan anak-anak akan lebih terjamin. Kementerian juga akan meneliti cadangan Yang Berhormat Kuala Pilah supaya jabatan-jabatan kerajaan meminda semua borang rasmi dan dokumen undang-undang yang memerlukan tandatangan penjaga untuk memasukkan perkataan tandatangan ibu, bapa atau penjaga sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai kesahihan jumlah ibu tunggal seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang disebutkan 3.4 juta ialah jumlah isi rumah yang diketuai oleh ibu tunggal dan bukannya jumlah ibu tunggal. Bilangan ibu tunggal pada tahun 1991 ialah 625,300 orang, mengikut kajian Dr. Jariah Masud, Timbalan Dekan Fakulti Teknologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Walaupun bilangan ibu tunggal hanya 625,300 orang, jumlah ahli keluarga ibu tunggal dianggarkan seramai 3.4 juta pada tahun 1991 berasaskan kepada nisbah purata 5.3 orang setiap keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Krian telah membangkitkan mengenai peningkatan bantuan untuk golongan orang kurang upaya. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan peningkatan kadar bantuan baru untuk golongan orang kurang upaya telahpun dimansuhkan dalam cadangan Belanjawan 2000 yang sedang dibahaskan sekarang. Kadar baru yang dicadangkan oleh kerajaan ialah RM100 sebulan seorang bagi pekerja cacat atau kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga memperuntukkan bantuan kanak-kanak iaitu sebanyak RM60 seorang kanak-kanak kepada keluarga yang pendapatannya kurang daripada RM400 dan maksimum yang boleh diberi adalah sebanyak RM250 bagi sebuah keluarga. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga ada memberi bantuan pakaian kepada murid-murid sekolah. Bagi murid-murid sekolah rendah, jabatan ini memberi sebanyak RM90 dan pada sekolah menengah diberi sebanyak RM110.

Saya ingin memberitahu bahawa pada persidangan semalam ada beberapa orang wakil rakyat dari pihak pembangkang khususnya daripada Pokok Sena, Kepong dan lain-lain yang menyebut tentang masalah keluarga miskin yang menghantar anak-anak ke sekolah, mereka menghadapi masalah menghantar anak-anak ke sekolah kerana kos yang tinggi yang perlu dibayar untuk membeli pakaian, yuran bayaran dan lain-lain. Jadi, tanggungjawab pendidikan adalah bagi kita semua. Pendidikan adalah mustahak bagi anak-anak kita, jadi kita perlu menentukan supaya anak-anak daripada keluarga miskin juga dapat pendidikan yang sempurna. Jadi, ia menjadi tanggungjawab tiap-tiap seorang wakil rakyat termasuk wakil rakyat daripada Pokok Sena dan Kepong memberitahu kepada anak-anak yang ada masalah seperti ini supaya berhubung dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang ada berhampiran untuk membantu keluarga-keluarga ini. Kerajaan bersedia untuk membantu orang-orang yang miskin untuk mendapat pendidikan seperti orang-orang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pihak kementerian akan sedaya upaya menerima segala teguran dan cadangan-cadangan yang membina demi membina sebuah masyarakat yang harmoni dan penyayang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Kesihatan, dijemput.

4.58 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Chua Jui Meng]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan Belanjawan 2000 bagi Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan yang mulia ini. Izinkan saya memberi ulasan ke atas teguran-teguran yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Klang di atas keprihatinan beliau terhadap penjagaan kesihatan prima di Kementerian Kesihatan. Kajayaan di dalam memberi

perkhidmatan bermutu di peringkat prima adalah hasil dari dasar-dasar yang mengutamakan ekuiti atau kesaksamaan bagi semua lapisan masyarakat Malaysia. Dari kajian yang telah dijalankan, dianggarkan sebanyak 89% daripada penduduk di negara ini menikmati kemudahan kesihatan statik dalam lingkungan 5 kilometer daripada kemudahan kesihatan statik dan 74% daripada mereka mendapat perkhidmatan kesihatan dalam lingkungan 3 kilometer sahaja dari kemudahan kesihatan statik.

Bagi kawasan pedalaman dan terpencil yang belum mempunyai kemudahan kesihatan statik, perkhidmatan kesihatan disediakan oleh pasukan bergerak, termasuk perkhidmatan udara dan yang menggunakan sungai. Dengan itu, liputan perkhidmatan kesihatan di kalangan penduduk negara kita dianggarkan telah mencapai hampir 100%. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat dan merancang serta melaksanakan program-program yang diperlukan oleh rakyat di peringkat prima secara berterusan.

Perkhidmatan secondary dan tertiary (perkhidmatan pakar) adalah perkhidmatan sokongan kepada perkhidmatan jagaan primary yang merupakan tumpuan utama perkhidmatan kesihatan negara ini. Perkhidmatan ini akan terus dibangunkan. Sebagai misalan Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1970, jumlah unit dan Jabatan Perkhidmatan Pakar cuma 130 sahaja. Bilangan ini ditambah ke 260 pada tahun 1980 dan kini jumlah bilangan unit telah bertambah ke lebih daripada 400.

Perkhidmatan pakar disediakan di 40 buah hospital di seluruh negara daripada jumlah 112 buah hospital di Kementerian Kesihatan. Sebagai contoh juga, Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pakar nefrologi cuma terdapat di enam buah hospital pada tahun 1996. Kini, perkhidmatan pakar ini disediakan di hampir semua negeri dalam tahun ini (kini 12 buah hospital).

Perkhidmatan tertiar melibatkan kos yang amat tinggi serta memerlukan tenaga profesional yang mempunyai latihan pengkhususan. Oleh itu, ianya hanya dapat disediakan di hospital-hospital tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, melalui sistem rujukan, mereka yang memerlukan rawatan khas akan diberikan rawatan yang sewajarnya di hospital yang terdekat.

Mengenai masa menunggu untuk mendapat rawatan pakar pula, adalah satu perkara yang berlaku di seluruh dunia bagi mereka yang tidak sakit tenat. Sebenarnya, masa menunggu bagi rakyat Malaysia adalah lebih baik daripada sesetengah negara maju. Mengikut seorang pakar dari Oxford Heart Centre di United Kingdom yang baru-baru ini melawat Kementerian Kesihatan, di United Kingdom ada kes cemas jantung yang menunggu empat bulan untuk berjumpa dengan pakar dan enam bulan lagi untuk mendapatkan pembedahan yang diperlukan.

Di Malaysia, masa menunggu untuk mendapat pembedahan jantung di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru adalah satu bulan sahaja, mana kala di IJN ialah tiga bulan (bagi kes-kes tidak tenat). Bagi mereka yang sakit tenat, pembedahan dilakukan dalam jangka masa satu minggu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah mencadangkan dasar penswastaaan yang telus yang dapat memelihara pengguna dan pekerja serta menjamin hak rakyat dan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah membangkitkan penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan hospital dalam lima bidang pada tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Penswastaaan Negara mula diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 1983 selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melancarkan Dasar Persyarikatan Malaysia yang juga menyentuh tentang peranan pihak swasta dalam pembangunan dan pengurusan negara. Unit Perancang Ekonomi telah bertindak sebagai penyelaras bagi ke semua projek penswastaaan yang akan dilaksanakan.

Dalam usaha mempercepatkan pelaksanaan program penswastaaan, kerajaan telah melancarkan Pelan Induk Penswastaaan pada tahun 1991 yang menjelaskan dengan terperinci dasar, prinsip dan panduan dalam pelaksanaan dasar penswastaaan serta Pelan Tindakan Penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Kesihatan pada permulaan penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan telah dilaksanakan pada kadar sederhana di mana hanya melibatkan pembelian perkhidmatan dari syarikat-syarikat perubatan swasta. Dasar penswastaaan mula giat dilaksanakan pada tahun 1990-an dengan pengkorporatan Institut Jantung

Negara Sdn. Berhad pada tahun 1992. Penswastaan Makmal Ubat dan Stor pada tahun 1994. Penswastaan lima perkhidmatan sokongan hospital pada tahun 1996 dan penswastaan pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan pekerja-pekerja asing pada tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini Kementerian Kesihatan menggariskan beberapa prinsip di dalam menimbangkan penswastaan perkhidmatan kesihatan seperti berikut:

- (i) perkhidmatan klinikal tidak boleh diswastakan;
- (ii) penswastaan boleh dilaksanakan bagi perkhidmatan yang tidak ada kesan secara langsung kepada pengguna atau pesakit dari segi kos kerana sebarang kenaikan bayaran adalah tertakluk kepada Perintah Fee (Perubatan) 1982;
- (iii) keutamaan untuk penswastaan adalah perkhidmatan bukan klinikal khususnya dalam bidang di mana kementerian tidak mempunyai keupayaan oleh kerana kekurangan tenaga manusia atau dalam bidang di mana kepakaran luar boleh diperolehi dengan lebih efisien;
- (iv) penswastaan dapat meningkatkan kecekapan, pengurusan, daya saing dan produktiviti secara berterusan; dan
- (v) kepentingan kerajaan masih wujud dan kepentingan rakyat jelata dipelihara.

Di atas prinsip-prinsip ini, maka kerajaan telah memutuskan untuk tidak mengkorporatkan hospital-hospital dan klinik-klinik kerajaan pada tahun lalu.

Dasar penswastaan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan telah memberi beberapa faedah seperti meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan saiz sektor perkhidmatan awam dan mencapai Dasar Ekonomi Baru dengan meningkatkan penglibatan usahawan bumiputera dalam sektor korporat.

Kerajaan telah menswastakan lima perkhidmatan sokongan hospital pada 1 Januari 1997 untuk tempoh 15 tahun. Syarikat-syarikat konsesi terdiri daripada Faber MediServe Sdn. Bhd., Radicare (M) Sdn. Bhd. dan Tongkah Medivest Sdn. Bhd. Kos perbelanjaan bagi lima perkhidmatan sokongan hospital tersebut sebelum penswastaan dianggarkan RM140 juta. Untuk tahun pertama penswastaan kos perbelanjaan kerajaan adalah RM468.6 juta.

Peningkatan kos adalah kerana mutu perkhidmatan yang ditetapkan di dalam perjanjian konsesi adalah mengikut perundangan tempatan dan piawaian antarabangsa. Jika dibandingkan prasarana yang ada sebelum dan selepas penswastaan, kini terdapat tiga buah loji penunu iaitu di Bukit Rambai, Melaka, Kamunting di Perak dan Teluk Panglima Garang di Selangor yang menepati perundangan Jabatan Alam Sekitar dan piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Loji-loji tersebut adalah antara yang terbaik di rantau ini. Bilangan kakitangan yang terlibat di dalam pembekalan perkhidmatan telah turut meningkat. Jika sebelum penswastaan, terdapat 2,643 orang pegawai dan kakitangan sahaja yang terlibat di dalam lima perkhidmatan ini tetapi pada hari ini jumlah kakitangan syarikat konsesi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung mencapai 10,000 orang. Bengkel-bengkel kejuruteraan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan telah diwujudkan di hampir ke semua 127 buah hospital dan institusi Kementerian Kesihatan bagi menjamin kelicinan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kini pengurusan sisa klinikal diperluaskan kepada setiap hospital, institusi, pusat-pusat kesihatan serta klinik-klinik Kementerian Kesihatan. Sisa-sisa klinikal dilupuskan mengikut perundangan dan tidak lagi dibuang di tempat pembuangan sampah. Hasil daripada menswastakan perkhidmatan pencucian ialah hospital-hospital Kementerian Kesihatan jelas lebih kemas dan bersih sekarang. Bekalan kain bersih bagi kegunaan hospital dan pesakit adalah mencukupi dan mengikut jadual. Penyenggaraan berkala loji-loji kejuruteraan serta peralatan perubatan dilaksanakan mengikut jadual. Perkhidmatan penyenggaraan kejuruteraan yang teratur kini telah diperluaskan ke semua hospital dan institusi serta

meliputi setiap loji dan peralatan. Kerosakan peralatan dapat diperbaiki dalam tempoh masa yang lebih singkat berbanding sebelum penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengadakan satu mekanisme bagi menjamin prestasi yang berterusan iaitu dengan mewujudkan Formula Pemotongan. Melalui formula ini, yuran bulanan akan dikurangkan apabila terdapat aduan daripada kakitangan hospital atau pelanggan bahawa perkhidmatan tidak mematuhi kontrak. Mekanisme ini turut menjadi daya penggerak kepada syarikat konsesi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam projek penswastaan ini rakyat tidak dibebani dengan bayaran untuk lima khidmat sokongan tersebut. Kos perkhidmatan ini ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkorporatkan Institut Jantung Negara (IJN) pada 1 September 1992 untuk membolehkan IJN mengekalkan kepakaran kardiologi dan cardiothoracic serta meningkatkan kecekapan dalam rawatan penyakit jantung. Pengkorporatan IJN Sdn. Bhd telah dicadangkan dan dilaksanakan berasaskan kepada faktor-faktor seperti berikut:

- (i) sebagai sebuah badan korporat, IJN Sdn Bhd dapat menawarkan gaji yang kompetitif untuk mengekalkan pakar-pakar yang berpengalaman serta dapat menguruskan pengambilan kakitangan baru yang sukar diperolehi di pasaran mengikut kadar pembayaran gaji kakitangan kerajaan;
- (ii) pengkorporatan IJN Sdn. Bhd. akan membolehkannya menjadi lebih efisien dalam memenuhi objektif kerajaan supaya giliran menunggu bagi rawatan sakit jantung dipendekkan;
- (iii) IJN Sdn. Bhd akan dapat berkembang dengan lebih pesat dan dinamis sebagai sebuah pusat rujukan serantau bagi rawatan sakit jantung dan
- (iv) pengkorporatan IJN Sdn. Bhd akan bertindak sebagai pemangkin dalam pembangunan perkhidmatan

kesihatan khususnya rawatan sakit jantung, di mana penyakit tersebut merupakan 'number one cause of death in government hospital' dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengkorporatan IJN Sdn. Bhd kerajaan telah memastikan bahawa kepentingan golongan tidak mampu tidak terjejas dalam menerima rawatan daripada IJN Sdn Bhd. dengan menyediakan subsidi kepada mereka yang tidak mampu. Jumlah subsidi yang telah disediakan untuk membantu golongan tersebut adalah RM132.2 juta bagi tempoh 1992 sehingga tahun lalu. Faedah yang diterima daripada pengkorporatan IJN dapat dilihat dari segi beban kerja yang dihasilkan oleh institusi itu. Bilangan pembedahan cardiothoracic telah meningkat daripada 1,612 kes pada tahun kewangan 1992/1993 kepada 2,435 kes pada tahun kewangan 1998/1999. Bilangan prosedur kardiovaskular juga meningkat daripada 15,069 prosedur pada tahun kewangan 1992/1993 kepada 35,913 prosedur pada tahun kewangan 1998/1999.

Selain daripada itu, IJN juga berfungsi sebagai pusat latihan di mana sejumlah 314 doktor dan pakar perubatan dan 1,427 paramedik telah dilatih dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan rawatan sakit jantung. Dalam penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, kepentingan rakyat khususnya rakyat kurang berkemampuan telah dipelihara. Walaupun beberapa perkhidmatan kesihatan telah diswastakan seperti Makmal Ubat dan Stor dan lima perkhidmatan sokongan hospital, kadar yuran yang dikenakan kepada pesakit masih pada tahap seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Skim Pembiayaan Kesihatan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Klang, Kepong, Petaling Jaya Utara dan Permatang Pauh, Kementerian Kesihatan memang menyedari dan prihatin terhadap perlunya Skim Pembiayaan Kesihatan diwujudkan memandangkan penjagaan kesihatan kini semakin canggih, kompleks dan kosnya semakin meningkat terutamanya apabila isu liputan biayaan bagi warga tua diambil kira. Skim insurans perubatan syarikat swasta merupakan skim insurans yang berbentuk 'risk rating' dan bermotifkan keuntungan.

Dengan demikian, warga tua yang berumur melebihi 60 tahun sukar memperoleh perlindungan di bawah skim tersebut oleh kerana kadar premium yang terlalu tinggi. Sehubungan dengan perkara ini, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan sedang mengkaji pelaksanaan Skim Pembiayaan Kesihatan yang sesuai bagi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai model termasuk pengalaman negara-negara luar seperti negara USA, Korea, UK, Kanada dan Singapura sedang diteliti. Kekuatan dan kelemahan skim KWSP dan PERKESO juga dikenalpasti. Pada dasarnya Skim Pembiayaan Kesihatan tersebut berlandaskan konsep ekuiti dan akses yang memberi liputan menyeluruh terhadap perkhidmatan kesihatan untuk semua rakyat termasuk penduduk pedalaman, pekerja persendirian, golongan miskin, orang cacat, warga tua dan sebagainya sejajar dengan Wawasan Kesihatan dan juga Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Ahli Yang Berhormat bagi Arau telah membangkitkan berkenaan penerapan ilmu kesihatan di kalangan rakyat.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat dan berusaha menjamin kesihatan masyarakat melalui penyediaan satu perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan merangkumi aspek promosi, pencegahan, rawatan dan pemulihan. Perkhidmatan ini disediakan melalui klinik kesihatan dan klinik desa di kawasan luar bandar, dan melalui klinik kesihatan, klinik kesihatan ibu dan anak dan hospital-hospital di kawasan-kawasan bandar. Bagi kawasan terpencil, perkhidmatan juga disediakan melalui perkhidmatan pasukan bergerak.

Untuk menerapkan ilmu kesihatan di kalangan rakyat, kementerian Kesihatan telah melancarkan program Cara Hidup Sihat mulai tahun 1991. Tujuan kempen ini ialah untuk mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman cara hidup yang sihat bagi mencegah dan mengawal penyakit. Fasa pertama bermula pada tahun 1991 dengan tema, Cintailah Jantung Anda, lepas itu Mencegah dan Mengawal Penyakit Kelamin/AIDS, Kebersihan Makanan,

seterusnya Promosi Kesihatan Kanak-kanak. Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kanser dan pada tahun 1996, Diabetes.

Fasa kedua dilancarkan pada tahun 1997 yang menekankan kepada penggalakkan perubahan tingkah laku rakyat bagi mencapai kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera. Tema fasa kedua adalah seperti berikut – Makan Untuk Kesihatan pada tahun 1997. Promosi Senaman dan Kecergasan pada tahun 1998. Promosi Keselamatan dan Pencegahan Kecelakaan pada tahun 1999. Promosi Kesihatan Mental pada tahun ini. Keluarga Sihat tahun hadapan dan Promosi Kesihatan Alam Sekitar tahun 2002. Adalah menjadi hasrat kementerian saya agar peningkatan kesedaran dan kefahaman orang ramai ini dapat diterjemahkan dan dihayati di dalam amalan hidup seharian rakyat kita.

Berhubung dengan masalah ketiadaan pemandu ambulan dan operator telefon di Hospital Kinabatangan, Kementerian sedang mengambil tindakan untuk mengisi jawatan-jawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Selangau dan Baram telah membangkitkan di bawah Belanjawan 2000, berapakah peruntukan untuk pembinaan hospital dan klinik desa di negeri Sarawak. Pada tahun ini, dari jumlah peruntukan pembangunan yang disediakan untuk Sarawak, sebanyak RM3.12 juta ringgit adalah untuk pembinaan klinik-klinik kesihatan dan RM47 juta ringgit adalah untuk pembinaan hospital-hospital. Berkenaan tender untuk pembinaan klinik desa di Nanga Tepus dijangka akan dipanggil dalam bulan Jun tahun ini. Tender untuk pembinaan klinik desa di Kakus sudah selesai dibuat dan pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak akan mengeluarkan surat tawaran kepada kontraktor berkenaan pada Mac tahun ini.

Di kawasan Parlimen P.192 Baram terdapat 8 buah klinik kesihatan dan 16 buah klinik desa. Tanah untuk klinik kesihatan jenis 3 di Long Lama telah dibeli dan pembinaan klinik kesihatan ini adalah sedang dirancang. Tanah untuk Klinik Kesihatan Long San telah diluluskan dan akan dibeli pada tahun 2000. Pembinaan Klinik Kesihatan Long San adalah dalam perancangan. Kementerian Kesihatan sedang mengkaji keperluan menubuhkan tambahan klinik kesihatan di daerah Baram di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Ahli Yang Berhormat Selangau mencadangkan Pembantu Perubatan dari rumah panjang diberi kursus dan diberi elaun untuk membantu klinik desa Nanga Sangan yang kurang anggota. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan Perkhidmatan Doktor Udara diganti dengan pembinaan klinik desa di kawasan rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Pembantu Perubatan dari rumah panjang yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Selangau ialah Wakil Kesihatan Kampung. Wakil Kesihatan Kampung diwujudkan bertujuan meningkatkan penyertaan dan sumbangan masyarakat dalam penjagaan kesihatan. Penduduk rumah panjang yang secara sukarela dan berminat boleh diberi latihan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak untuk menjadi Wakil Kesihatan Kampung. Peranan mereka di peringkat kampung adalah termasuk mempromosi program kesihatan, memberi rawatan bagi penyakit-penyakit ringan dan kecederaan kecil serta membantu dalam pengesanan penyakit malaria dan tibi. Oleh kerana mereka bertugas atas dasar sukarela, mereka tidak diberi elaun. Selain itu tenaga mereka juga lebih diperlukan di peringkat kampung dan oleh itu kementerian tidak bercadang untuk meminta mereka membantu di klinik-klinik kesihatan atau klinik desa.

Perkhidmatan doktor udara ke lokasi-lokasi terpencil di Sarawak perlu diteruskan sehingga klinik-klinik kesihatan desa dapat dibina di lokasi-lokasi itu atau sehingga penduduk di lokasi berkenaan berpindah ke pusat-pusat pertumbuhan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Nibong Tebal membangkitkan isu perkhidmatan haemodialisis bagi pesakit yang menghidapi penyakit buah ginjal yang dikatakan beliau menimbulkan pelbagai masalah terhadap pesakit-pesakit berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa perkhidmatan haemodialisis di hospital-hospital perlu dipertingkatkan. Kementerian Kesihatan sedang mencuba sedaya upaya untuk memenuhi permintaan terhadap perkhidmatan ini. Dalam masa lima tahun kebelakangan ini 1996 sehingga tahun ini, 30 pusat haemodialisis telah ataupun dalam proses ditubuhkan oleh Kementerian Kesihatan berbanding dengan hanya 24 pusat

haemodialisis dari tahun 1969 sehingga 1995 iaitu dalam masa 30 tahun sebelumnya.

Mengenai dakwaan bahawa hanya 5% sahaja pesakit buah pinggang di negeri Pulau Pinang mendapat rawatan dialisis, ini adalah tidak benar. Kami juga tidak pasti dari sumber mana dakwaan yang mengatakan terdapat 1,000 orang pesakit buah pinggang di Pulau Pinang. Mengikut rekod terkini kami, terdapat 66 orang pesakit yang menerima rawatan haemodialisis di Hospital Pulau Pinang dan 34 orang lagi di Hospital Bukit Mertajam, jumlahnya 100 pesakit dan jumlah pesakit di negeri Pulau Pinang yang menerima rawatan haemodialisis adalah seramai 485 iaitu termasuk mereka di sektor swasta dan NGOs. Ini bermakna lebih kurang 20% daripada pesakit buah pinggang menerima rawatan haemodialisis di hospital-hospital kerajaan.

Di samping itu, seramai 94 pesakit yang lain menerima rawatan CAPD di Hospital Pulau Pinang, daripada jumlah 106 pesakit yang menerima modaliti rawatan ini di Pulau Pinang. Ini bermakna 591 pesakit buah ginjal menerima rawatan haemodialisis ataupun CAPD di Pulau Pinang. Sekiranya jumlah bilangan pesakit buah pinggang di negeri Pulau Pinang adalah 1,000 orang, kalau itu benar, kita tidak ada fakta-fakta yang menyokong dakwaan itu, peratusan pesakit yang menerima pelbagai rawatan adalah hampir 60% dan bukannya 5% seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Nibong Tebal. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada tahun ini peruntukan telah diluluskan di bawah Dasar Baru Kementerian Kesihatan untuk pembukaan tiga unit pusat haemodialisis di Negeri Pulau Pinang dan ini termasuk pusat di Hospital Sungai Bakap dalam kawasan Yang Berhormat.

Mengenai cadangan pihak kerajaan memberikan peruntukan kepada pertubuhan amal untuk membantu dalam perkhidmatan haemodialisis, kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan badan bukan kerajaan untuk turut membantu bersama. Malah Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (National Kidney Foundation-NKF) telah menerima geran sebanyak RM15 juta untuk membuka 10 pusat haemodialisis yang baru di seluruh negara dalam tempoh lima tahun, kerajaan beri RM15 juta. Kementerian Kesihatan telah mengadakan mesyuarat bersama pihak NKF baru-baru ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri banyak lagikah ucapan?

Datuk Chua Jui Meng: Hampir-hampir habis - dan NKF telah diminta untuk membantu pertubuhan-pertubuhan amal menubuhkan pusat-pusat dialisis di negara ini dengan memberi bantuan teknikal, latihan dan memantau kualiti perkhidmatan yang diberikan. Kementerian Kesihatan bersedia untuk memberikan sokongan kepada pertubuhan-pertubuhan amal supaya lebih banyak kemudahan haemodialisis dapat disediakan di seluruh negara.

Ahli Yang Berhormat bagi Nibong Tebal juga telah membangkitkan penggunaan pil ecstasy di kalangan remaja yang masih belum mendapat kawalan rapi dan mencadangkan lebih banyak serbuan dilakukan di pusat-pusat hiburan dan kawalan keluar masuk ubat-ubatan perlu diperketatkan. Undang-undang ke atas para pengedar pil berkenaan juga perlu dikaji semula. Kementerian Kesihatan sedar akan amalan penggunaan pil ecstasy di kalangan remaja di pusat-pusat hiburan. Dari maklumat yang diberikan oleh Agensi Dadah Kebangsaan rampasan ecstasy meningkat dari 9,231 biji pil pada tahun 1998 kepada 55,975 biji pil pada tahun lalu. Ecstasy telah disenaraikan sebagai dadah berbahaya sejak 21 Mei 1986. Pada sidang Parlimen 1998 lalu, Akta Dadah Berbahaya telah dipinda untuk meningkatkan penalti ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan dadah perangsang jenis amphetamine termasuk pil ecstasy dan penguatkuasaan pindaan ini telah berkuatkuasa pada 15 September 1998.

Walaupun undang-undang telah dipinda, peningkatan hukuman dan adanya hukuman mati mandatori ke atas pengedar dadah berbahaya sahaja tidak dapat menegah pengedaran pil ecstasy dan dadah berbahaya lain memandangkan penjualan pil ecstasy di pasaran gelap mendatangkan keuntungan yang lumayan. Penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya adalah dilaksanakan oleh pihak Polis dan Kastam. Kementerian percaya berbagai-bagai agensi penguatkuasaan ini telah meningkatkan usaha untuk membasmi penyalahgunaan dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Mambong membangkitkan mengenai sumber-sumber yang boleh memberi hasil yang lumayan kepada negara kita jika diperolehi, kegunaannya sebagai contoh, Tongkat Ali kini dipasarkan dengan meluasnya seperti serbuk kopi Tongkat Ali. Di Sarawak, pokok 'bintangau' yang mengandungi bahan kimia 'cholonoloid' air atas sifat-sifat perubatan yang boleh mengubati penyakit HIV dan AIDS. Kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak dengan sebuah syarikat pharmaceutical Amerika Syarikat kini sudah dalam fasa clinical trial di hospital-hospital di Amerika Syarikat termasuk juga di Hospital Kuala Lumpur dan sebuah hospital di Singapura.

Kementerian Kesihatan sentiasa menyokong usaha penggunaan sumber tempatan dan mengalu-alukan usaha beberapa kerajaan negeri yang telah menyediakan taman herba. Walau bagaimanapun, jika sesuatu keluaran dihasilkan dalam bentuk dos farmaseutikal seperti tablet, kapsul dan sebagainya dan mempunyai tuntutan perubatan. Keluaran itu perlu didaftarkan dengan pihak berkuasa kawalan dadah. Dari tahun 1992 apabila pendaftaran keluaran tradisional bermula sebanyak 4,098 keluaran tempatan telah didaftarkan iaitu 51% dari 7,966 keluaran tradisional yang berdaftar. Keluaran tradisional yang berdaftar termasuk keluaran yang mengandungi Tongkat Ali, Kacip Fatimah dan sebagainya. Sehingga kini kementerian belum menerima permohonan untuk mendaftarkan keluaran yang mengandungi 'bintangau'.

Kementerian juga bersedia membantu pengeluar ubat tradisional tempatan. Pengusaha ubat tradisional tempatan boleh mendapatkan bantuan untuk mematuhi Amalan Perkilangan Baik (Good Manufacturing Practice). Sehingga kini ada 128 kilang ubat tradisional tempatan yang telah memenuhi kehendak Amalan Perkilangan Baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tawau telah membangkitkan masalah pendatang tanpa izin yang begitu ramai di Sabah yang membawa risiko tinggi kepada kesihatan rakyat dan menggunakan kemudahan kesihatan atau perubatan yang tersedia untuk rakyat tempatan.

Pihak Kementerian Kesihatan menyedari bahawa kedatangan pendatang asing membawa risiko tinggi kepada kesihatan negara. Oleh yang

demikian, Kementerian telah mewujudkan satu mekanisma pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja asing. Melalui mekanisma ini pihak Kementerian Kesihatan dapat memperolehi segala maklumat status kesihatan pekerja asing yang dikumpul dalam sistem komputer berpusat. Dengan adanya maklumat ini, pihak Kementerian Kesihatan dapat mengatur langkah pencegahan dan pengawalan penyakit untuk mengurangkan risiko penyakit merbahaya kepada rakyat tempatan. Mengikut rekod yang diperolehi, sebanyak 109,943 pekerja asing telah diperiksa pada tahun 1999 dan daripada bilangan itu sebanyak 5,406 atau 4.9% telah disahkan tidak sihat untuk terus bekerja di Malaysia dan harus pulang ke negara asal mereka. Di antara penyakit berjangkit yang dikesan adalah penyakit kelamin 1,102 kes, Kusta 5 kes, TBC 350 kes, Hepatitis B 3,923 dan HIV 11 kes. Maklumat ini melibatkan pekerja yang datang dengan izin, yang diperiksa setiap tahun tetapi risiko lebih tinggi adalah dari pekerja yang datang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan perkhidmatan kesihatan kerajaan yang tinggi oleh pendatang asing di Sabah juga membimbangkan pihak Kementerian Kesihatan. Pada tahun lalu, 18.45% dari pesakit luar adalah warga asing di Sabah, 32.76% pesakit dalam dan 56.88% pesakit wad bersalin juga melibatkan orang asing. Walaupun kerajaan telah menetapkan caj kelas pertama bagi warga asing yang menggunakan perkhidmatan kerajaan tetapi kebanyakan caj tidak dibayar dan terus membebankan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ulasan dan jawapan-jawapan saya kepada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Kesihatan. Jika terdapat teguran-teguran dan jawapan-jawapan yang tidak diberi di Dewan yang mulia ini suka saya memberi jaminan bahawa Kementerian Kesihatan ini tetap memberi perhatian yang serius kepada perkara-perkara yang dibangkitkan kepada kementerian kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan ingin saya mengambil kesempatan ini bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Timbalan Yang di-Pertua dan saya sendiri mengucapkan Selamat Hari Raya

Haji kepada semua Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam. Dengan itu, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 20 Mac.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.

Senarai Ahli

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)

- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Mokhtar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Ke w (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)

Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Salamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

Jilid II	Bil. 18	Selasa	14 Mac 2000
-----------------	----------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG	
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	(Halaman 30)
<i>Jawapan oleh Kementerian</i>	
• Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi	(Halaman 31)
• Kementerian Belia dan Sukan	(Halaman 39)
• Kementerian Pembangunan Luar Bandar	(Halaman 62)
• Kementerian Pembangunan Usahawan	(Halaman 71)
• Kementerian Luar Negeri	(Halaman 84)
• Kementerian Kewangan	(Halaman 88)
• Kementerian Perusahaan Utama	(Halaman 125)
• Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	(Halaman 140)
• Kementerian Kesihatan	(Halaman 142)

